


# Panduan Pelabur

## PANDUAN PELABUR

I.	Insentif Pelaburan Mengikut Perundangan (seperti pada 19 Oktober 2001) .....	183
A.	Akta Penggalakan Pelaburan 1986 .....	183
B.	Akta Cukai Pendapatan 1967 .....	190
C.	Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (LOBATA) 1990....	206
D.	Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Zon Bebas 1990 .....	206
E.	Insentif Bukan Cukai .....	213
II.	Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 .....	219
III.	Garis Panduan Mengenai Pelaburan Asing .....	221
IV.	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) .....	223
V.	Pemindahan Teknologi .....	226
VI.	Perlindungan Harta Benda Intelek .....	228
VII.	Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) .....	229
VIII.	Akta Kemajuan Petroleum 1974 .....	233
IX.	Akta Bekalan Gas 1994 .....	233
X.	Suruhanjaya Sekuriti .....	234
XI.	Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) .....	240
XII.	Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia (COMMEX Malaysia) .....	243
XIII.	Peraturan Mengenai Perolehan Aset, Percantuman dan Pengambilalihan .....	247
XIV.	Polisi Kawalan Pertukaran Asing .....	249
XV.	Perjanjian Mengelakkan Cukai Dua Kali .....	256
XVI.	Perjanjian Jaminan Pelaburan .....	258



# Panduan Pelabur

## I. INSENTIF PELABURAN MENGIKUT PERUNDANGAN (SEPERTI PADA 19 OKTOBER 2001)

**M**alaysia menawarkan insentif untuk pelaburan dalam aktiviti yang digalakkan dalam industri perkilangan, pertanian, pelancongan termasuk hotel, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan latihan. Insentif ini diperuntukkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (LOBATA) 1990, Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Zon Bebas 1990. Insentif tersebut disediakan untuk memberi pelepasan sebahagian atau sepenuhnya dari bayaran cukai bagi tempoh yang tertentu.

### A. AKTA PENGALAKAN PELABURAN 1986

#### 1. Taraf Perintis (TP)

Syarikat yang diluluskan TP akan menikmati pengecualian yang berbeza mengikut jenis keluaran dan aktiviti yang digalakkan seperti berikut:

- (a) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan.

Syarikat akan diberi pengecualian ke atas 70% daripada pendapatan berkanunnya selama 5 tahun. Baki 30% daripada pendapatan berkanunnya akan dikenakan cukai pendapatan syarikat mengikut kadar semasa.

- (b) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan di kawasan yang digalakkan.

Syarikat yang ditempatkan di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor akan diberi pengecualian ke atas 85% daripada pendapatan berkanun selama 5 tahun. Baki 15% daripada pendapatan berkanunnya akan dikenakan cukai pendapatan syarikat mengikut kadar semasa.

- (c) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan untuk syarikat berteknologi tinggi.

Syarikat akan diberi pengecualian sepenuhnya cukai pendapatan, iaitu ke atas 100% pendapatan berkanunnya selama 5 tahun.

- (d) Keluaran yang digalakkan dalam skim rantaian industri yang diluluskan (syarikat IKS yang mengeluarkan barangan perantaraan).

Syarikat akan diberi pengecualian sepenuhnya cukai pendapatan, iaitu ke atas 100% pendapatan berkanunnya selama 5 tahun.

- (e) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan yang strategik dan mempunyai kepentingan nasional.

Syarikat akan diberi pengecualian sepenuhnya cukai pendapatan iaitu ke atas

---

\* hanya untuk industri hotel dan pelancongan

100% pendapatan berkanunnya selama 5 tahun dan layak untuk lanjutan selama 5 tahun lagi. Syarikat yang telah memulakan operasi juga layak tetapi insentif hanya diberi ke atas pendapatan tambahan. Syarikat yang sedang menikmati TP boleh memohon pada akhir tempoh insentif yang sedang dinikmati.

- (i) Syarikat yang telah diberi taraf sebagai Syarikat Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah juga layak mendapat insentif bagi projek strategik ini di samping insentif lain di bawah "Bill of Guarantees". Insentif cukai yang telah diberi kepada syarikat bertaraf MSC juga dipanjangkan kepada fakulti multimedia yang berada di luar kawasan MSC. Fakulti multimedia yang layak memohon insentif ini adalah pusat pengajian yang mengendalikan kursus-kursus media, komputer, teknologi maklumat, telekomunikasi, komunikasi dan bidang yang berkaitan dengan data, suara, grafik dan imej.
- (ii) Syarikat dalam skim rantai industri yang diluluskan yang mengeluarkan barangan perantaraan yang mencapai taraf dunia dari segi harga, mutu dan keupayaan pengeluaran juga layak mendapat galakan bagi projek strategik ini.
- (f) Syarikat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kontrak (Syarikat R&D Kontrak).

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia kepada syarikat selain daripada syarikat berkaitan dengannya). Syarikat akan diberi pengecualian sepenuhnya cukai pendapatan, iaitu ke atas 100% pendapatan berkanunnya selama 5 tahun.

Syarat-syarat bagi syarikat yang menikmati TP:

- (i) Syarikat yang diberi TP hendaklah memohon Sijil Perintis dalam tempoh 6

bulan atau dalam tempoh lanjutan yang telah diluluskan, yang mana di antaranya akan menyatakan tarikh pengeluaran bagi pengecualian sepenuhnya/sebahagian cukai pendapatan.

- (ii) Elaun modal hendaklah digunakan dalam tempoh perintis dan tidak dibenarkan untuk dibawa kepada tempoh selepas perintis.
- (iii) Kerugian yang tidak digunakan dalam tempoh perintis tidak dibenarkan untuk dibawa kepada tempoh selepas perintis kecuali bagi TP untuk Syarikat R&D Kontrak.
- (iv) Dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai juga dikecualikan cukai di peringkat pemegang saham.

## 2. Elaun Cukai Pelaburan (ECP)

ECP adalah galakan yang diberi secara pilihan kepada TP dan direkabentuk untuk projek yang mempunyai modal pelaburan yang besar dan tempoh pulangan modal yang panjang. Seperti dalam kes TP, syarikat yang diberi ECP akan menikmati tahap pengecualian yang berbeza bergantung kepada jenis keluaran atau aktiviti yang digalakkan seperti berikut:

- (a) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan.

Syarikat akan diberi satu kadar elaun sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak (seperti kilang, jentera, mesin dan peralatan lain yang digunakan untuk projek yang diluluskan) yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Baki pendapatan berkanun akan dikenakan cukai pendapatan syarikat mengikut kadar cukai yang sedang berkuatkuasa. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

- (b) Keluaran atau aktiviti yang digalakan di kawasan yang digalakkan.

Syarikat yang ditempatkan di Sabah Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan\* dan di Koridor Pantai Timur, Semenanjung Malaysia meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor akan diberi satu kadar elaun sebanyak 80% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 85% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Baki pendapatan berkanun akan dikenakan cukai pendapatan syarikat mengikut kadar cukai yang sedang berkuatkuasa. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

- (c) Keluaran atau aktiviti digalakkan untuk syarikat berteknologi tinggi.

Syarikat akan diberi satu kadar elaun sebanyak 60% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

- (d) Keluaran yang digalakkan dalam skim rantaian industri yang diluluskan.

Syarikat akan diberi satu kadar elaun sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke

tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

- (e) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan yang strategik dan mempunyai kepentingan nasional.

Syarikat akan diberi satu kadar elaun sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya. Syarikat yang telah memulakan operasi juga layak tetapi insentif hanya diberi ke atas pelaburan tambahan. Syarikat yang sedang menikmati ECP boleh memohon pada akhir tempoh insentif yang sedang dinikmati.

- (i) Syarikat yang telah diberi taraf sebagai Syarikat Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah juga layak mendapat insentif bagi projek strategik ini disamping insentif lain di bawah "Bill of Guarantees". Insentif cukai yang telah diberi kepada syarikat bertaraf MSC juga dipanjangkan kepada fakulti multimedia yang berada di luar kawasan MSC. Fakulti multimedia dalam insentif ini adalah dirujuk sebagai pusat pengajian yang mengendalikan kursus-kursus media, komputer, teknologi maklumat, telekomunikasi, komunikasi dan kandungan yang berkaitan dengan data, suara, grafik dan imej.
- (ii) Syarikat dalam skim rantaian industri yang diluluskan yang mengeluarkan barangan perantaraan yang mencapai taraf dunia dari segi harga, mutu dan keupayaan pengeluaran adalah layak.

\* hanya untuk industri hotel dan pelancongan

## (f) Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&amp;D)

Insentif yang berlainan diberi kepada syarikat yang khusus menjalankan aktiviti R&D, iaitu insentif bagi “Syarikat R&D” dan insentif bagi “Syarikat R&D Kontrak”:

- (i) Syarikat R&D (syarikat yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia kepada syarikat berkaitan dengannya atau syarikat lain).

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Baki pendapatan berkanun akan dikenakan cukai pendapatan syarikat mengikut kadar cukai yang sedang berkuatkuasa. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

- (ii) Syarikat R&D Kontrak (syarikat yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia kepada syarikat selain daripada syarikat berkaitan dengannya).

Syarikat akan diberi satu kadar elaun sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Baki pendapatan berkanun akan dikenakan cukai pendapatan syarikat mengikut kadar cukai yang sedang berkuatkuasa. Sebarang jumlah elaun yang tidak

digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

- (iii) Aktiviti R&D Dalam (aktiviti R&D di Malaysia yang dijalankan secara dalaman oleh syarikat untuk perniagaannya sendiri).

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 50% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Baki pendapatan berkanun akan dikenakan cukai pendapatan syarikat mengikut kadar cukai yang sedang berkuatkuasa. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

- (g) Syarikat Latihan Teknikal atau Vokasional

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Baki pendapatan berkanun akan dikenakan cukai pendapatan syarikat mengikut kadar cukai yang sedang berkuatkuasa. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

Syarikat yang telah sedia menubuhkan institusi latihan teknikal atau vokasional dan melakukan pelaburan baru untuk meningkatkan kelengkapan latihan atau mengembangkan keupayaan latihan mereka juga layak mendapat insentif ini.

### 3. Elaun Penyelarasan Perindustrian (EPP)

EPP diberi kepada syarikat dalam sektor perkilangan terpilih iaitu sektor berasaskan kayu, tekstil, jentera dan kejuruteraan, stamping, acuan, perkakasan dan sub sektor jentera. Syarikat hendaklah telah beroperasi sebelum 31.12.1990 dan telah terlibat dalam aktiviti penyelarasan perindustrian tertentu seperti penyusunan semula, pembentukan semula atau pencantuman di kalangan sektor berkenaan.

Syarikat diberi elaun sebanyak 60% hingga 100% berdasarkan aktiviti penyelarasan perindustrian yang dijalankan. Elaun diberi ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi tempoh 5 tahun. Elaun boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% pendapatan larian dalam suatu tahun taksiran.

Syarat-syarat bagi syarikat yang menikmati ECP & EPP:

- (i) Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.
- (ii) Dividen dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai adalah juga dikecualikan di peringkat pemegang saham.

### 4. Elaun Infrastruktur (EI)

EI diberi kepada mana-mana syarikat pemastautin di Malaysia yang menjalankan aktiviti perkilangan, hotel, pelancongan atau lain-lain aktiviti perdagangan atau perindustrian di Sabah, Sarawak dan di Koridor Pantai Timur, Semenanjung Malaysia.

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal bagi pembinaan infrastruktur (seperti pembinaan semula, penambahan atau pembaikan mana-mana struktur kekal termasuk jambatan, jeti, pelabuhan atau jalan raya). Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 85% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Baki pendapatan berkanun akan dikenakan cukai pendapatan syarikat mengikut kadar cukai yang sedang berkuatkuasa. Sebarang jumlah elaun

yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

### 5. Potongan Dua Kali bagi Penggalakan Eksport

Insentif ini diberi kepada mana-mana syarikat pemastautin di Malaysia yang mencari peluang eksport bagi barangan perkilangan dan pertanian.

Perbelanjaan yang layak untuk potongan dua kali adalah:

- (a) pengiklanan di luar negeri;
- (b) pembekalan sampel percuma ke luar negeri;
- (c) penyelidikan pasaran eksport;
- (d) penyediaan tender untuk membekalkan barangan ke luar negeri;
- (e) penghantaran maklumat teknikal ke luar negeri;
- (f) barang-barang pameran dan/atau penyertaan dalam pameran perdagangan atau perindustrian yang diadakan dalam negeri atau di luar negeri yang diluluskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
- (g) tambang perjalanan ke luar negeri bagi kakitangan syarikat atas urusan perniagaan;
- (h) perbelanjaan penginapan dan belanja sara hidup peniaga-peniaga Malaysia yang pergi ke luar negeri atas urusan perniagaan tertakluk kepada maksimum RM200 sehari; dan
- (i) kos penyelenggaraan pejabat jualan di luar negeri bagi menggalakkan eksport.
- (j) bayaran khidmat profesional bagi merekabentuk pembungkusan tertakluk kepada syarat mutu barangan bertaraf eksport dan syarikat menggunakan khidmat profesional tempatan

Bagi syarikat yang menikmati TP, potongan boleh dikumpul dan dibenarkan untuk ditolak daripada pendapatan selepas tamat tempoh TP.

## 6. Galakan Untuk Projek Ladang Hutan

Syarikat yang menjalankan projek ladang hutan diberikan galakan berikut:

- (i) pengecualian sepenuhnya cukai pendapatan iaitu ke atas 100% pendapatan berkanun selama 5 tahun dan layak untuk lanjutan selama 5 tahun lagi; atau
- (ii) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan memberi elaun untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

## 7. Galakan Untuk Penstoran, Perawatan Dan Pelupusan Buangan Toksik Dan Merbahaya.

Syarikat yang terlibat secara langsung serta integrated dalam aktiviti penstoran, perawatan dan pelupusan buangan toksik dan merbahaya diberikan:

- (i) pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun; atau
- (ii) Elaun Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan berkanun. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.
- (iii) Aktiviti yang dijalankan di kawasan yang digalakkan adalah layak untuk mendapatkan pengecualian cukai pendapatan atau Elaun Cukai Pelaburan selaras dengan yang diberikan untuk kawasan yang digalakkan.

## 8. Galakan Untuk Aktiviti Kitaran Semula Buangan

Syarikat yang menjalankan aktiviti kitaran semula buangan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi serta yang menggunakan teknologi tinggi diberikan galakan berikut:

- (i) pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun; atau
- (ii) Elaun Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan berkanun. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.
- (iii) Aktiviti yang dijalankan di kawasan yang digalakkan adalah layak untuk mendapatkan pengecualian cukai pendapatan atau Elaun Cukai Pelaburan selaras dengan yang diberikan untuk kawasan yang digalakkan.

## 9. Galakan Penjimatan Penggunaan Tenaga

- (A) Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan penggunaan tenaga:
  - (i) pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun; atau
  - (ii) Elaun Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan berkanun. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.



(iii) Aktiviti yang dijalankan di kawasan yang digalakkan adalah layak untuk mendapatkan pengecualian cukai pendapatan atau Elaun Cukai Pelaburan selaras dengan yang diberikan untuk kawasan yang digalakkan. Galakan ini adalah bagi permohonan yang diterima mulai **28 Oktober 2000 hingga 31 Disember 2002** dengan syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

(B) Syarikat yang melakukan perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan penggunaan tenaga dalam syarikatnya sendiri, diberikan galakan Elaun Modal Dipercepatkan ke atas peralatan berkaitan yang boleh dihapuskira dalam tempoh 3 tahun. Galakan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2001.

## 10. Galakan Bagi Penggunaan Sebagai Sumber Tenaga Baru

Syarikat yang ingin mengeluarkan 'tenaga' daripada 'biomass' diberi galakan berikut:

- (i) pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun; atau
- (ii) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan berkanun. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.
- (iii) Aktiviti yang dijalankan di kawasan yang digalakkan adalah layak untuk mendapatkan pengecualian cukai pendapatan atau Elaun Cukai Pelaburan selaras dengan yang diberikan untuk kawasan yang digalakkan.

Galakan ini adalah bagi permohonan yang diterima mulai **28 Oktober 2000 hingga 31 Disember 2002** dengan syarat syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

Bagi tujuan galakan ini sumber-sumber 'biomass' merujuk kepada berikut:

- (i) Bahan Buangan Kilang Kelapa Sawit/Estet Kelapa Sawit
- (ii) Bahan Buangan Kilang Padi
- (iii) Bahan Buangan Kilang Tebu
- (iv) Bahan Buangan Kilang Balak/Papan
- (v) Bahan Buangan Kilang Kitar-Semula Kertas
- (vi) Bahan Buangan Kutipan Sampah
- (vii) Biogas(Daripada Tapak Pelupusan, Bahan Buangan Kilang Kelapa Sawit, Bahan Buangan Haiwan Dan Lain-Lain)

Jenis 'tenaga' dalam galakan ini merujuk kepada berikut:

- (i) Tenaga Elektrik
- (ii) Wap
- (iii) Air Dingin
- (iv) Haba

## 11. Insentif Bagi Syarikat Yang Menyediakan Kemudahan Dan Perkhidmatan Bilik Sejuk Untuk Keluaran Bahan Makanan

Syarikat yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bilik sejuk untuk keluaran bahan makanan tempatan yang mudah rosak, diberi galakan berikut:

- (i) pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 5 tahun; atau
- (ii) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan berkanun. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa

ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

- (iii) Aktiviti yang dijalankan di kawasan yang digalakkan adalah layak untuk mendapatkan pengecualian cukai pendapatan atau Elaun Cukai Pelaburan selaras dengan yang diberikan untuk kawasan yang digalakkan.

## B. AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

### 1. Pengecualian Cukai Pendapatan

- (a) Projek Perkhidmatan Yang Diluluskan (PPL)-( Seksyen 127)

Pendapatan syarikat yang menjalankan PPL dikecualikan daripada cukai pendapatan di peringkat pendapatan berkanun. Tahap pengecualian cukai di peringkat pendapatan berkanun berbeza di antara 70% dan 100% bagi tempoh 5 hingga 10 years daripada tarikh pertama pendapatan diperolehi. Jenis pengecualian adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat yang menjalankan PPL akan diberi pengecualian pendapatan ke atas 70% daripada pendapatan berkanun selama 5 tahun. Baki 30% daripada pendapatan berkanunnya akan dikenakan cukai pendapatan syarikat mengikut kadar semasa;
- (ii) Syarikat yang menjalankan PPL di Sabah, Sarawak dan di Koridor Pantari Timur, Semenanjung Malaysia akan diberi pengecualian ke atas 85% daripada pendapatan berkanun selama 5 tahun. Baki 15% daripada pendapatan berkanunnya akan dikenakan cukai pendapatan syarikat mengikut kadar semasa;
- (iii) Syarikat yang menjalankan PPL yang strategik dan kepentingan nasional akan diberi pengecualian sepenuhnya ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 10 tahun.

Nota:

- Dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai adalah juga dikecualikan daripada cukai pendapatan di peringkat pemegang saham.
- Elaun modal dan kerugian hendaklah digunakan dalam tempoh pengecualian dan tidak dibenarkan untuk dibawa ke tempoh selepas pengecualian.

- (b) Syarikat Perdagangan

Syarikat yang telah diluluskan sebagai "Syarikat Perdagangan Antarabangsa" diberi pengecualian sehingga 70% daripada pendapatan berkanun yang diperolehi daripada peningkatan jualan eksport. Bagi tujuan insentif, jualan eksport tidak termasuk komisyen perdagangan dan keuntungan daripada perdagangan di Bursa Komoditi. Pengecualian ini adalah bagi tempoh 5 tahun. Untuk layak sebagai "Syarikat Perdagangan Antarabangsa", syarikat hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- (i) diperbadankan di Malaysia;
- (ii) mencapai jualan tahunan melebihi RM25 juta;
- (iii) pemilikan ekuiti oleh sekurang-kurangnya 70% rakyat Malaysia;
- (iv) memasarkan barangan perkilangan, terutamanya barangan syarikat dari industri kecil dan sederhana; dan
- (v) mendaftar dengan MATRADE.

Sebagai tambahan, syarikat hendaklah memenuhi syarat berikut sebelum dapat menikmati pengecualian cukai:

- (i) tidak lebih daripada 20% nilai jualan tahunan diperolehi daripada perniagaan barangan komoditi;
- (ii) tidak lebih daripada 20% nilai jualan tahunan diperolehi daripada penjualan barangan syarikat berkaitannya; dan

- (iii) menggunakan kemudahan tempatan seperti perbankan, kewangan, insurans, pelabuhan dan lapangan terbang.

(c) Ibu Pejabat Operasi (IPO)

Syarikat IPO yang diluluskan adalah syarikat yang ditubuhkan di dalam negeri yang menjalankan perniagaan di Malaysia dengan menyediakan 'perkhidmatan yang layak' kepada pejabat-pejabat atau syarikat berkaitannya di luar Malaysia dan diluluskan oleh Menteri Kewangan.

'Perkhidmatan yang layak' yang berkaitan adalah:

- (i) pengurusan am dan pentadbiran;
- (ii) perancangan dan penyelarasan perniagaan;
- (iii) perolehan bahan mentah, komponen dan barangan siap;
- (iv) bantuan teknikal dan penyelenggaraan;
- (v) perancangan promosi jualan dan kawalan pemasaran;
- (vi) pengurusan personel dan latihan;
- (vii) khidmat perbendaharaan dan pengurusan dana;
- (viii) khidmat nasihat kewangan syarikat;
- (ix) kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D);

Syarikat yang diberi kelulusan taraf IPO akan menikmati konsesi cukai 10% ke atas pendapatan perniagaan, pendapatan daripada pinjaman/khidmat pengurusan dana dan pendapatan royalti yang diterima daripada kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Pendapatan yang diperolehi daripada sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia oleh Syarikat pemastautin tidak tertakluk kepada cukai.

Tempoh insentif IPO adalah untuk 5 tahun dan boleh dilanjutkan untuk 5 tahun lagi.

(d) Galakan Untuk Industri Modal Teroka

Galakan berikut sedia ada:

(i) Syarikat Modal Teroka Yang Melabur Dalam Syarikat Teroka:

Syarikat modal teroka (VCC) yang melabur dalam syarikat teroka diberikan pengecualian cukai sepenuhnya keatas semua punca pendapatan bagi 10 tahun taksiran atau bagi tahun-tahun taksiran bersamaan dengan hayat dana yang ditubuhkan bagi tujuan untuk melabur dalam suatu syarikat teroka, yang mana lebih kurang. Sekiranya syarikat modal teroka mengalami kerugian daripada pelupusan syer dalam sesuatu syarikat teroka dalam suatu tempoh asas bagi mana-mana tahun taksiran dalam tempoh pengecualian, kerugian berkenaan hendaklah dibawa ke hadapan bagi tempoh selepas pengecualian.

Syarat-syarat kelayakan bagi pengecualian:

- adalah sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, suatu perkongsian, suatu skim atau suatu perkiraan yang melabur dalam sesuatu syarikat teroka dalam bentuk modal benih, pembiayaan permulaan atau pembiayaan peringkat awal;
- syarikat telah melabur sekurang-kurangnya 70% daripada dananya dalam syarikat teroka yang merupakan syarikat teroka yang tidak mempunyai hubungkait pada masa pelaburan pertama dibuat;

- syarikat teroka hendaklah bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran dan terlibat dalam aktiviti/keluaran yang digalakkan oleh Kerajaan termasuk berikut:
  - aktiviti/keluaran yang telah mendapat galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang diberikan oleh MIDA/MITI, yang telah mendapat galakan berteknologi tinggi diberikan oleh MIDA, yang telah mendapat status MSC yang di berikan oleh MDC dan SMIDEC;
  - aktiviti berasaskan teknologi yang disenaraikan di MESDAQ;
  - Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri yang diluluskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; atau
  - Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Koridor Raya Multimedia yang diberikan oleh MDC.

VCC hendaklah memperolehi surat pengesahan tahunan daripada Suruhanjaya Sekuriti yang mengesahkan syarat-syarat yang dikenakan untuk galakan telah pun dipatuhi. Surat pengesahan mestilah dikepilkan bersama-sama dengan borang penyata cukai pendapatan untuk dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Galakan ini berkuatkuasa mulai dari

tahun taksiran 2000 berkenaan dengan tempoh asas yang berakhir dalam tahun 2000.

(ii) Syarikat Atau Individu Yang Melabur Dalam Syarikat Teroka:

Syarikat atau individu yang mempunyai sesuatu punca perniagaan, yang telah melabur dalam syarikat teroka dalam bentuk pembiayaan peringkat awal, permulaan dan pertama layak mendapat potongan daripada pendapatan larasan suatu amaun yang bersamaan dengan nilai pelaburan yang dibuat dalam sesuatu syarikat teroka. Sekiranya syarikat atau individu itu tidak mempunyai pendapatan larasan yang mencukupi untuk ditolak pelaburan yang dibuat, potongan itu dibenarkan dibawa ke hadapan.

Syarat-syarat kelayakan bagi potongan:

- adalah pemastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran serta memberi pembiayaan atau bantuan modal kepada syarikat teroka sebagai modal benih, peringkat awal atau permulaan;
- pelaburan dalam sesuatu syarikat teroka adalah dalam bentuk pegangan saham di mana pada masa perolehan tidak disenaraikan bagi sebut harga dalam senarai rasmi sesuatu bursa saham;
- syarikat teroka hendaklah merupakan syarikat yang tidak mempunyai hubungkait pada masa pelaburan pertama dibuat;
- syarikat teroka hendaklah bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi

sesuatu tahun taksiran dan terlibat dalam aktiviti/keluaran yang digalakkan oleh Kerajaan termasuk berikut:

- aktiviti/keluaran yang telah mendapat galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang diberikan oleh MIDA/MITI, yang telah mendapat galakan berteknologi tinggi diberikan oleh MIDA, yang telah mendapat status MSC yang diberikan oleh MDC dan SMIDEC;
- aktiviti berasaskan teknologi yang disenaraikan di MESDAQ;
- Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri yang diluluskan oleh Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar; atau
- Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Koridor Raya Multimedia yang diberikan oleh MDC.

VCC hendaklah memperolehi surat pengesahan tahunan daripada Suruhanjaya Sekuriti yang mengesahkan syarat-syarat yang dikenakan untuk galakan telah pun dipatuhi. Surat pengesahan mestilah dikepulkan bersama-sama dengan borang penyata cukai pendapatan untuk dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Galakan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 2001. Untuk syarikat, pilihan hendaklah dibuat antara galakan di 1 (d) (i) dan (ii).

Bagi tujuan mendapatkan galakan, definisi peringkat-peringkat pembiayaan adalah seperti berikut:

“pembiayaan peringkat awal” ertinya pembiayaan atau bantuan modal yang diberikan kepada sesuatu syarikat modal teroka sebagai:

- (a) perbelanjaan modal atau modal kerja bagi memulakan perdagangan sesuatu teknologi atau keluaran;
- (b) perbelanjaan modal tambahan dan/atau modal kerja tambahan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran, pemasaran atau pembangunan keluaran; atau
- (c) suatu pembiayaan interim bagi sesuatu syarikat teroka yang dijangka disenaraikan dalam senarai rasmi sesuatu bursa saham.

Untuk produk atau aktiviti yang tidak disenaraikan di Bursa Dagangan Sekuriti dan SebutargaAutomasi Malaysia Berhad (MESDAQ) sebagai aktiviti berasaskan teknologi, perenggan (b) atau (c) hanya boleh dipakai sekiranya pembiayaan atau bantuan modal adalah daripada modal benih atau pembiayaan permulaan.

“pembiayaan modal benih” ertinya pembiayaan atau bantuan modal yang diberikan kepada sesuatu syarikat modal teroka bagi tujuan penyelidikan, penilaian dan pembangunan sesuatu konsep permulaan dan/atau prototaip.

“pembiayaan permulaan” ertinya pembiayaan atau bantuan modal yang diberikan kepada sesuatu syarikat teroka bagi pembangunan keluaran dan permulaan pemasaran.

#### (e) Pengusaha Pelancongan

##### (i) Insentif Untuk Membawa Masuk Pelancong Asing

Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan pengusaha pelancongan tertakluk kepada pengusaha pelancongan dilesenkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan pengusaha pelancong berkenaan membawa masuk sekurang-kurangnya 500 pelancong asing setahun melalui lawatan secara berkumpulan. Insentif ini dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2001 (asas tahun semasa).

## (ii) Insentif Untuk Pelancongan Tempatan

Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan pengusaha pelancongan tertakluk kepada pengusaha pelancongan dilesenkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan pengusaha berkenaan mengendali pakej pelancong tempatan dengan sekurang-kurangnya 1,200 pelancong tempatan setahun. Bagi tujuan ini, pakej pelancongan tempatan bererti mana-mana pakej pelancongan dalam Malaysia yang disertai oleh pelancong tempatan (individu berwarganegara Malaysia atau menetap di Malaysia) termasuk pengangkutan udara, darat atau laut dan penyediaan penginapan untuk sekurang-kurangnya satu malam. Insentif ini dilanjutkan bagi tahun taksiran 2001 (asas tahun semasa).

## (e) Penganjur Persidangan Antarabangsa

Syarikat tempatan yang menganjur persidangan antarabangsa di Malaysia adalah layak untuk pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada membawa masuk sekurang-kurangnya 500 peserta persidangan setahun dari luar negeri.

## (g) Promosi Eksport

- (i) Pengecualian ke atas pendapatan berkanun bersamaan 10% daripada nilai peningkatan eksport diberi kepada pengilang sekiranya barangan yang dieksport mencapai nilai ditambah sekurang-kurangnya 30%;
- (ii) Pengecualian ke atas pendapatan berkanun bersamaan 15% daripada nilai peningkatan eksport diberi kepada pengilang sekiranya barangan yang dieksport mencapai nilai ditambah sekurang-kurangnya 50%;

(iii) Pengecualian ke atas pendapatan berkanun bersamaan 10% daripada nilai peningkatan eksport diberi kepada syarikat yang mengeksport buah-buah dan bunga segar;

(iv) Pengecualian ke atas pendapatan berkanun bersamaan 10% daripada nilai peningkatan eksport diberi kepada syarikat dalam bidang perkhidmatan yang terpilih seperti berikut:

- (a) guaman;
- (b) perakaunan;
- (c) perunding kejuruteraan;
- (d) arkitek;
- (e) pemasaran;
- (f) perunding perniagaan;
- (g) perkhidmatan pejabat;
- (h) pengurusan pembinaan;
- (i) pengurusan bangunan;
- (j) pengurusan perladangan;
- (k) perubatan;
- (l) pendidikan;
- (m) penerbitan; dan
- (n) teknologi maklumat dan komunikasi

## (h) Promosi Acara Perlumbaan Kereta dan Motorsikal

Pemandu dan penganjur acara perlumbaan kereta dan motorsikal yang bertaraf antarabangsa di Malaysia layak menikmati galakan berikut:

- (i) Pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan yang diperolehi oleh pemandu;
- (ii) Pengecualian cukai sebanyak 50% ke atas pendapatan yang diperolehi oleh penganjur.

- (i) Promosi Aktiviti Penyelenggaraan Bot Mewah dan Kapal Layar di Langkawi

Syarikat yang menjalankan aktiviti membaiki dan menyelenggara bot mewah dan kapal layar di Langkawi layak menikmati pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan bagi 5 tahun.

- (j) Galakan Untuk Pelabur dan Pengeluar Bahan Makanan

Syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dalam pengeluaran bahan makanan layak mendapat galakan pilihan pertama atau kedua.

Pilihan Pertama:

- (i) syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dalam pengeluaran bahan makanan diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari tersebut; DAN
- (ii) syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun bermula dari tahun pertama syarikat mendapat keuntungan di mana:

- (a) kerugian sebelum bermula tempoh pengecualian cukai dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh 10 tahun.
- (b) kerugian dalam tempoh pengecualian cukai juga dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun; dan
- (c) dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham.

**ATAU**

Pilihan Kedua:

- (i) syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dalam pengeluaran bahan makanan diberi group relief ke atas kerugian syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan bagi tempoh sebelum syarikat pengeluar bahan makanan tersebut membuat keuntungan; DAN
- (ii) syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun bermula dari tahun pertama syarikat mendapat keuntungan dan:
- (a) kerugian dalam tempoh pengecualian cukai dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun; dan
- (b) dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai dikecualikan di peringkat pemegang saham.

Galakan ini diberi dengan syarat:

- (i) syarikat yang melabur hendaklah memiliki 100% syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan tersebut;
- (ii) bahan makanan yang layak adalah seperti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Sebagai permulaan, bahan makanan yang diluluskan ialah kenaf, sayur-sayuran, buah-buahan, herba, rempah ratus, akuakultur dan penternakan lembu, kambing dan biri-biri; dan
- (iii) projek pengeluaran bahan makanan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

Permohonan bagi galakan ini hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian **sebelum 31 Disember 2003** untuk mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan.

## 2. Elaun Pelaburan (EP) (Jadual 7B)

EP adalah diberi sebagai alternatif kepada pengecualian cukai pendapatan di bawah seksyen 127 untuk syarikat yang menjalankan PPL. Di bawah EP, kuantum elaun yang diberi berbeza. Kadar elaun yang diberi adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat yang menjalankan PPL akan diberi EP sebanyak 60% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun;
- (ii) Syarikat yang menjalankan PPL di Sabah, Sarawak dan di Koridor Pantai Timur, Semenanjung Malaysia akan diberi EP sebanyak 80% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 85% daripada pendapatan berkanun;
- (iii) Syarikat yang menjalankan PPL yang strategik dan mempunyai kepentingan nasional akan diberi EP sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun.

Nota:

- Dividen dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai adalah juga dikecualikan di peringkat pemegang saham.
- Sebarang elaun yang tidak digunakan adalah dibenarkan untuk dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

## 3. Elaun Pelaburan Semula (EPS)

EPS adalah diberi kepada syarikat perkilangan dan pertanian yang mengeluarkan barangan makanan asas (beras, jagung, sayur-sayuran, ubi, ternakan haiwan, pengeluaran barangan akuatik dan aktiviti lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan) yang menjalankan aktiviti pembesaran, pemodenan dan pelbagaian.

Tahap pemberian EPS adalah seperti berikut:

- (a) Projek di kawasan yang digalakkan seperti di Sabah, Sarawak dan Koridor Pantai Timur, Semenanjung Malaysia yang meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor.
  - EPS sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran.
- (b) Projek di luar kawasan yang digalakkan (di luar Koridor Pantai Timur, Semenanjung Malaysia)
  - (i) EPS sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran. Baki pendapatan berkanun tertakluk kepada cukai pendapatan syarikat mengikut cukai semasa.
  - (ii) Syarikat yang menjalankan pelaburan semula yang berjaya meningkatkan tahap produktiviti dengan signifikan akan diberi EPS sebanyak 60% di mana potongan dibenarkan sehingga 100% pendapatan berkanun.

Definisi “peningkatan produktiviti dengan signifikan”

NKP telah meningkat pada kadar sekurang-kurangnya sama dengan kadar pertumbuhan KDNK industri berkenaan.



Formula : Nisbah Kecekapan Proses (NKP)

$$\text{NKP} = \frac{\text{Jumlah Output} - \text{BPD}}{\text{Jumlah Input} - \text{BPD}}$$

Di mana, BPD ( Bahan dan Perkhidmatan yang dibeli) adalah didefinisikan sebagai nilai bahan yang digunakan dalam proses pengeluaran (termasuk bayaran pengangkutan, cukai dan cukai ke atas bahan) + nilai peralatan yang digunakan seperti bahan pembungkusan, bahan kegunaan seharian (termasuk alatulis dan peralatan pejabat, bahan untuk pembaikan dan penyelenggaraan) + kos penerbitan + pelincir + kos barang yang dijual dalam keadaan yang sama seperti utiliti (air, elektrik, bahan pembakar) + bayaran untuk kontraktor + bayaran bagi perkhidmatan perindustrian yang dibuat oleh orang lain + bayaran bagi perkhidmatan bukan perindustrian.

EPS tertakluk kepada kriteria berikut:

- (i) Syarikat hendaklah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan;
- (ii) EPS dihadkan kepada 5 tahun mulai daripada tahun pertama pelaburan EPS dibuat;
- (iii) Aset yang diperolehi di bawah EPS tidak dibenarkan dilupuskan dalam tempoh 2 tahun.

#### 4. Insentif Potongan Dua Kali

##### i. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Aktiviti R&D yang layak untuk diberikan potongan dua kali adalah:

- (a) Penyelidikan yang diluluskan – Seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan 1967

Potongan dua kali ke atas perbelanjaan bukan modal yang dilakukan ke atas penyelidikan dan pembangunan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

- (b) Bayaran ke atas Perkhidmatan – Seksyen 34B (1) (b) & (c) Potongan dua kali ke atas bayaran penggunaan perkhidmatan:

- (i) Institusi penyelidikan yang diluluskan; \*

- (ii) “Syarikat R&D” yang diluluskan; \*\*
- (iii) “Syarikat R&D Kontrak”. \*\*

Nota:

\* Institusi penyelidikan yang diluluskan adalah berikut:

- (i) semua institusi penyelidikan Kerajaan, termasuk institusi yang diperbadankan di bawah Seksyen 24 Akta Syarikat 1965;
- (ii) universiti yang dibiayai oleh Kerajaan yang menjalankan penyelidikan selaras dengan definisi R&D yang dinyatakan di atas.

\*\* “Syarikat R&D” atau “Syarikat R&D Kontrak” merujuk kepada syarikat yang diperbadankan bersesuaian dengan Seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

- (c) Sumbangan wang tunai – Seksyen 34B (1) (a)

Potongan dua kali ke atas sumbangan wang tunai kepada institusi penyelidikan yang diluluskan. Senarai institusi penyelidikan yang diluluskan sehingga pada 19 Oktober 2001 adalah:

- (i) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- (ii) Institut Penyelidikan Getah (RRI)
- (iii) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
- (iv) Malaysian Institute of Micro Electronic System (MIMOS)
- (v) Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM)
- (vi) Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)
- (vii) Institut Penyelidikan Bijih
- (viii) Pusat Remote Sensing Negara (MACRES)
- (ix) Institut Penyelidikan Haiwan

- (x) Institut Penyelidikan Perikanan
- (xi) Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)
- (xii) Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT)
- (xiii) Unit Pengurusan Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- (xiv) Pusat Inovasi dan Perundingan, Universiti Sains Malaysia (USM)
- (xv) Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia (UUM)
- (xvi) Unit Penyelidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- (xvii) Pusat Penyelidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- (xviii) Unit Perundingan, Universiti Malaya (UM)
- (xix) Unit Penyelidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- (xx) Pusat Pemindahan Teknologi & Perundingan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- (xxi) Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- (xxii) Pusat Sains dan Teknologi Pertahanan, Kementerian Pertahanan
- (xxiii) Biro Penyelidikan & Perundingan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- (ii) Penyelidikan dalam sains kemanusiaan;
- (iii) pengumpulan data secara rutin;
- (iv) Banci keberkesanan atau kajian pengurusan;
- (v) Penyelidikan pasaran atau promosi jualan; dan
- (vi) Mulai tahun taksiran 1998, syarikat yang menjalankan aktiviti rekabentuk atau prototaip sebagai aktiviti berasingan adalah layak untuk insentif R&D.

## ii. Latihan

Berkuatkuasa mulai 1.7.1993, potongan dua kali ke atas perbelanjaan untuk latihan adalah diberi kepada syarikat yang tidak menyumbang kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) dan pelatih hendaklah merupakan pekerja sepenuh masa yang berwarganegara Malaysia.

### (a) Institusi Latihan Yang Diluluskan

Syarikat di bawah sektor perkhidmatan yang tidak termasuk di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) layak untuk potongan dua kali ke atas perbelanjaan latihan sekiranya latihan yang dijalankan di institusi latihan yang diluluskan atau institusi latihan Kerajaan. Syarikat yang menjalankan latihan di institusi latihan yang diluluskan boleh menuntut potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang dikenakan oleh institusi latihan yang diluluskan. (Perbelanjaan lain tidak dibenarkan bagi potongan dua kali). Institusi latihan yang diluluskan sehingga pada 19 Oktober 2001 adalah seperti berikut:

- (i) Perbadanan Produktiviti Negara (NPC)
- (ii) Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)
- (iii) Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- (iv) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- (v) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

Bagi tujuan galakan in definisi R& D adalah:

“Penyelidikan dan Pembangunan’ bererti sebarang kajian intensif atau sistematik yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuan menggunakan hasil kajian untuk pengeluaran atau pembaikan bahan, peralatan, barangan, keluaran atau proses tetapi tidak termasuk;

- (i) Kawalan kualiti barangan atau ujian rutin bahan, peralatan, keluaran atau proses;

- (vi) Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)
  - (vii) Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)
  - (viii) Institut Kemahiran Mara (IKM)
  - (ix) Institut Latihan Perindustrian (ITI)
  - (x) German-Malaysia Institute (GMI)
  - (xi) Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
  - (xii) Program tertentu FMM-Pusat Pembangunan Pengusaha dan Kemahiran (ESDC)
  - (xiii) Pusat Pembangunan Usahawan dan Kemahiran Pekerja Perak (PESDC)
  - (xiv) Tuas Polytech (British Malaysian Institute) (BMI)
  - (xv) ASEAN Timber Technology Centre (ATTC)
  - (xvi) Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS)
  - (xvii) Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah (KISMEC)
  - (xviii) Malaysia France Institute (MFI)
  - (xix) Pusat Pembangunan Tenaga Manusia Selangor (SHRDC)
  - (xx) Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor (PUSPATRI)
  - (xxi) Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT)
  - (xxii) Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang
- (b) Program Latihan Yang Diluluskan
- (i) Syarikat perkilangan dalam pengeluaran
 

Syarikat perkilangan yang menjalankan program latihan yang
  - (ii) Syarikat perkilangan yang belum memulakan pengeluaran
 

Syarikat perkilangan yang layak yang menjalankan program latihan yang diluluskan oleh MIDA bagi tujuan memperolehi/membangunkan kraft, kemahiran penyeliaan atau teknikal yang boleh menyumbang kepada pengeluaran pada masa hadapan.
  - (iii) Latihan untuk individu kurang upaya
 

Syarikat yang melakukan perbelanjaan latihan bagi melatih individu kurang upaya yang bukan pekerja syarikatnya. Latihan hendaklah dijalankan secara dalaman atau di mana-mana institusi latihan yang diluluskan. Individu kurang upaya berkenaan hendaklah ditakrif sebagai kurang upaya oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan latihan yang dijalankan hendaklah bagi memajukan prospek kerjayanya.
  - (iv) Industri Pelancongan
 

Syarikat dalam perniagaan hotel atau pengendalian pelancongan yang menjalankan latihan bagi tujuan meningkatkan tahap kemahiran dan profesionalisme dalam industri pelancongan dan diluluskan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.
  - (v) Syarikat bukan perkilangan
 

Syarikat bukan perkilangan yang menghantar pekerja mereka untuk

menghadiri program latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dalam institusi berikut sehingga pada 19 Oktober 2001 adalah:

- (a) Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM)
- (b) Institut Insurans Malaysia (MII)
- (c) Persekutuan Penghantar Fret Malaysia (FMFF)
- (d) Institusi Jurutera Malaysia (ACEM)
- (e) Persatuan Elektrik & Elektronik Malaysia (TEEAM)
- (f) FCM Training Services Sdn. Bhd
- (g) Institut Pengurusan Malaysia (MIM)
- (h) Institut Jurutera Malaysia (IEM)

### iii. Kos Pengangkutan

- (a) Potongan dua kali ke atas kos pengangkutan bagi pengilang di Sabah dan Sarawak yang mengeksport barangan berasaskan kayu dan rotan.
- (b) Potongan dua kali ke atas kos pengangkutan bagi semua pengilang yang menghantar barangan mereka dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia dengan syarat mereka menggunakan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia. Galakan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2000 (asas tahun semasa)

### iv. Premium Insurans

- (a) Potongan dua kali ke atas premium yang dibayar untuk insurans kredit eksport.
- (b) Potongan dua kali ke atas premium insurans yang dibayar bagi pengimportan barangan sekiranya risiko adalah dilindungi dengan syarikat insurans yang diperbadankan di Malaysia.

- (c) Potongan dua kali ke atas premium insurans yang dibayar bagi pengeksportan barangan sekiranya risiko adalah dilindungi dengan syarikat insurans yang diperbadankan di Malaysia.

### v. Promosi Luar Negeri

#### (a) Industri Pelancongan

Potongan dua kali adalah diberi ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh hotel dan pengusaha pelancong untuk promosi luar negeri seperti berikut:

- (i) perbelanjaan ke atas publisiti dan pengiklanan dalam mana-mana media massa di luar Malaysia;
- (ii) perbelanjaan ke atas penerbitan risalah, majalah dan buku panduan termasuk kos penghantaran yang tidak dikenakan kepada pelanggan di luar negeri;
- (iii) perbelanjaan bagi penyelidikan pasaran untuk mencari pasaran baru di luar negeri, tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan;
- (iv) perbelanjaan yang meliputi tambang ke mana-mana negeri di luar Malaysia bagi tujuan perundingan atau mendapatkan kontrak untuk pengiklanan atau penyertaan dalam pameran perdagangan, persidangan atau forum yang diluluskan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Perbelanjaan seumpama ini adalah tertakluk kepada jumlah maksimum RM200 sehari untuk penginapan dan sebanyak RM100 sehari untuk makanan bagi jangka masa berada di luar negeri;
- (v) Perbelanjaan bagi menganjurkan pameran perdagangan, persidangan atau forum yang diluluskan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan;

(vi) Kos penyelenggaraan pejabat-pejabat jualan di seberang laut.

(b) Pameran Perdagangan Antarabangsa yang diluluskan

Potongan dua kali dibenarkan ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi menyertai pameran perdagangan antarabangsa yang diluluskan yang diadakan di Malaysia.

(c) Eksport Perkhidmatan

Insentif potongan dua kali ke atas perbelanjaan promosi eksport perkhidmatan yang disediakan untuk sektor pelancongan dipanjangkan kepada seluruh sektor perkhidmatan.

Perbelanjaan yang layak untuk potongan dua kali adalah seperti berikut:

- (i) penyelidikan pasaran eksport;
- (ii) penyediaan tender untuk membekalkan perkhidmatan ke luar negeri;
- (iii) penghantaran maklumat teknikal ke luar negeri;
- (iv) tambang perjalanan ke luar negeri bagi kakitangan syarikat atas urusan perniagaan;
- (v) perbelanjaan penginapan dan belanja sara hidup peniaga-peniaga Malaysia yang pergi ke luar negeri atas urusan perniagaan tertakluk kepada maksimum RM200 sehari; dan
- (vi) kos penyelenggaraan pejabat jualan di luar negeri bagi menggalakkan eksport.

Bagi syarikat yang menikmati insentif cukai di bawah seksyen 127 atau Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967, potongan dua kali bagi promosi eksport perkhidmatan boleh dikumpul dan dibenarkan untuk ditolak daripada pendapatan selepas tamat tempoh insentif cukai berkenaan.

vi. Promosi Jenama Tempatan

Potongan dua kali diberikan ke atas 'perbelanjaan pengiklanan yang layak' bagi barang-barang jenama Malaysia yang ditanggung di Malaysia.

Bagi tujuan galakan ini 'perbelanjaan pengiklanan yang layak' bermaksud :

- (a) iklan dalam internet yang laman hosnya terletak di Malaysia;
- (b) iklan dalam majalah dan surat khabar yang majalah dan surat khabar itu dicetak di Malaysia;
- (c) iklan dalam stesen televisyen berlesen tempatan;
- (d) iklan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan pada papan iklan yang terletak di Malaysia;
- (e) iklan dalam terbitan perdagangan yang terbitan perdagangan itu dicetak di Malaysia;
- (f) iklan dalam apa-apa bentuk dalam penajaan acara sukan bertaraf antarabangsa yang diluluskan yang diadakan di Malaysia;
- (g) iklan dalam apa-apa bentuk dalam penajaan persidangan perdagangan bertaraf antarabangsa yang diluluskan atau pameran perdagangan bertaraf antarabangsa yang diluluskan yang diadakan di Malaysia.

Untuk layak, jenama tempatan mesti memenuhi kriteria berikut:

- (a) Jenama tempatan dimiliki oleh syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan sekurang-kurangnya 70% ekuiti rakyat Malaysia;
- (b) Jenama tempatan itu telah didaftarkan di Malaysia;
- (c) barangan jenama tempatan itu hendaklah mencapai mutu yang bertaraf eksport;

- (d) Perbelanjaan pengiklanan hendaklah dilakukan di Malaysia.

## 5. Potongan Sekali

### (a) Pelaburan Luar Negeri Yang Diluluskan

Potongan sekali ke atas perbelanjaan sebelum memulakan operasi seperti kos penyelidikan pasaran untuk pelaburan luar negeri yang diluluskan.

### (b) Perbelanjaan Latihan

Potongan sekali ke atas perbelanjaan latihan sebelum memulakan operasi yang dilakukan oleh mana-mana syarikat.

### (c) Institusi Latihan Teknikal atau Vokasional

Potongan sekali ke atas sumbangan wang tunai kepada institusi latihan teknikal atau vokasional yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh Kerajaan atau badan berkanun.

### (d) Organisasi untuk promosi dan pemuliharaan alam sekitar

Potongan sekali ke atas derma kepada organisasi yang diluluskan yang ditubuhkan khususnya untuk pengawalan dan pemuliharaan alam sekitar.

### (e) Potongan sekali untuk sumbangan hadiah di bawah Seksyen 44(6A)

Potongan sekali ke atas sumbangan hadiah/artifak/manuskrip kepada Kerajaan atau Kerajaan Negara di mana jumlah potongan adalah bersamaan dengan nilai yang ditentukan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti, Jabatan Arkib Negara, Balai Seni Lukis Negara.

### (f) Potongan sekali ke atas jumlah bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan bagi:

- (i) penyediaan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada kebajikan atau projek komuniti yang berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, perumahan dan infrastruktur yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan;

- (ii) penyediaan dan penyelenggaraan pusat penjagaan kanak-kanak untuk kemudahan kakitangannya;

- (iii) Penubuhan dan pengurusan kumpulan muzik dan kebudayaan yang diluluskan oleh Menteri;

- (iv) penajaan pertunjukan kebudayaan antarabangsa dan tempatan yang diluluskan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan;

- (v) Perbelanjaan operasi termasuk bayaran kepada konsultan berkaitan dengan kegunaan IT untuk membaiki proses pengurusan dan pengeluaran;

- (vi) bagi mendapatkan kualiti sistem dan standard dan persijilan halal.

## 6. Elaun Bangunan Industri

Elaun Bangunan Industri (EBI) diberi kepada syarikat ke atas perbelanjaan membina atau membeli bangunan yang digunakan khusus untuk operasi tertentu seperti di Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967.

EBI terdiri dari EBI biasa yang membolehkan perbelanjaan dituntut sepenuhnya dalam tempoh 45 tahun dengan membenarkan elaun permulaan 10% dan elaun tahunan 2%. Manakala EBI istimewa, di mana perbelanjaan modal dituntut dalam tempoh yang lebih pendek diberikan dengan membenarkan elaun pada kadar yang lebih tinggi.

Bangunan yang layak EBI biasa adalah bangunan yang digunakan dalam menjalankan perniagaan dan digunakan sebagai:

- (a) kilang;
- (b) dermaga, jeti atau bangunan seumpama;
- (c) gudang dan perniagaan terdiri dari sewaan ruang penyimpanan kepada awam;
- (d) projek pembekalan air dan elektrik atau projek telekomunikasi kepada awam;

- (e) hospital, rumah bersalin dan tempat penjagaan orang tua swasta yang dilesenkan;
- (f) bangunan hotel yang telah dibina atau dibeli dalam tempoh galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan;
- (g) jalan awam atau bangunan sampingan di mana perbelanjaannya dibiayai melalui kutipan tol;
- (h) bangunan yang digunakan untuk menjalankan Projek Perkhidmatan Yang Diluluskan;
- (i) bangunan yang dibina di bawah perjanjian yang dibuat antara sesebuah syarikat dengan Kerajaan di bawah *build-lease transfer* yang diluluskan oleh Menteri;
- (j) bangunan yang digunakan untuk ladang dan perniagaan adalah merupakan aktiviti perladangan di sesuatu ladang dengan atau tanpa ladang lain;
- (k) bangunan yang digunakan untuk aktiviti perlombongan dan perniagaan adalah merupakan aktiviti perlombongan di sesuatu lombong dengan atau tanpa lombong lain; dan
- (l) bangunan yang digunakan untuk penyelidikan yang diluluskan oleh Menteri, penyelidikan atau latihan kakitangan yang dijalankan oleh syarikat yang menjalankan penyelarasan perindustrian yang diluluskan di bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 serta penyelidikan yang dijalankan oleh syarikat penyelidikan dan pembangunan atau syarikat kontrak penyelidikan dan pembangunan yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penggalakkan Pelaburan 1986.

EBI istimewa diberi dalam bentuk elaun 10% ke atas perbelanjaan untuk membina atau membeli bangunan. Kadar EBI istimewa ini akan membolehkan perbelanjaan dituntut sepenuhnya dalam tempoh 10 tahun bagi:

- (a) bangunan yang digunakan untuk menyimpan barangan untuk eksport atau menyimpan barangan yang diimport untuk pengedaran atau dieksport semula;
- (b) bangunan untuk latihan industri, teknikal atau vokasional yang diluluskan oleh Menteri;
- (c) bangunan untuk sekolah atau bangunan pengajian yang diluluskan oleh Menteri Pendidikan;
- (d) bangunan untuk rumah kediaman pekerja dalam sektor perkilangan, Projek Perkhidmatan Yang Diluluskan dan perniagaan hotel atau pelancongan; dan
- (e) bangunan untuk penyediaan kemudahan penjagaan kanak-kanak yang merupakan anak-anak kakitangan .

EBI yang lebih istimewa diberi dalam bentuk elaun 20% untuk membolehkan perbelanjaan dituntut sepenuhnya dalam tempoh 5 tahun ke atas bangunan yang digunakan untuk perniagaan yang terdiri sebahagian atau kesemuanya berhubung dengan kerja ladang atau bangunan yang disediakan oleh majikan untuk kebajikan pekerja di ladang berkenaan.

## 7. Elaun Modal Dipercepatkan

- (a) Komputer dan peralatan teknologi maklumat.  
Elaun permulaan sebanyak 20% dan elaun tahunan sebanyak 40%.
- (b) Peralatan Perlindungan Alam Sekitar  
Elaun permulaan sebanyak 40% dan elaun tahunan sebanyak 20%.
- (c) Potongan untuk perolehan hak empunya (proprietary rights)  
Perbelanjaan modal ke atas perolehan hak empunya seperti paten, rekabentuk industri, cap dagangan dibenarkan sebagai elaun modal untuk tempoh 10 tahun.

## 8. Potongan untuk Perbelanjaan Modal ke atas Projek Pertanian yang Diluluskan

Perbelanjaan modal ke atas projek pertanian yang diluluskan di bawah Jadual 4A Akta Cukai Pendapatan 1967 membenarkan seseorang yang menjalankan projek pertanian yang diluluskan

untuk memilih supaya perbelanjaan modal yang layak yang dilakukannya bagi projek tersebut dipotong daripada jumlah pendapatan agregatnya, termasuk pendapatan daripada sumber-sumber yang lain. Apabila jumlah pendapatan agregat tidak mencukupi, perbelanjaan modal yang tidak digunakan itu akan dibawa ke tahun-tahun taksiran berikutnya. Sekiranya potongan sebegini dipilih, maka projek tersebut tidak layak mendapat sebarang elaun modal atau elaun pertanian ke atas perbelanjaan modal yang sama.

Insentif ini tidak ditawarkan kepada syarikat yang telah diberi insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Galakan Pelaburan 1968 dan tempoh pelepasan cukai belum bermula atau belum tamat.

Perbelanjaan modal yang layak dipertimbangkan potongan bagi tujuan insentif ini adalah seperti berikut:

- (a) pembersihan dan penyediaan tanah;
- (b) penanaman tanaman baru (bukan tanaman semula) yang berkaitan dengan projek pertanian yang diluluskan;
- (c) pembinaan jalan atau jambatan di kawasan ladang;
- (d) pembinaan bangunan di ladang yang digunakan untuk tujuan projek pertanian yang diluluskan atau pembinaan bangunan di ladang untuk tujuan kebajikan dan tempat tinggal pekerja projek tersebut dan sekiranya projek tidak dijalankan bangunan itu tidak/kurang bermakna kepada mana-mana individu selain daripada kaitannya dengan kerja di ladang yang lain;
- (e) pembinaan kolam atau pemasangan sistem perparitan atau tali air yang digunakan dalam projek pertanian yang diluluskan.

Hanya perbelanjaan yang dilakukan dalam jangka masa yang ditetapkan dan berkaitan dengan penanaman ladang dan mengikut keluasan minimum penanaman bagi setiap projek yang diluluskan oleh Menteri Kewangan adalah layak. Projek pertanian yang diluluskan adalah seperti berikut:

Projek	Tempoh	Hektar Minimum
1. Akuakultur (Udang)	2 tahun	40 hektar
2. Penanaman:		
betik	1 tahun	40 hektar
pisang	1 tahun	40 hektar
buah markisa	1 tahun	40 hektar
belimbing	2 tahun	8 hektar
jambu batu	2 tahun	8 hektar
manggis	7 tahun	8 hektar
3. Kultura Bungaan*	2 tahun	8 hektar

Nota \*:

(Tumbuhan, bebawang, ubi dan akar sama ada mempunyai bunga atau kudup, jenis seperti yang dinyatakan di dalam Bab 6 Perintah Duti Kastam 1988 yang sesuai untuk bahan tanaman atau bahan hiasan kecuali benih cendawan, cantuman atau anak benih getah dan kayu mata tunas getah).

## 9. Layanan Cukai Khas bagi Sumbangan Hadiah

### (a) Aktiviti Latihan

Layanan cukai khas ke atas hadiah mesin atau peralatan terpakai kepada institusi latihan teknikal atau vokasional yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh Kerajaan atau badan berkanun atau institusi latihan teknikal atau vokasional yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

### (b) Aktiviti Penyelidikan

Layanan cukai khas bagi hadiah mesin dan peralatan terpakai kepada institusi penyelidikan yang diluluskan.

### (c) Untuk kedua-dua (a) & (b)

Nilai pelupusan mesin atau peralatan tersebut akan diandaikan sebagai kosong (zero value). Baki elaun modal yang belum



dituntut, jika ada, akan ditolak sekali gus dalam tahun taksiran ianya disumbangkan.

Sebelum ini, nilai pelupusan bagi hadiah sebegini dikira berdasarkan harga pasaran dan sekiranya nilainya lebih tinggi daripada elaun modal yang telah dituntut, penderma dikenakan cukai ke atas "balancing charge".

#### **10. Pengecualian Cukai Untuk Mempromosikan Labuan Sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC)**

- (i) Dividen yang dibayar, dikredit atau diagihkan daripada pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti perniagaan luar pesisir adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Jika pemegang saham syarikat luar pesisir adalah syarikat tempatan, pendapatan dividen berkenaan menikmati pengecualian cukai apabila seterusnya diagihkan kepada pemegang sahamnya (second tier tax exemption).
- (ii) Royalti yang diterima daripada syarikat luar pesisir oleh bukan pemastautin atau oleh sebuah syarikat luar pesisir lain adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- (iii) Faedah yang diterima daripada syarikat luar pesisir oleh bukan pemastautin atau oleh sebuah syarikat luar pesisir lain adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- (iv) Yuran pengurusan dan teknikal yang diterima daripada syarikat luar pesisir oleh bukan pemastautin atau oleh sebuah syarikat luar pesisir lain adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- (v) Pengagihan yang diterima daripada syarikat amanah luar pesisir oleh pemegang amanahnya adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- (vi) Dokumen aktiviti perniagaan luar pesisir, pemindahan saham dalam syarikat luar pesisir dan Memorandum dan Perkara Persatuan suatu syarikat luar pesisir Labuan adalah dikecualikan daripada duti setem.
- (vii) pengecualian cukai 65% ke atas pendapatan berkanun syarikat amanah Labuan atau penyedia perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan profesional yang layak dalam bidang perakaunan, kewangan, perundangan dan perkhidmatan kesetiausahaan kepada syarikat luar pesisir sehingga tahun taksiran 2004.
- (viii) pengecualian cukai 50% ke atas pendapatan kasar kakitangan bukan pemastautin yang berkerja di peringkat pengurusan dalam syarikat luar pesisir di Labuan sehingga tahun taksiran 2004.
- (ix) pengecualian cukai 50% ke atas pendapatan kasar pegawai bukan warganegara yang berkerja dengan syarikat amanah di Labuan sehingga tahun taksiran 2004.
- (x) pengecualian cukai 50% ke atas Elaun Labuan dan Elaun Perumahan yang diterima oleh warganegara Malaysia yang berkhidmat di Labuan dalam syarikat luar pesisir dan perkhidmatan Kerajaan.
- (xi) pengecualian cukai pendapatan (cukai pegangan) ke atas pendapatan sewa yang diterima oleh bukan pemastautin bagi penggunaan harta alih oleh syarikat pajakan luar pesisir Labuan.
- (xii) Barangan bebas cukai untuk individu yang tinggal sekurang-kurangnya 24 jam di Labuan (dahulunya 72 jam).

### C. AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN (LOBATA) 1990

- I. Syarikat luar pesisir di Labuan yang menjalankan perniagaan luar pesisir boleh memilih untuk:
  - (i) membayar cukai pada kadar 3% daripada keuntungan bersih; atau
  - (ii) bayar RM20,000.
- II. Pendapatan syarikat luar pesisir daripada aktiviti bukan perdagangan tidak tertakluk kepada sebarang cukai.
- III. Syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir dan juga aktiviti bukan perdagangan, dianggap sebagai menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir.

### D. AKTA KASTAM 1967, AKTA CUKAI JUALAN 1972, AKTA EKSAIS 1976 DAN AKTA ZON BEBAS 1990

#### (1) Sektor Perkilangan

- (a) Pengecualian duti Import ke atas bahan mentah/komponen yang di gunakan dalam:
  - (i) Pengeluaran untuk pasaran eksport  
Bahan mentah/komponen yang digunakan secara langsung yang tidak dikeluarkan di dalam negara atau dikeluarkan dalam negara tetapi harga atau mutunya tidak boleh diterima.
  - (ii) Pengeluaran untuk pasaran tempatan  
Bahan mentah/komponen yang digunakan secara langsung yang tidak dikeluarkan dalam negara, mulai 1 Januari 1999.

- (b) Pengecualian duti import/eksais dan cukai jualan ke atas mesin dan peralatan
  - (i) yang tidak dikeluarkan di dalam negara dan digunakan secara langsung dalam proses pengilang ;
  - (ii) mesin/peralatan yang dibeli dalam negara dan digunakan secara langsung dalam proses pengilang.

Pengecualian duti ke atas alat ganti dan bahan guna habis telah ditarik balik pada tahun 1996 untuk menggalakkan pengeluran tempatan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan kemerosotan ekonomi bagi mengurangkan kos pengeluaran , pengecualian cukai telah diberikan sehingga 31 Disember 2000, secara pilihan berasaskan kriteria tertentu, Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat mesti mengeksport sekurang-kurangnya 80% daripada pengeluarannya; atau
- (ii) Barangan gantian dan bahan gunahabis berkenaan terhadap permintaannya dan tidak mempunyai potensi untuk dikeluarkan dalam negara; atau
- (iii) Duti import ke atas barangan ini melebihi 5%.

#### (c) Tarikbalik Duti

Pengilang yang telah membayar duti ke atas pengimportan bahan mentah dan komponen dan menggunakannya untuk mengeluarkan barangan bagi pasaran eksport dalam tempoh satu tahun adalah layak untuk menuntut tarikbalik duti ke atas duti yang telah dibayar. Pengilang

hendaklah mengemukakan tuntutan tarikhbalik daripada Jabatan Kastam tetapi hendaklah memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah seksyen 99 Akta Kastam 1967.

(d) Pengecualian Cukai Jualan

Pengilang barangan bercukai dengan jualan tahunan melebihi RM100,000 perlu dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 dan dengan itu layak mendapat pengecualian cukai jualan ke atas input (selaras dengan konsep cukai seperingkat). Bagi pengilang dengan jualan tahunan kurang daripada RM100,000, mereka mempunyai pilihan untuk memohon pengecualian cukai jualan ke atas input (melalui pelesenan) atau membayar cukai jualan ke atas input tetapi menikmati pengecualian ke atas pengeluarannya.

Beberapa kategori barangan dikecualikan duti pada peringkat input dan output, iaitu semua barangan (termasuk bahan pembungkusan) yang diguna dalam perkilangan berikut:

- (i) barangan kawalan;
- (ii) barangan farmaseutikal;
- (iii) barangan berasaskan susu;
- (iv) fabrik batik;
- (v) minyak wangi, eau d'toilette, barangan kecantikan dan solekan, kamera, jam tangan, pen;
- (vi) komputer dan peralatan komputer, bahagian dan aksesori;
- (vii) carton boxes, corrugated paper or paperboard, folding carton boxes and cases of non-corrugated paper and paperboard;

- (viii) produk untuk industri percetakan;
- (ix) semburan untuk pertanian dan hotikultur;
- (x) kayu papan lapis;
- (xi) tayar celup;
- (xii) sistem kuasa tanpa gangguan;
- (xiii) mesin; dan
- (xiv) barangan pengilangan untuk eksport.

(2) Sektor Pertanian

(a) Pengecualian duti ke atas bahan mentah/komponen yang digunakan dalam:

- (i) Pengeluaran untuk pasaran eksport.

Bahan mentah/komponen yang diimport yang tidak dikeluarkan di dalam negara dan digunakan secara langsung atau dikeluarkan dalam negara tetapi harga atau mutunya tidak boleh diterima.

- (ii) Pengeluaran untuk pasaran tempatan.

Bahan mentah/komponen yang digunakan secara langsung yang tidak dikeluarkan di dalam negara.

(b) Pengecualian duti import/eksais dan cukai jualan ke atas mesin/peralatan

Pengecualian sepenuhnya:

- (i) mesin/alat yang tidak dikeluarkan di dalam negara;
- (ii) mesin/peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

(3) Sektor Perkhidmatan

(a) Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah/komponen yang digunakan secara langsung dalam pelaksanaan

projek perkhidmatan yang diluluskan dan tidak dikeluarkan di dalam negara.

- (b) Pengecualian cukai jualan dan duti eksais ke atas mesin/peralatan yang dibeli di pasaran tempatan yang digunakan secara langsung dalam pelaksanaan projek perkhidmatan yang diluluskan.

#### (4) Sektor Pelancongan

Pengecualian duti ke atas bahan mentah/peralatan untuk projek pelancongan yang menyediakan penginapan dan tidak menyediakan penginapan.

Pengecualian sepenuhnya:

- (a) duti import dan cukai jualan ke atas bahan/peralatan tertentu yang diimport;
- (b) cukai jualan dan duti eksais ke atas peralatan tertentu yang dibeli dipasaran tempatan.

#### (5) Sektor Filem & Muzik

Pengecualian duti ke atas peralatan untuk studio rakaman, syarikat pengeluaran dan panggung wayang.

Pengecualian sepenuhnya:

- (a) duti import dan cukai jualan ke atas peralatan tertentu yang diimport;
- (b) cukai jualan dan duti eksais ke atas peralatan tertentu yang dibeli di pasaran tempatan.

#### (6) Aktiviti Penyelidikan

Pengecualian duti ke atas mesin/peralatan, bahan, bahan mentah dan sampel yang digunakan untuk projek penyelidikan yang diluluskan, penyelidikan dalaman, syarikat R&D Kontrak dan syarikat R&D.

Pengecualian sepenuhnya:

- (i) duti import dan cukai jualan ke atas barangan import.
- (ii) cukai jualan dan duti eksais ke atas barangan yang dibeli di pasaran tempatan.

#### (7) Aktiviti Latihan

Pengecualian duti ke atas mesin/peralatan, bahan, bahan mentah dan sampel yang digunakan untuk projek latihan yang diluluskan, institusi latihan yang diluluskan dan syarikat latihan teknikal atau vokasional.

Pengecualian sepenuhnya:

- (a) duti import dan cukai jualan yang diimport
- (b) cukai jualan dan duti eksais ke atas barangan yang dibeli di pasaran tempatan.

#### (8) Perlindungan Alam Sekitar

- (a) Syarikat perkilangan yang membeli mesin/peralatan pengawalan pencemaran.

Pengecualian sepenuhnya:

- (i) duti import dan cukai jualan ke atas barangan yang tidak dikeluarkan di dalam negara;
- (ii) cukai jualan dan duti eksais ke atas barangan yang dibeli di pasaran tempatan.
- (b) Syarikat yang menjalankan aktiviti penstoran, perawatan dan pelupusan buangan toksik dan merbahaya.

Pengecualian sepenuhnya:

- (i) duti import dan cukai jualan ke atas barangan yang tidak dikeluarkan di dalam negara;
- (ii) cukai jualan dan duti eksais ke atas barangan yang dibeli di pasaran tempatan.

Tahap dan kriteria pengecualian ke atas bahan mentah/komponen adalah sama dengan pengecualian ke atas bahan mentah/komponen untuk sektor perkilangan.

- (c) Penukar Pemangkin (Catalytic Converters).

Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas penukar pemangkin untuk pemasangan kenderaan motor.

- (d) Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan penggunaan tenaga dan syarikat yang membuat perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan penggunaan tenaga syarikatnya.

Pengecualian sepenuhnya:

- (i) duti import dan cukai jualan ke atas mesin/peralatan yang tidak dikeluarkan di dalam negara;
- (ii) cukai jualan dan duti eksais ke atas mesin/peralatan yang dibeli di pasaran tempatan.

- (e) Syarikat yang gunakan biomass sebagai sumber tenaga baru.

Pengecualian sepenuhnya:

- (i) duti import dan cukai jualan ke atas mesin/peralatan yang tidak dikeluarkan di dalam negara;
- (ii) cukai jualan dan duti eksais ke atas mesin/peralatan yang dibeli di pasaran tempatan.

- (9) Semua barangan kecuali petroleum dan barangan petroleum dikecualikan daripada cukai jualan, memandangkan Labuan adalah sebuah pelabuhan bebas.**

#### **(10) Pusat Perolehan Antarabangsa (PPA)**

Galakan cukai yang diberikan kepada PPA adalah dalam bentuk pengecualian duti import ke atas bahan mentah, komponen dan keluaran siap yang dibawa masuk ke kawasan Zon Bebas dan Gudang Pengilangan Berlesen mengikut seksyen 11, Akta Zon Bebas 1990 dan seksyen 14, Akta Kastam 1967. PPA diberikan galakan bukan cukai seperti berikut:

Insentif bukan cukai yang diberikan adalah seperti berikut:

- (a) Jawatan pegawai dagang akan diluluskan berdasarkan keperluan PPA;
- (b) kebenaran membuka satu atau lebih akaun mata wang asing dengan mana-mana bank perdagangan berlesen bagi menyimpan pendapatan eksport tanpa apa-apa had;
- (c) kebenaran untuk terlibat dalam kontrak pertukaran hadapan mata wang asing dengan mana-mana bank perdagangan berlesen untuk menjual hasil eksport ke hadapan berdasarkan jangkaan jualan;
- (d) pengecualian daripada pematuhan garis panduan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengenai pemilikan ekuiti asing ke atas perdagangan borong dan runcit.

PPA merujuk kepada syarikat yang diperbadankan di Malaysia, sama ada milik asing atau tempatan yang menjalankan perniagaan di Malaysia berhubung dengan pembelian dan penjualan bahan mentah, komponen dan keluaran siap daripada sumber tempatan atau negara ketiga kepada syarikat berkaitan dalam kumpulannya atau syarikat lain di dalam atau di luar Malaysia.

Untuk layak mendapat insentif secara menyeluruh PPA perlu diiktirafkan sebagai 'syarikat bertaraf PPA yang diluluskan'. Untuk layak sebagai 'syarikat bertaraf PPA

yang diluluskan' syarikat perlu mematuhi syarat berikut:

- (a) diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar tidak kurang daripada RM0.5 juta;
- (b) perbelanjaan perniagaan tahunan tidak kurang daripada RM1.5 juta;
- (c) jumlah jualan perniagaan tahunan tidak kurang daripada RM100 juta; dan
- (d) barangan hendaklah diuruskan secara langsung melalui pelabuhan dan lapangan terbang Malaysia.

## **RINGKASAN INSENTIF CUKAI LANGSUNG & CUKAI TIDAK LANGSUNG MENGIKUT SEKTOR**

### **(1) Sektor Perkilangan**

- (a) Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan
- (b) Elaun Penyelarasan Perindustrian
- (c) Elaun Infrastruktur
- (d) Elaun Pelaburan Semula
- (e) Elaun Bangunan Industri
- (f) Potongan dua kali untuk perbelanjaan mempromosi eksport
- (g) Potongan dua kali untuk perbelanjaan bagi penyertaan dalam pameran antarabangsa yang di luluskan di Malaysia.
- (h) Potongan dua kali untuk mempromosi barangan jenama tempatan
- (i) Potongan dua kali untuk penyelidikan dan pembangunan
- (j) Potongan dua kali untuk latihan
- (k) Potongan dua kali ke atas kos pengangkutan(*freight*)
- (l) Potongan dua kali ke atas premium insurans eksport kredit

- (m) Potongan sekali ke atas perbelanjaan latihan sebelum memulakan operasi
- (n) Potongan sekali ke atas perbelanjaan untuk mendapatkan persijilan halal, kualiti dan akreditasi
- (o) Pengecualian cukai ke atas peningkatan eksport
- (p) Elaun Modal Dipercepatkan
  - peralatan perlindungan alam sekitar
  - komputer dan aset teknologi maklumat
  - perbelanjaan modal yang dilakukan selepas tamatnya tempoh Elaun Pelaburan Semula
- (q) Pengecualian cukai ke atas mesin, peralatan, bahan mentah & komponen dalam:
  - pengeluaran barangan perkilangan
  - aktiviti latihan
  - aktiviti penyelidikan
  - aktiviti perlindungan alam sekitar

### **(2) Sektor Pertanian**

- (a) Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan
- (b) Elaun infrastruktur
- (c) Elaun Pertanian
- (d) Elaun Pelaburan Semula
- (e) Elaun Bangunan Industri
- (f) Potongan khas untuk perbelanjaan modal bagi projek pertanian yang diluluskan
- (g) Galakan tambahan untuk pengeluaran bahan makanan:
  - (a) Potongan cukai untuk syarikat yang melabur, bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari yang dimiliki 100% yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran bahan

makanan DAN pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun untuk syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan; ATAU

- (b) Syarikat yang melabur diberikan *goup relief* ke atas kerugian syarikat susidiari yang di miliki 100% yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan.
- (h) Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan untuk syarikat yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bilik sejuk untuk keluaran bahan makanan.
- (i) Potongan dua kali untuk perbelanjaan pengeksportan
- (j) Potongan duakali untuk penyelidikan dan pembangunan
- (k) Potongan duakali untuk latihan
- (l) Potongan duakali ke atas premium insurans eksport kredit
- (m) Potongan sekali ke atas perbelanjaan latihan sebelum memulakan operasi
- (n) Potongan sekali ke atas perbelanjaan untuk mendapatkan persijilan halal dan system kualiti dan standard
- (o) Pengecualian cukai ke atas peningkatan eksport
- (p) Elaun Modal Dipercepatkan :
  - peralatan perlindungan alam sekitar
  - komputer dan aset teknologi maklumat
  - perbelanjaan modal yang dilakukan selepas tamatnya tempoh Elaun Pelaburan Semula
- (q) Pengecualian cukai ke atas mesin, peralatan, bahan mentah & komponen dalam:
  - pengeluaran barangan perkilangan
  - aktiviti latihan

- aktiviti penyelidikan
- aktiviti perlindungan alam sekitar

### (3) Sektor Perkhidmatan

#### (i) Sektor perkhidmatan yang diluluskan (PPL)

- (a) Pengecualian cukai/Elaun Pelaburan
- (b) Elaun Bangunan Industri
- (c) Pengecualian duti ke atas mesin/ peralatan & bahan mentah/ komponen
- (d) Insentif potongan dua kali bagi promosi eksport perkhidmatan
- (e) Insentif potongan dua kali bagi penyelidikan dan pembangunan (seluruh sektor perkhidmatan)
- (f) Insentif potongan dua kali bagi latihan (seluruh sektor perkhidmatan)
- (g) Pengecualian cukai ke atas peningkatan eksport
- (h) Elaun modal dipercepatkan untuk komputer
- (i) Elaun modal dipercepatkan untuk peralatan perlindungan alam sekitar

#### (ii) Sektor Pelancongan

- (a) Taraf Perintis/Elaun Cukai Pelaburan
- (b) Elaun Infrastruktur
- (c) Elaun Bangunan Industri
- (d) Insentif potongan dua kali bagi penyelidikan
- (e) Insentif potongan dua kali bagi latihan
- (f) Potongan dua kali bagi perbelanjaan promosi luar negara

- (g) Potongan dua kali untuk perbelanjaan bagi penyertaan dalam pameran antarabangsa yang di luluskan di Malaysia.
  - (h) Potongan sekali ke atas perbelanjaan latihan sebelum memulakan operasi
  - (i) Potongan sekali ke atas perbelanjaan bagi persembahan kebudayaan
  - (j) Elaun modal dipercepatkan untuk peralatan perlindungan alam sekitar
  - (k) Pengecualian cukai untuk pengusaha pelancong (pelancong tempatan dan asing)
  - (l) Potongan cukai bagi promosi persidangan antarabangsa
  - (m) Pengecualian duti ke atas bahan dan peralatan yang tertentu untuk syarikat pelancong, studio musik
  - (n) Pemansuhan duti import dan duti eksais ke atas komponen CKD untuk bas pelancong yang dipasang di dalam negeri
  - (o) Pemansuhan cukai jualan ke atas barangan pewter, kamera, jam tangan, pemetik api, pen, radio transistor, minyak wangi dan barangan kosmetik
  - (p) Pemansuhan cukai perkhidmatan di Labuan & Langkawi.
- (iii) **Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan**
- (a) Taraf Perintis untuk Syarikat R&D Kontrak
  - (b) Elaun Cukai Pelaburan (ECP) untuk Syarikat R&D dan Syarikat R&D Kontrak (sebagai pilihan kepada TP)
  - (c) ECP bagi R&D dalaman
  - (d) Insentif potongan dua kali
  - (e) Elaun Bangunan Industri
- (f) Elaun Modal dipercepatkan
    - peralatan perlindungan alam sekitar
    - komputer dan aset teknologi maklumat
  - (g) Layanan cukai khas untuk sumbangan hadiah
  - (a) Pengecualian duti ke atas mesin/bahan
- (iv) **Aktiviti Latihan**
- (a) Elaun Cukai Pelaburan (ECP) untuk Syarikat Latihan Teknikal atau Vokasional yang baru dan sedia ada
  - (b) Insentif potongan dua kali
  - (c) Potongan sekali bagi sumbangan wang tunai
  - (d) Elaun Bangunan Industri
  - (e) Elaun Modal dipercepatkan
    - bagi komputer dan aset IT
  - (f) Layanan cukai khas untuk sumbangan hadiah
  - (g) Pengecualian duti ke atas mesin/bahan
- (v) **Syarikat Yang Menyediakan Kemudahan Dan Perkhidmatan Bilik Sejuk Untuk Keluaran Bahan Makanan**
- Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan
- (4) **Aktiviti Perlindungan Alam Sekitar**
- (a) Taraf Perintis/Elaun Cukai Pelaburan bagi mengeluarkan keluaran/aktiviti yang digalakkan seperti:
    - (i) projek ladang hutan (projek strategik);
    - (ii) memproses buangan pertanian dan kimia;



- (iii) penstoran, perawatan dan pelupusan buangan toksik dan merbahaya.
- (iv) penjimatan tenaga(permohonan hendaklah dikemukakan sebelum Disember 2002)
- (v) penggunaan biomass (permohonan hendaklah dikemukakan sebelum Disember 2002)

- (b) Elaun Infrastruktur
- (c) Potongan sekali bagi sumbangan wang tunai
- (d) Elaun modal dipercepatkan untuk peralatan perlindungan alam sekitar
- (e) Pengecualian duti ke atas mesin, bahan dan peralatan
- (f) Pengecualian duti ke atas penukar pemangkin

#### (5) Aktiviti Pelaburan Luar Negeri

- (a) Pengecualian cukai ke atas pendapatan;
- (b) Potongan sekali ke atas perbelanjaan sebelum memulakan operasi untuk pelaburan luar negeri yang diluluskan

#### (6) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990(LOBATA)

- (i) Syarikat luar pesisir di Labuan yang menjalankan perniagaan luar pesisir boleh memilih untuk membayar cukai pada kadar 3% dari keuntungan bersih; atau bayar RM20,000.
- (ii) Pendapatan syarikat luar pesisir dari aktiviti bukan perdagangan tidak tertakluk kepada sebarang cukai.

### E. Insentif Bukan Cukai

Beberapa insentif bukan cukai juga telah disediakan untuk menggalakkan sektor swasta mengambil peluang-peluang pelaburan yang mana boleh membantu pembangunan ekonomi Malaysia.

Insentif-insentif ini termasuklah:

1. Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR);
2. Skim Insurans dan Jaminan Kredit Eksport; dan
3. Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (ITAF).

### E1. Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR)

Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) adalah skim pembiayaan jangka pendek yang diperolehi dari Export Import Bank of Malaysia Berhad (Exim Bank) untuk pengeksport langsung dan tidak langsung melalui bank-bank ECR yang terdiri daripada bank-bank perdagangan.

#### Objektif Skim ECR:

- (i) Untuk menggalakkan eksport barang-barang perkilangan yang layak, barang-barang pertanian dan komoditi utama yang terpilih;
- (ii) Untuk kemudahan kredit jangka pendek dengan kadar faedah yang kompetitif;
- (iii) untuk memajukan hubungan kait diantara pengeksport langsung dan tidak langsung di dalam industri eksport.

Dua jenis kemudahan yang sedia ada kepada para pengeksport di bawah skim ECR:

- (i) Kemudahan Pra Hantaran: dan
- (ii) Kemudahan Selepas Hantaran

#### Kriteria kelayakan di bawah skim ECR

##### Pengeksport yang layak

- (a) Pengeksport langsung:
  - (i) pengilang-pengilang
  - (ii) produser barang-barang pertanian
  - (iii) syarikat-syarikat perdagangan

(b) Pengeksport tidak langsung (pembekal bahan mentah tempatan)

(b) Barangan yang memenuhi kriteria minimum nilai ditambah sebanyak 20% dan kandungan bahan tempatan sebanyak 30%; atau

### Kriteria barang yang layak

(a) Barang yang tidak disenaraikan dalam Senarai Negatif Skim ECR (Lampiran 2 dalam Garispanduan ECR);

(c) Barangan yang disenaraikan dalam Senarai Lampiran 3 dalam Garispanduan ECR.

Keterangan lanjut mengenai dua jenis kemudahan-kemudahan tersebut adalah seperti di jadual di bawah:

	Kemudahan Pra-Hantaran		Kemudahan Selepas Hantaran
<b>Tujuan</b>	Pembiayaan modal kerja kepada pengilang-pengilang dan pengeluar barangan pertanian untuk pengeluaran barangan eksport atau pembiayaan kepada syarikat-syarikat perdagangan untuk pembelian barangan separuh siap atau barangan siap tempatan daripada pembekal tempatan untuk dieksport.		Pembiayaan untuk tempoh selepas hantaran bagi barangan yang dieksport secara kredit bagi tempoh minimum selama 30 hari.
<b>Kaedah Pembiayaan</b>	Pesanan Eksport		Sijil Prestasi (SP) Diskaun Bill
<b>Pengguna</b>	(a) Pengeksport Langsung - Pengeksprt baru yang beroperasi kurang daripada 12 bulan; atau - Pengeksport bermusim; atau - Nilai eksport maksimum barangan yang layak dalam tempoh tahun kewangan yang lalu dan 12 bulan terkemudian kurang daripada RM1 juta; dan (b) Pengeksport tidak Langsung	Pengeksport Langsung yang mengeksport sekurang-kurangnya RM 1 juta barangan yang layak dalam tempoh tahun kewangan yang lalu dan 12 bulan terdahulu  Nota: Jika jumlah eksport untuk barangan layak adalah di RM1 juta ke RM3 juta, antara pengeksport langsung boleh memilih untuk menggunakan kaedah pembiayaan berasaskan pesanan eksport atau sijil prestasi.	Pengeksport yang mengeksport barangan layak secara kredit bagi tempoh minimum selama 30 hari
<b>Margin Pembiayaan</b>	Maksimum 80% daripada nilai kontrak pesanan eksport	Amaun yang dibenarkan di atas SP	Maksimum 100% daripada nilai eksport
<b>Tempoh Pembiayaan</b>	Maksimum 4 bulan	Maksimum 4 bulan	Tempoh minimum 7 hari Tempoh maksimum 6 bulan
<b>Kadar Faedah</b>	Pada kadar pinjaman ECR	Pada kadar pinjaman ECR	Pada kadar pinjaman ECR
<b>Had</b>	Maksimum had sebanyak RM50 juta pada satu-satu masa	Jumlah kelayakan maksimum diagihkan kepada tiga tempoh pembiayaan di mana setiap tempoh itu adalah selama 4 bulan, tertakluk kepada had maksimum	Maksimum had sebanyak RM50 juta pada satu-satu masa

		pinjaman sebanyak RM50 juta bagi setiap tempoh	
	Pengeksport-pengeksport boleh memohon untuk menggunakan pembiayaan melebihi RM 50 juta tertakluk cadangan oleh bank-bank perdagangan.	Pengeksport-pengeksport boleh memohon untuk menggunakan pembiayaan melebihi RM50 juta tertakluk cadangan oleh bank-bank perdagangan.	Pengeksport-pengeksport boleh memohon untuk menggunakan pembiayaan melebihi RM50 juta tertakluk cadangan oleh bank-bank perdagangan
<b>Pembayaran</b>	<p>Pengeksport Langsung: Pada atau sebelum tarikh matang pinjaman dari</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- pendapatan eksport; atau</li> <li>- pendapatan selepas hantaran yang diterima</li> </ul> <p>Pengeksport Tidak Langsung:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendapatan dari bank pembeli; atau</li> <li>- Pada tarikh matang pinjaman, yang mana lebih awal</li> </ul>	<p>Dari:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- pendapatan eksport; dan/atau</li> <li>- pendapatan selepas hantaran yang diterima atau</li> <li>- pada tarikh matang pinjaman, yang mana lebih awal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada atau sebelum tarikh matang pinjaman atau</li> <li>- sebaik sahaja pendapatan eksport diterima daripada pembeli asing, yang mana lebih awal</li> </ul>

Maklumat lanjut mengenai skim ECR ini boleh didapati daripada Exim Bank atas tajuk 'Garis panduan Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport'.

## E2. Skim Insurans Dan Jaminan Kredit Eksport

Malaysia Export Credit Insurance Berhad (MECIB) yang ditubuhkan pada tahun 1977, adalah sebuah anak syarikat Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, sebuah institusi kewangan yang dimiliki 100% oleh Kerajaan.

Objektif MECIB ialah untuk membantu mengembangkan eksport serta pelaburan Malaysia. Ia menyediakan pelbagai jenis kemudahan insurans kredit dan pelaburan serta jaminan kewangan untuk firma perdagangan, pengeksport dan juga bank bagi melindungi mereka daripada menanggung kerugian akibat daripada kegagalan menerima bayaran atau kegagalan pembeli memenuhi syarat kontrak; di sebabkan oleh pelbagai risiko perdagangan dan bukan perdagangan (ekonomi/politik) yang terdapat di dalam aktiviti perdagangan antarabangsa seperti berikut:

### A. Risiko-risiko yang dilindungi

#### (i) Risiko-risiko Perdagangan

- (a) Pembeli mufliis;
- (b) Kegagalan pembeli untuk membuat pembayaran; dan
- (c) Keengganan atau kegagalan pembeli untuk menerima barangan.

#### (ii) Risiko-risiko Politik

- (a) Sebarang sekatan atau kelewatan pemindahan bayaran ke Malaysia;
- (b) Peperangan, revolusi dan pelbagai bentuk kekacauan termasuk peperangan antara negara pembeli dan Malaysia;
- (c) Sekatan import;
- (d) Pembatalan lesen import;
- (e) Kegagalan Kerajaan negara asing sebagai pembeli dalam membuat pembayaran atau memenuhi jaminan yang di buat.

## B. Kemudahan yang ditawarkan

### (a) Kemudahan Jangka Pendek

#### (i) Polisi Komprehensif (Penghantaran)

Polisi insurans ini memberi perlindungan dari kerugian akibat kegagalan menerima bayaran berpunca dari risiko perdagangan atau risiko politik keatas barangan atau komoditi yang telah dieksport secara bayaran kredit bagi tempoh tidak melebihi 180 hari. Perlindungan ini bermula dari tarikh penghantaran dibuat. Peratusan perlindungan adalah sehingga 95% daripada jumlah nilai kerugian yang dialami.

#### (ii) Polisi Komprehensif (Kontrak)

Polisi insurans ini memberi perlindungan kepada pengeksport dari kerugian disebabkan tidak menerima bayaran akibat dari kegagalan pembeli membayar atau memenuhi syarat kontrak sebelum atau selepas penghantaran dibuat. Perlindungan ini bermula dari tarikh kontrak ditandatangani. Peratusan perlindungan adalah sehingga 95% dari nilai kerugian yang dialami. Polisi ini sesuai untuk eksport barangan yang dibuat secara kontrak khas untuk pembeli tertentu di luar negara.

#### (iii) Polisi Komprehensif (Perkhidmatan)

Polisi insurans ini memberi perlindungan dari kerugian tidak menerima pembayaran keatas perkhidmatan yang di eksport seperti khidmat teknikal, bantuan professional, membaiki dan membaikpulih kapal atau bayaran perjanjian royalty dan sebagainya di mana tempoh kredit yang diberikan tidak melebihi 180 hari. Perlindungan ini bermula dari tarikh

inbois dikeluarkan. Peratusan perlindungan adalah sehingga 95% daripada nilai kerugian yang dialami.

#### (iv) Polisi Surat Kredit Bank (Bank Letter of Credit Policy)

Polisi Surat Kredit Bank dikeluarkan kepada bank-bank komersial Malaysia yang membiayai pinjaman selepas penghantaran kepada pengeksport di mana terma pembayaran adalah melalui surat kredit.

Dengan adanya polisi ini, kemusykilan yang dihadapi oleh bank-bank komersial Malaysia mengenai taraf kredit bank-bank yang mengeluarkan surat kredit dan keadaan ekonomi dan politik di negara pembeli dapat diatasi.

Polisi ini memberi insurans kepada bank-bank komersial Malaysia yang mendiskaunkan surat kredit; sehingga 95% daripada nilai surat kredit disebabkan oleh kegagalan bank pengeluar surat kredit membuat pembayaran. Polisi ini membantu meningkatkan eksport ke pasaran bukan tradisi dan ekonomi Dunia Ketiga, melalui bank-bank komersial Malaysia yang membiayai eksport ke pasaran tersebut.

### (b) Kemudahan Jangka Pertengahan dan Jangka Panjang

#### (i) Polisi Spesifik (Khusus)

Polisi insurans ini memberi perlindungan ke atas eksport barangan modal atau separa modal dan/atau perkhidmatan yang melibatkan tempoh perkilangan dan/atau pembayaran kredit yang panjang dan melibatkan nilai kontrak yang besar. Polisi insurans ini di buat khas untuk memenuhi keperluan dan ciri khusus untuk sesebuah projek yang mana tempoh kredit melebihi dua tahun. Polisi ini

dikeluarkan sekali untuk sesuatu projek yang tertentu sahaja. Peratusan perlindungan adalah sehingga 95% dari jumlah kerugian yang dialami.

(ii) **Jaminan Kredit Pembekal**

Jaminan ini diberi kepada institusi kewangan yang memberi pinjaman kredit kepada pembekal/pengeksporth barangan dan/atau perkhidmatan Malaysia atau kontraktor Malaysia yang mengendalikan projek serah kunci (turnkey project) di luar negara.

Tanpa kemudahan pinjaman, pengeksporth atau kontraktor Malaysia tidak mungkin dapat menjalankan projek.

Untuk mengurangkan pendedahan terhadap risiko politik di luar negara, pengeksporth atau kontraktor projek serah kunci di Malaysia boleh mendapatkan insurans perlindungan risiko tersebut dari MECIB di bawah Polisi Spesifik.

Peratusan perlindungan bagi pinjaman kredit pembekal adalah bergantung kepada asas sesuatu kes (case-by -case basis), tetapi secara umumnya ia memberi perlindungan komprehensif sebanyak 100%. Pinjaman kredit ini memberi pembiayaan sehingga 85% dari nilai kontrak sesuatu projek atau urus niaga eksport. Sekiranya kontrak tersebut mengandungi barangan selain dari barangan dan/atau perkhidmatan Malaysia, nilai kandungan dan nilai tambahan bagi barangan Malaysia (value added) sebanyak 30% adalah perlu.

(iii) **Jaminan Kredit Pembeli**

Jaminan ini diberi kepada institusi kewangan yang memberi pinjaman kredit kepada pembeli luar negara

samada kerajaan, pembeli sektor awam ataupun swasta bagi pembiayaan pembelian barangan Malaysia dan/atau perkhidmatan dan permodalan atau projek serah kunci (turnkey project) di mana pembayaran diberi terus kepada pembekal.

Tanpa kemudahan pinjaman, pembeli luar negara tidak akan dapat membeli barangan dan perkhidmatan dari Malaysia.

Peratusan perlindungan adalah bergantung kepada asas sesuatu kes (case-by-case), tetapi secara umumnya pinjaman kredit pembeli ini memberi perlindungan komprehensif sebanyak 100%. Pinjaman kredit ini memberi pembiayaan sehingga 85% dari nilai kontrak sesuatu projek atau urus niaga eksport. Sekiranya kontrak tersebut mengandungi barangan selain dari barangan dan/atau perkhidmatan Malaysia, nilai kandungan dan nilai tambahan bagi barangan Malaysia (value added) sebanyak 30% adalah perlu.

(iv) **Jaminan Pembiayaan Projek (Project Finance Guarantee)**

Jaminan ini diberi kepada institusi kewangan yang memberi pinjaman kepada syarikat Malaysia yang mengendalikan projek penswastan di luar negara seperti projek Bina-Urus-Pindah (Build-Operate-Transfer) atau Bina-Milik-Urus-Pindah (Build-Owned-Operate-Transfer) yang berasaskan pembiayaan berbantuan terhad (limited recourse financing) di mana sumber pembayaran balik adalah dari aliran tunai projek itu sendiri.

Jaminan yang disediakan adalah jaminan risiko perlindungan politik dan/atau risiko perdagangan. Peratusan perlindungan risiko

perdagangan adalah bergantung kepada sesuatu kes dan had maksima adalah 100%. Projek tersebut biasanya dibiayai melalui hutang dan ekuiti (mix injection of debt and equity) dimana nisbah sebanyak 70:30 bagi projek-projek infrastruktur adalah diperlukan.

(v) **Insurans Pelaburan Luar Negara**

Insurans ini adalah untuk melindungi pelaburan individu dan syarikat Malaysia di negara asing dalam bentuk ekuiti atau pinjaman komersial daripada mengalami kerugian akibat dari risiko-risiko politik seperti sekatan atau hadangan pulangan keuntungan (repatriation of profit), dividen, pembayaran balik pinjaman, rampasan oleh kerajaan tuan rumah (host country) secara langsung atau tidak langsung dan kerosakan aset-aset ketara (tangible assets) akibat gangguan ketenteraman awam dan peperangan.

Di mana sesuatu konsesi diberikan kepada pelabur oleh kerajaan tuan rumah, perlindungan tambahan berkenaan pembatalan kontrak oleh kerajaan tuan rumah boleh dipertimbangkan bergantung kepada sesuatu kes.

Perlindungan sebanyak 90% diberikan kepada pelaburan yang mengalami kerugian-kerugian seperti yang tersebut di atas.

(vi) **Polisi Jaminan Bon**

MECIB boleh mengeluarkan bon atau memberi jaminan kepada bank-bank perdagangan sebagai galakan penerbitan bon bagi pihak pengeksport Malaysia memenuhi syarat-syarat dari pembeli luar

negara bagi barangan dan/atau perkhidmatan dari Malaysia.

Jenis-jenis perlindungan bon adalah bon tender (tender bond), bon pembayaran pendahuluan (advance payment bond) dan bon prestasi (performance bond). Perlindungan diberi adalah 100%.

Polisi pemanggilan bon tanpa sebab munasabah (unfair calling of bond) juga disediakan untuk memberi perlindungan kepada syarikat Malaysia daripada pemanggilan bon tanpa sebab munasabah oleh pembeli/majikan luar negara. Perlindungan yang biasa diberikan adalah sebanyak 95%.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi MECIB di pejabat yang berhampiran:

**Kuala Lumpur**

Malaysia Export Credit Insurance Berhad  
(32522-U)  
Level 17, Bangunan Bank Industri, Bandar Wawasan  
No 1016, Jalan Sultan Ismail,  
P.O. Box 11048  
50734 Kuala Lumpur  
Tel : 03 - 2910677  
Fax : 03 - 2910353  
E-mail : [mecib@mecib.po.my](mailto:mecib@mecib.po.my)  
Website : [www.mecib.com](http://www.mecib.com)

**Penang**

Malaysia Export Credit Insurance Berhad  
(32522-U)  
2nd Floor, 53 Jalan Selat, Taman Selat  
P.O. Box 157,  
12000 Butterworth,  
Penang  
Tel : 604 - 3321862  
Fax : 604 - 3322172  
E-mail : [ron@mecib.po.my](mailto:ron@mecib.po.my)

**Johor**

Malaysia Export Credit Insurance Berhad  
(32522-U)  
2nd Floor, No 95, Jalan Damai  
Taman Setia, Off Jalan Stulang Darat  
80300 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim  
Tel : 607 – 2231191  
Fax : 607 – 2240370  
E-mail : ros@mecib.po.my

### **E3. Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (ITAF)**

Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (ITAF) telah diwujudkan oleh Kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM50 juta, bertujuan untuk menyediakan geran kepada industri kecil dan sederhana (IKS). Memandangkan peruntukan asal hampir kehabisan, tambahan dana sebanyak RM70 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bagi kegunaan skim berikut:

- (i) Skim Perancangan dan Pembangunan Perniagaan (ITAF 1)  
(geran maksimum RM 40,000 setiap syarikat);
- (ii) Skim Peningkatan Pembangunan Produk dan Proses (ITAF 2)  
(geran maksimum RM 250,000 setiap syarikat);
- (iii) Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti dan Persijilan  
(geran maksimum RM 250,000 setiap syarikat); dan
- (iv) Skim Pembangunan Pasaran  
(geran maksimum RM 40,000 setiap syarikat).

IKS yang beroperasi dalam sektor perkilangan atau perkhidmatan yang berkaitan secara langsung dengan sektor perkilangan adalah layak untuk memohon bantuan ini dengan memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965;
- (ii) Nilai jualan tahunan yang tidak melebihi RM25 juta dan mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang;
- (iii) Sekurang-kurangnya 70% ekuiti dimiliki oleh Rakyat Malaysia yang mana tidak lebih daripada 25% dimiliki oleh Syarikat besar.

Keutamaan akan diberi kepada IKS seperti berikut:

- (i) Syarikat pengeluar atau syarikat yang bercadang untuk mengeluarkan atau bercadang membuat barang atau terlibat dalam kegiatan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pengilangan yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986;
- (ii) Syarikat-syarikat yang dilantik dibawah Program Rantaian Industri (ILP) Bantuan di bawah Tabung ini diberikan dalam bentuk geran bersamaan (matching grant) di mana sebanyak 50% daripada kos projek dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya sebanyak 50% ditanggung oleh syarikat pemohon, tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan bagi setiap skim.

Borang permohonan dan keterangan lanjut mengenai ITAF boleh diperolehi daripada:

Urusetia ITAF  
Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia,  
701D, Level 7, Tower D,  
Uptown 5, Jalan SS 21/39,  
Damansara Uptown,  
47400 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan

No. Telefon : 03-7660 8585  
No. Faks : 03-7660 1919

## **II. AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN 1975**

Objektif Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) 1975 ialah untuk memastikan pembangunan

dan perkembangan sektor perkilangan yang teratur. ICA menetapkan bahawa seseorang yang terlibat dalam sebarang aktiviti perkilangan perlu mendapatkan lesen daripada Pegawai Pelesen untuk menjalankan aktiviti berkenaan. Hanya syarikat-syarikat perkilangan dengan dana pemegang-pemegang saham sekurang-kurangnya RM2.5 juta atau menggaji sekurang-kurangnya 75 orang pekerja sepenuh masa sahaja perlu memohon lesen di bawah ICA.

Semua permohonan untuk mendapatkan lesen pengilang hendaklah menggunakan borang tertentu dan dialamatkan kepada Ketua Pengarah, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Kuala Lumpur, Malaysia. MIDA merupakan agensi Kerajaan utama untuk menggalak dan menyelaras pembangunan industri di Malaysia. Definisi yang berkaitan dalam ICA ialah seperti berikut:

- (a) "Pegawai Pelesen" ialah Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
- (b) "Aktiviti Perkilangan" bermaksud membuat, mengubah, mengadun, menghias, memperkemas atau dengan cara lain mengawit atau menyesuaikan apa-apa barang atau bahan dengan tujuan untuk mengguna, menjual, mengangkut, menyerah atau melupus dan termasuklah pemasangan bahagian-bahagian dan pembaikan kapal tetapi tidak termasuk sebarang aktiviti yang biasanya dikaitkan dengan perdagangan jual runcit atau jual borong.
- (c) "Dana Pemegang-pemegang Saham" bermaksud jumlah agregat modal dibayar syarikat (dari segi saham keutamaan dan saham biasa dan tidak termasuk sebarang jumlah dalam bentuk saham bonus yang diterbitkan dari modal simpanan yang diterbitkan dari penilaian semula harta tetap) modal simpanan (selain daripada modal simpanan yang diterbitkan dari penilaian semula harta tetap dan peruntukan susutnilai, pembaruan atau penggantian dan penurunan nilai harta), baki akaun premium saham (tidak termasuk

sebarang jumlah yang dikreditkan semasa penerbitan saham bonus pada premium daripada modal simpanan melalui penilaian semula harta) dan baki akaun untung rugi.

- (d) "Pekerja Digaji Sepenuh Masa" bermaksud semua pekerja yang biasanya bekerja dengan syarikat sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan sekurang-kurangnya 20 hari sebulan untuk tempoh 12 bulan sepanjang tahun dan menerima gaji. Ini termasuk pekerja seperti dalam bidang jualan kembara, kejuruteraan, penyelenggaraan dan pembaikpulih atau mereka yang dibayar oleh dan di bawah pengawasan syarikat. Pekerja sepenuh masa meliputi pengarah-pengarah perniagaan yang diperbadankan kecuali mereka yang hanya dibayar elaun menghadiri mesyuarat lembaga pengarah. Ahli-ahli keluarga yang bekerja dan menerima gaji tetap atau elaun dan menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau tabung-tabung "superannuation" yang lain juga termasuk dalam definisi ini.

## 1. GARIS PANDUAN UNTUK KELULUSAN PROJEK-PROJEK PERKILANGAN

Kekukuhan pertumbuhan industri Malaysia dalam abad sebelumnya telah menyebabkan permintaan yang tinggi ke atas buruh dalam sektor perkilangan. Keadaan kekangan dalam pasaran buruh telah dirasai sejak beberapa tahun yang lalu.

Memandangkan demikian, Kerajaan telah menyediakan satu garis panduan untuk pertimbangan projek perkilangan berdasarkan kepada Nisbah Modal Pelaburan bagi setiap Pekerja (C/E). Berkuatkuasa 26 Ogos 1995, projek-projek dengan nisbah C/E kurang daripada RM55,000 akan ditakrifkan sebagai berintensif buruh dan tidak akan dipertimbangkan untuk lesen pengilang atau insentif cukai oleh MITI.



Walau bagaimanapun, projek-projek yang memenuhi kriteria-kriteria berikut akan dikecualikan daripada garis panduan di atas:

- (a) Sekiranya nilai tambah melebihi 30%.
- (b) Sekiranya Indeks Pengurusan, Teknikal dan Penyeliaan (MTS) melebihi 15%.
- (c) Sekiranya projek tersebut ialah aktiviti-aktiviti atau keluaran-keluaran yang disenaraikan sebagai aktiviti-aktiviti yang digalakkan dan keluaran-keluaran berteknologi tinggi.
- (d) Sekiranya projek tersebut ditempatkan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia\*, Sabah dan Sarawak.

## 2. PEMBESARAN KAPASITI PENGE-LUARAN DAN PELBAGAIAN KELUARAN-KELUARAN

Syarikat wujud yang berlesen yang bercadang untuk membesarkan kapasiti pengeluaran keluaran-keluaran yang diluluskan atau mempelbagaikan keluaran (tambahan) dikehendaki mengemukakan permohonan kepada MIDA untuk pembesaran atau pelbagaian dengan menggunakan borang tertentu.

## III. GARIS PANDUAN MENGENAI PELABURAN ASING

### 1. Dasar ekuiti sektor perkilangan

Kerajaan Malaysia mengalu-alukan pelaburan asing dalam sektor perkilangan. Dengan objektif meningkatkan penyertaan rakyat Malaysia dalam aktiviti sektor perkilangan, adalah menjadi dasar kerajaan menggalakkan projek-projek dijalankan secara usahasama antara pengusaha-pengusaha rakyat Malaysia dengan rakyat asing.

#### 1.1 Dasar Ekuiti Untuk Pelaburan Baru, Pembesaran dan Pelbagaian

Penyertaan ekuiti asing dalam projek-projek perkilangan telah dilandaskan kepada paras

eksport. Berkuatkuasa 31 Julai 1998, Kerajaan Malaysia telah meliberalisasikan dasar ekuiti untuk sektor perkilangan dari segi pelaburan baru, pembesaran atau pelbagaian seperti berikut:

- (a) Pelabur-pelabur asing kini boleh memiliki ekuiti sebanyak 100% tanpa mengira paras eksport.
- (b) Kelonggaran ini diguna pakai untuk semua permohonan yang diterima mulai 31 Julai 1998 sehingga 31 Disember 2000 bagi menubuhkan projek-projek perkilangan melainkan bagi aktiviti-aktiviti dan keluaran-keluaran tertentu di mana warga-negara Malaysia dan syarikat Malaysia telah mempunyai keupayaan dan kepakaran. Aktiviti-aktiviti dan keluaran-keluaran ini ialah pembungkusan kertas; pembungkusan plastik (termasuk botol, filem, helaian kertas dan beg plastik); komponen pengacuan suntikan plastik, pengecapan logam, fabrikasi logam dan elektropenyaduran; dawai penyambung; percetakan dan pusat servis keluli. Untuk aktiviti-aktiviti dan keluaran-keluaran ini, garis panduan ekuiti sedia ada diguna pakai.
- (c) Dasar ekuiti ini akan digunapakai kepada semua permohonan yang diterima daripada 31 Julai 1998 sehingga 31 Disember 2000 termasuk semua permohonan yang telah diterima tetapi belum mendapat keputusan.
- (d) Semua projek yang diluluskan di bawah dasar ini tidak diperlukan untuk menstruktur semula ekuiti mereka selepas tempoh tersebut. Syarat eksport juga tidak dikenakan selepas tempoh ini.
- (e) Kerajaan akan mengkaji semula dasar ekuiti baru ini selepas 31 Disember 2000.

\*Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor

## 1.2 Dasar Ekuiti Diguna Pakai Untuk Syarikat-syarikat Wujud

- (a) Syarikat-syarikat yang telah dilesenkan sebelum 31 Julai 1998 hendaklah mematuhi syarat ekuiti seperti yang dinyatakan dalam lesen. Walau bagaimanapun, bagi syarikat-syarikat yang melaksanakan projek pembesaran atau pelbagaian, dasar ekuiti seperti di perenggan 1.1 diguna pakai untuk projek-projek tersebut.

Dasar ekuiti di perenggan 1.1 diguna pakai untuk syarikat-syarikat berikut:

- (b) Syarikat-syarikat dahulunya dikecualikan daripada Lesen Pengilang tetapi dana pemegang-pemegang sahamnya kini telah mencapai RM2.5 juta atau mempunyai sekurang-kurangnya 75 orang pekerja sepenuh masa; dan
- (c) Syarikat-syarikat berlesen yang wujud yang dikecualikan daripada syarat ekuiti dan dikehendaki memaklumkan MITI setelah dana pemegang-pemegang sahamnya mencapai RM2.5 juta.

## 1.3 Kelonggaran Syarat Eksport untuk Pengilang-pengilang Wujud

Bagi meningkatkan paras rantai industri dan perolehan tempatan, Kerajaan telah melonggarkan syarat eksport yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat perkilangan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1998 kepada 31 Disember 2000. Dengan kelonggaran ini, semua syarikat wujud yang dikenakan syarat eksport kini boleh memohon kepada MIDA kelulusan untuk menjual sehingga 50% daripada pengeluarannya ke dalam pasaran tempatan.

Keluaran-keluaran yang layak dipertimbangkan untuk peningkatan jualan tempatan ialah seperti berikut:

- (a) Semua keluaran tanpa duti.

- (b) Semua keluaran berduti import yang tidak terdapat di Malaysia atau bekalan tempatan tidak mencukupi.

Kelonggaran sementara syarat eksport ini tidak akan memberi kesan kepada struktur ekuiti dan insentif semasa bagi syarikat-syarikat wujud. Kelonggaran ini juga meliputi syarikat-syarikat baru yang diluluskan sebelum 31 Julai 1998 setelah syarikat-syarikat ini memulakan operasi.

## 2. Perlindungan pelaburan asing

### 2.1 Hak Milik Ekuiti

Syarikat yang telah diluluskan dengan syarat penyertaan ekuiti tertentu tidak dikehendaki untuk menstruktur semula ekuitinya pada bila-bila masa, sekiranya syarikat berkenaan terus mematuhi syarat-syarat asal kelulusan dan mengekalkan ciri-ciri asal projek tersebut.

### 2.2 Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA)

Malaysia menandatangani Perjanjian-perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) sebagai usaha untuk meningkatkan lagi keyakinan para pelabur asing di Malaysia bahawa pelaburan mereka adalah terjamin.

IGA memperuntukkan perkara-perkara berikut kepada pelabur-pelabur asing, iaitu:

- (a) Perlindungan daripada pemilik-negaraan dan ekspropriasi.
- (b) Pampasan yang segera dan mencukupi apabila berlaku pemilikan Negara dan ekspropriasi.
- (c) Perpindahan keuntungan, modal dan bayaran-bayaran lain tanpa halangan.
- (d) Penyelesaian pertikaian pelaburan di bawah Konvensyen mengenai Penyelesaian Pertikaian Pelaburan di mana Malaysia telah menjadi ahli sejak tahun 1966.

Malaysia telah menandatangani Perjanjian-perjanjian Jaminan Pelaburan dengan negara-negara berikut (mengikut duluan):

Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Belanda, Perancis, Switzerland, Sweden, Belgo-Luxembourg, United Kingdom, Sri Lanka, Romania, Norway, Austria, Finland, Organisasi Negara-negara Islam (OIC), Kuwait, ASEAN, Itali, Korea Selatan, Republik China, Emiriah Arab Bersatu, Denmark, Vietnam, Papua New Guinea, Republik Chile, Laos, Taiwan, Hungary, Poland, Indonesia, Albania, Zimbabwe, Turkmenistan, Namibia, Kemboja, Argentina, Jordan, Bangladesh, Croatia, Bosnia-Herzegovina, Sepanyol, Pakistan, Kyrgyz, Mongolia, India, Uruguay, Peru, Kazakstan, Malawi, Czech, Guinea, Ghana, Mesir, Botswana, Cuba, Uzbekistan, Macedonia, Korea Utara, Yemen, Turki, Lebanon, Burkina Faso, Republik Sudan, Republik Djibouti, Republik Ethiopia, Senegal, Negara Bahrain dan Algeria.

### 2.3 Konvensyen mengenai Penyelesaian Pertikaian Pelaburan

Sejajar dengan dasar negara untuk menggalak dan melindungi pelaburan asing, Kerajaan Malaysia telah meratifikasikan peruntukan-peruntukan dalam Konvensyen mengenai Penyelesaian Pertikaian Pelaburan dalam tahun 1966, di bawah naungan International Bank of Reconstruction dan Development (IBRD). Kemudahan-kemudahan untuk pendamaian antarabangsa atau timbangtara ditubuhkan oleh Konvensyen melalui Pusat Antarabangsa untuk Penyelesaian Pertikaian Pelaburan yang terletak di pejabat utama IBRD di Washington.

### 2.4 Pusat Serantau untuk Timbangtara

Pusat Serantau Kuala Lumpur untuk Timbangtara telah ditubuhkan dalam tahun 1978 di bawah naungan Jawatankuasa Perundingan Undang-Undang Asia-Afrika (AALCC) - sebuah organisasi antara kerajaan dengan kerjasama dan bantuan Kerajaan Malaysia.

Tugas pusat ini meliputi kawasan Asia dan Pasifik. Ia ialah sebuah organisasi tanpa untung dan telah ditubuhkan dengan objektif untuk menyediakan satu sistem untuk penyelesaian pertikaian bagi faedah semua pihak yang terlibat dengan perdagangan dan pelaburan, dengan dan antara kawasan.

## IV. LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA)

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) merupakan pusat hubungan pertama bagi pelabur yang bercadang untuk mendirikan projek dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan sokongan yang berkaitan dengannya di Malaysia. MIDA telah menubuhkan satu rangkaian global pejabat-pejabat seberanglaut yang meliputi Amerika Utara, Europah dan Asia-Pasifik dan rangkaian cawangan tempatan di beberapa negeri bagi membantu pelabur-pelabur dari peringkat awal projek hingga perlaksanaan dan operasi projek-projek mereka.

Sejak 1 Oktober 1988, MIDA telah diberikan peranan sebagai Pusat Penyelarasan Pelaburan. Para pelabur hanya perlu berhubung dengan MIDA untuk memperolehi kebanyakan kelulusan yang diperlukan di peringkat Persekutuan. Langkah ini adalah bertujuan untuk memperkemaskan lagi prosedur-prosedur pentadbiran berhubung dengan pelaburan di peringkat Persekutuan.

Fungsi utama MIDA adalah:

- (a) menggalakan pelaburan asing dan tempatan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya;
- (b) membuat perancangan bagi pembangunan perindustrian di Malaysia;
- (c) mencadangkan kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengenai polisi-polisi dan strategi-strategi berkaitan penggalan dan pembangunan perindustrian;

- (d) menilai permohonan-permohonan berhubung dengan penubuhan dan pelaksanaan projek perkilangan dan projek-projek berkaitan;
- (e) membantu syarikat-syarikat di dalam pelaksanaan dan operasi projek mereka, dan menghulurkan bantuan rundingan terus dan bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri;
- (f) memudahkan pertukaran maklumat dan penyelarasan di antara institusi-institusi yang terlibat atau berkaitan dengan pembangunan perindustrian.

Permohonan-permohonan yang dinilai meliputi perkara-perkara yang berikut:

- i. lesen pengilang;
- ii. insentif cukai bagi aktiviti perkilangan, pertanian, hotel dan pelancongan, R&D, institusi latihan teknikal atau vokasional dan pembangunan perisian;
- iii. jawatan asing;
- iv. pengecualian duti import keatas bahan mentah dan alat komponen;
- v. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin dan kelengkapan;
- vi. perlindungan tarif;
- vii. kelulusan perjanjian pemindahan teknologi; dan
- viii. Skim Kerjasama Perindustrian Asean (AICO)

Dalam usaha untuk terus meningkatkan peranan MIDA dalam membantu pelabur-pelabur, wakil kanan daripada Kementerian dan Jabatan serta perbadanan penting telah ditempatkan di ibu pejabat MIDA di Kuala Lumpur bagi menasihati dan membantu pelabur-pelabur serta menyelaras permohonan-permohonan untuk mendapatkan kelulusan dan lain-lain perkara di bawah bidangkuasa badan-badan berkenaan. Wakil-wakil adalah dari:

- (a) Kementerian Kewangan;
- (b) Kementerian Sumber Manusia;

- (c) Jabatan Imigresen;
- (d) Jabatan Kastam dan Eksais Diraja;
- (e) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan;
- (f) Jabatan Alam Sekitar;
- (g) Tenaga Nasional Berhad; dan
- (h) Telekom Malaysia Berhad.

Pada 3 Mei 1999, Bahagian Khidmat Industri telah di tubuhkan di MIDA dengan fungsi-fungsi berikut:

- (a) membantu syarikat-syarikat didalam pelaksanaan dan operasi projek-projek baru;
- (b) membantu syarikat-syarikat wujud didalam projek-projek pembesaran, pelbagaian dan pelaburan semula mereka;
- (c) menjalankan kajian-kajian berkala dan merumuskan langkah-langkah bersesuaian supaya pelaksanaan dan operasi projek-projek perindustrian berjalan lancar.

### Pusat Pelaburan di Peringkat Negeri

Di peringkat negeri, pusat pelaburan telah juga ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap kepada para pelabur. Pada masa ini, sembilan buah negeri telah menubuhkan pusat seumpama ini. Negeri-negeri tersebut ialah Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah, Selangor dan Terengganu. Kerajaan Negeri Sarawak juga telah bersetuju pada dasarnya untuk menubuhkan pusat pelaburan ini. Tiga buah negeri iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang masih beroperasi di bawah sistem yang ada, di mana permohonan dihantar terus kepada agensi-agensi berkaitan untuk kelulusan. Sekiranya timbul apa-apa masalah atau kelewatan dalam mendapatkan sesuatu kelulusan, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) Kedah dan Perlis, dan Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang (PDC) akan mengadakan mesyuarat dengan agensi yang berkaitan untuk mempercepatkan kelulusan sesuatu permohonan tersebut.

Pusat-pusat pelaburan di peringkat negeri diletakkan sama ada di PKEN seperti di negeri-negeri Johor, Kelantan, Melaka, Pahang, dan Perak atau di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) seperti di Negeri Sembilan, Selangor dan Terengganu. Di negeri Sabah, pusat ini ditempatkan di bawah Jabatan Pembangunan Industri dan Penyelidikan (DIRD). Bagi negeri Sarawak, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menempatkan pusat ini di bawah Kementerian Pembangunan Perindustrian (MID).

Bagi membantu pusat pelaburan berfungsi secara berkesan, Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaraskan dan membuat keputusan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan pengeluaran lesen, permit dan kelulusan, serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur di peringkat negeri. Semua permohonan dan aduan yang diterima akan disalurkan oleh pusat ini (yang juga bertindak sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Khas) kepada agensi yang berkaitan untuk pertimbangan. Walaupun pusat-pusat di peringkat negeri menjalankan fungsi yang berbeza, tetapi pada amnya fungsi tersebut adalah serupa dan lebih bertumpu kepada mempercepatkan kelulusan-kelulusan yang diperlukan bagi membolehkan para pelabur melaksanakan projek mereka.

Bidang tugas pusat ini di peringkat negeri adalah seperti berikut:

- (i) untuk mewujudkan pusat penerangan pelaburan bagi mengumpul, mengemaskini dan menyediakan maklumat atau data yang berkaitan kepada para pelabur;
- (ii) untuk menerima, memproses dan menyampaikan keputusan mengenai permohonan untuk lesen, permit dan kelulusan yang diperlukan oleh para pelabur di peringkat negeri untuk melaksanakan projek mereka;
- (iii) untuk mengawasi kemajuan projek bagi membantu pelabur dalam melaksanakan projek mereka; dan
- (iv) untuk menasihatkan Kerajaan Negeri dari masa ke semasa mengenai semua perkara berhubung dengan kemajuan sektor industri di peringkat negeri.

Dengan penubuhan pusat pelaburan di peringkat negeri, prosedur pentadbiran melibatkan kelulusan, permit dan keperluan lesen untuk pelaksanaan dan operasi projek di peringkat negeri telah diseragamkan. Ia bukan sahaja memudahkan para pelabur tetapi juga akan menjimatkan masa, tenaga dan sumber dalam berurusan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, kerana mereka hanya perlu berhubung dengan pusat ini sahaja mengenai hampir semua masalah di peringkat negeri. Seterusnya, ini memperbaiki iklim pelaburan bukan sahaja di peringkat negeri tetapi negara pada keseluruhannya.

Mengenai perhubungan di antara pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, telah diwujudkan Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelarasan Bersama Industri (JBI) di setiap negeri yang mempunyai bidang tugas seperti berikut:

- (i) Merancang arahala pembangunan industri di peringkat Negeri untuk menentukan ianya selaras dengan perancangan yang dibuat bagi seluruh negara. Sebaliknya pula perancangan industri di peringkat Negeri akan digunakan sebagai 'input' kepada perancangan di peringkat Persekutuan supaya pembangunan industri Negara menjadi rapi, jelas dan bersepadu.
- (ii) Mengenalpasti strategi-strategi penggalakan pelaburan dan industri supaya dapat diwujudkan hala penyebaran industri dengan lebih efisien dan ketara. Untuk maksud ini Jawatankuasa akan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:
  - (a) Mengenalpasti zon-zon perindustrian yang baru, serta menilai keperluan-keperluan infrastruktur seperti jalan, bekalan air dan elektrik, pengangkutan perhubungan, penyeteroran dan pelupusan sisa-sisa industri dan sebagainya;
  - (b) Menimbang kemungkinan mewujudkan kawasan-kawasan industri khusus, khasnya bagi sektor industri kecil dan sederhana;

- (c) Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang beroperasi dalam zon-zon perindustrian yang sedia ada, dari
  - (d) Menetapkan industri-industri yang perlu diutamakan untuk dibangun di Negeri-negeri.
- (iii) Merancang dan mengawasi pembangunan “linkages” di kalangan sub-sektor industri supaya wujud industri-industri sokongan yang kritikal di peringkat negeri. Dengan yang demikian pembangunan industri akan lebih menyeluruh dan hubungkait antara Negeri dengan negeri yang lain, antara industri-industri dan antara sub-sektor industri dengan industri, dapat diwujudkan.
  - (iv) Menganjurkan penubuhan Pusat Pembangunan Kemahiran (Skills Development Centres) diperingkat Negeri melalui kerjasama Kerajaan dan sektor, supaya bekalan tenaga mahir kepada industri sentiasa mencukupi.
  - (v) Mengenalpasti prosidur-prosidur dan lain-lain kerenah birokrasi yang menjelaskan kelicinan pelaksanaan projek-projek dan memperakukan tindakan-tindakan yang sesuai untuk mengatasinya.
  - (vi) Merancang program-program galakan eksport supaya keluaran-keluaran industri dapat meneroka pasaran antarabangsa.
  - (vii) Pada amnya, menjadi pusat rujukan bagi menerima maklumbalas sektor swasta tentang masalah-masalah yang mereka hadapi.

## V. PEMINDAHAN TEKNOLOGI

Semua projek perkilangan yang dilesenkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) hendaklah mendapat kelulusan secara bertulis dari MITI terlebih dahulu sebelum mengadakan sebarang perjanjian dengan pihak asing.

### Jenis-Jenis Perjanjian

Perjanjian pemindahan teknologi adalah meliputi pemberian lesen ke atas hak-hak untuk menggunakan proses-proses tertentu, formula atau teknologi perkilangan (sama ada dipatenkan atau tidak dipatenkan), pengetahuan dan kepakaran lain yang diperlukan untuk membina loji serta penyediaan berbagai bantuan teknik dan perkhidmatan sokongan.

Di bawah perjanjian-perjanjian ini, perjanjian tertentu boleh dilakukan dari segi:

- (i) Perjanjian Usaha Sama;
- (ii) Bantuan Teknik dan Perjanjian Pengetahuan (Know-how);
- (iii) Perjanjian Pelesenan;
- (iv) Perjanjian Paten dan Cap Dagangan;
- (v) Kontrak ‘Turn Key’; dan
- (vi) Perjanjian Pengurusan.

### Garis Panduan Pemindahan Teknologi

Perjanjian pemindahan teknologi hendaklah menyatakan dengan jelas perkara-perkara berikut:

- (i) kandungan teknologi dan ciri-ciri asas tentang teknologi atau proses berkenaan;
- (ii) ramalan pengeluaran;
- (iii) kualiti dan spesifikasi keluaran; dan
- (iv) butir-butir berkaitan dengan bantuan teknik, perkhidmatan dan cara mana ianya akan dibekalkan.

Pemindahan teknologi hendaklah meliputi perkara-perkara berikut:

#### 1. Peluang untuk Meningkatkan Tahap Teknologi

Teknologi yang akan dibekalkan hendaklah meliputi:

- (i) perkembangan teknologi yang paling terkini yang diketahui oleh pihak pembekal; dan
- (ii) peluang terhadap inovasi atau rekaan baru dalam teknologi, termasuklah paten baru yang dipohon atau yang didaftarkan.

## 2. Bayaran untuk Memperolehi Teknologi

Bayaran untuk teknologi boleh dibuat sama ada secara bayaran sekaligus (fixed lump sum fee) atau royalti bertempoh (running royalty) atau kombinasi bayaran sekaligus dan royalti bertempoh bagi sesuatu tempoh tertentu. Bayaran sekaligus biasanya dibenarkan dalam keadaan di mana pengetahuan membuat (know-how) dapat dipindah dan diserap sepenuhnya, dalam jangka masa tertentu. Bentuk bayaran yang digalakkan ialah bayaran royalti bertempoh yang berdasarkan jualan bersih. Bayaran sekaligus pendahuluan yang disertai dengan bayaran secara royalti bertempoh adalah tidak digalakkan oleh MITI. Sekiranya terdapat permohonan untuk mengenakan bayaran sedemikian, ianya hanya dibenarkan bagi tujuan mendapat balik perbelanjaan sebenar yang dibuat oleh pihak pemberi lesen untuk perkhidmatan permulaan yang diberikan kepada penerima lesen.

## 3. Kaedah Bayaran

- (a) Royalti hendaklah dikaitkan dengan tahap teknologi serta unsur-unsur asas pemindahan teknologi. Bergantung kepada kelayakan setiap perjanjian, kadar royalti yang boleh dipertimbangkan ialah di antara 1% hingga 5% daripada jualan bersih. Jualan bersih didefinisikan sebagai jualan kasar tolak diskaun jualan atau pulangan, kos pengangkutan (termasuk tambang kapal), insurans, duti, cukai dan lain-lain bayaran termasuk di mana sesuai, kos bahan mentah, alat ganti, komponen-komponen yang diimport daripada pemegang lesen asing berkenaan atau anak syarikatnya atau syarikat bersekutunya.
- (b) Kerajaan telah mengliberalisasikan dasar semasa pengawalan perjanjian-perjanjian pemindahan teknologi dengan membenarkan pemberian kelulusan automatik berikut:
  - (i) Perjanjian-perjanjian pemindahan teknologi yang ditandatangani antara syarikat pemilikan asing 100% di Malaysia dengan sebarang pihak asing atau syarikat induk asing;

(ii) Segala perjanjian bantuan teknikal, pelesenan dan pengetahuan antara syarikat milik rakyat Malaysia/ syarikat usahasama dengan rakyat Malaysia dengan sebarang pihak asing di mana bayaran royalti adalah seperti berikut:

- (a) 'Running' royalti tidak melebihi 3% dari jualan bersih; atau
- (b) Bayaran sekaligus tidak melebihi RM500,000; atau
- (c) Jumlah bayaran sekaligus dan 'running' royalti tidak melebihi 3% jualan bersih.

(iii) Perjanjian tanda perdagangan dan paten yang ditandatangani antara syarikat milik rakyat Malaysia/syarikat usahasama dengan rakyat Malaysia dengan sebarang pihak asing yang melibatkan bayaran royalti tidak melebihi 1% dari jualan bersih setiap kategori.

- (c) Amalan untuk mengasingkan bayaran-bayaran perkhidmatan dalam perjanjian-perjanjian yang berasingan adalah tidak digalakkan.
- (d) Bayaran pengetahuan (know-how) atau royalti untuk dijadikan modal adalah tidak digalakkan.

## 4. Tempoh dan Pembaharuan

- (a) Tempoh sesuatu paten yang berkaitan dengan teknologi juga akan diambil Tempoh perjanjian hendaklah mencukupi bagi menguasai sepenuhnya teknologi tersebut.
- (b) Tempoh permulaan yang biasa diluluskan ialah lima tahun dan sebarang perlanjutan tempoh adalah tertakluk kepada kelulusan bertulis terlebih dahulu dari MITI.

## 5. Latihan

Peruntukan untuk latihan yang mencukupi kepada kakitangan syarikat tempatan di loji pembekal teknologi serta latihan dalaman di loji syarikat tempatan hendaklah dinyatakan secara jelas. Bagi latihan di loji pembekal teknologi,

bilangan kakitangan yang akan dilatih, bidang-bidang di mana latihan akan diberikan dan tempohnya, serta peraturan-peraturan dan kemudahan-kemudahan untuk latihan hendaklah juga dinyatakan. Kos latihan akan ditanggung oleh pembekal teknologi tetapi segala perbelanjaan berhubung dengan gaji, keraian, elaun perjalanan dan sara hidup akan ditanggung oleh syarikat tempatan.

## 6. Paten dan Cap Dagangan

Paten dan cap dagangan mungkin termasuk sebagai sebahagian daripada perjanjian pemindahan teknologi keseluruhannya. Dalam kes paten, adalah penting supaya paten yang terlibat dengan proses “know-how” dinyatakan secara jelas dalam perjanjian tersebut dan syarikat tempatan tersebut diberi kuasa untuk menggunakan semua paten tersebut. Di mana tempoh berkuat kuasa paten adalah melebihi tempoh perjanjian tersebut, persetujuan hendaklah diadakan untuk membolehkan penggunaan paten tersebut selepas berakhirnya tempoh perjanjian.

## 7. Maklumat Sulit/Rahsia

Maklumat-maklumat boleh dianggap sulit atau rahsia hanya sepanjang tempoh perjanjian sahaja.

## 8. Jaminan/Waranti

Perjanjian hendaklah mentakrifkan jaminan (guarantee) dari segi keupayaan pengeluaran, mutu dan spesifikasi keluaran dan ciri-ciri lain dalam proses pengeluaran.

## 9. Cukai

Cukai pegangan (withholding tax) sebanyak 15% adalah dikenakan ke atas pembayaran yang dibuat kepada pembekal teknologi asing dan cukai ini hendaklah dibayar oleh penerima asing. Pengecualian cukai pegangan mengikut Perjanjian Cukai Dua Kali, di mana berkenaan, hendaklah dibuat secara berasingan kepada Kementerian Kewangan.

## 10. Wilayah Jualan

Syarikat tempatan hendaklah bebas untuk menjual keluarannya (yang dikilangkan dengan menggunakan teknologi yang dilesenkan) di seluruh Malaysia dan negara-negara lain melainkan di mana pembekal teknologi tersebut sedang mengilang atau memberi kuasa mutlak kepada pihak lain atau di mana ia tidak mempunyai kuasa untuk membenarkan jualan berdasarkan teknologinya.

## 11. Undang-undang Mengawal dan Timbang Tara

Sebarang perjanjian pemindahan teknologi adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan perjalanan timbang tara bagi menyelesaikan pertikaian hendaklah dilakukan di Malaysia mengikut sama ada Akta Timbang Tara Malaysia 1952 (Pindaan 1972) atau peraturan-peraturan “United Nations Commission on International Trade Law (UNCITRAL)” dan yang dikendalikan oleh Pusat Serantau untuk Timbang Tara “Asia-Africa Legal Consultative Committee (AALCC)” yang berpejabat di Kuala Lumpur.

## VI. PERLINDUNGAN HARTA BENDA INTELEK

Harta intelek di Malaysia terdiri daripada paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan hakcipta. Malaysia memberi perlindungan harta intelek yang mencukupi kepada pelabur tempatan dan asing. Malaysia adalah ahli World Intellectual Property Organization dan menjadi signatori kepada dua konvensyen di bawah badan dunia tersebut iaitu Konvensyen Paris (untuk perlindungan harta industri - paten, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian) dan Konvensyen Berne (untuk perlindungan hakcipta). Malaysia juga menjadi signatori kepada perjanjian TRIPS (Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights), sebuah perjanjian di bawah naungan World Trade Organisation.

### 1. Akta Paten 1983

Perlindungan paten di Malaysia ditentukan oleh Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan



Paten 1986. Sesuatu permohonan paten boleh dibuat di Malaysia dan selepas pendaftaran perlindungan akan diberikan kepada pemiliknya untuk mengeksploit paten tersebut di negara ini. Sesuatu rekacipta boleh dipatenkan jika ianya baru melibatkan langkah merekacipta dan boleh digunakan untuk perindustrian. Selain daripada paten, sijil pembaharuan utiliti boleh juga diberikan untuk suatu pembaharuan atau rekacipta yang kecil yang tidak menentapi ujian perekaciptaan seperti yang diperlukan untuk paten.

Jangka masa bagi perlindungan paten ialah 15 tahun dari tarikh pemberiannya, dengan syarat ianya diperbaharui tiap-tiap tahun. Sijil pembaharuan utiliti akan dilindungi selama 5 tahun dari tarikh pemberiannya dan boleh diperbaharui selama 5 tahun campur 5 tahun. Pemilik paten mempunyai hak eksklusif untuk mengeksploit rekacipta yang dipatenkan, menyerahhkan atau melesenkan penggunaan sesuatu paten.

## 2. Akta Cap Dagangan 1976

Pelindungan cap dagangan di Malaysia ditentukan oleh Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 1997 yang memperuntukkan perlindungan yang berkesan dan mencukupi kepada cap dagangan yang berdaftar di Malaysia.

Jangka masa perlindungan cap dagangan ialah 10 tahun dan ianya boleh diperbaharui tiap-tiap 10 tahun. Pemilik cap dagangan mempunyai hak untuk menyerahhkan dan melesenkan penggunaan sesuatu cap dagangan.

Perlindungan cap dagangan tidak mempunyai had masa, dengan syarat ianya diperbaharui.

## 3. Akta Hakcipta 1987

Perlindungan hakcipta di Malaysia ditentukan oleh Akta Hakcipta 1987 yang berkuatkuasa pada 1 Disember 1987. Akta ini memperuntukkan perlindungan kepada karya sastera, karya seni, karya muzik, filem, rakaman bunyi, siaran dan edisi karya terbitan. Hakcipta amnya wujud sepanjang hayat pencipta dan 50 tahun selepas

kematiannya. Jangka masa perlindungan bagi filem, rakaman bunyi, siaran dan edisi karya ialah 50 tahun.

Akta ini memperuntukkan tindakan sivil dan jenayah bagi pelanggan hak cipta. Satu ciri yang istimewa di bawah Akta ini ialah terdapatnya peruntukan pengutkuasaan yang memperuntukkan kuasa untuk memasuki tempat yang disyaki mempunyai salinan langgaran dan perlantikan sepasukan pegawai khusus untuk menguatkuasa Akta berkenaan. Akta tersebut memberi perlindungan yang sama kepada karya tempatan dan karya asing.

Akta tersebut dipinda pada tahun 1997 untuk memenuhi keperluan Koridor Raya Multimedia.

## 4. Rekabentuk Perindustrian

Reka bentuk yang sekarang didaftarkan di United Kingdom adalah dilindungi di Malaysia berdasarkan Akta Reka Bentuk United Kingdom 1949 untuk Semenanjung Malaysia, Ordinan Reka Bentuk (Perlindungan) United Kingdom Jilid 152 untuk Sabah dan Ordinan Rekabentuk (Perlindungan) United Kingdom Jilid 59 untuk Sarawak. Walau bagaimanapun, undang-undang ini akan diganti oleh Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 yang akan berkuatkuasa pada 1 September, 1999. Bermula daripada tarikh tersebut, sesiapa yang ingin mendapat perlindungan reka bentuk perindustrian di Malaysia hendaklah memfailkan permohonan di negara ini.

## VII. PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA (IOFC)

Dalam usaha mempertingkatkan peranan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan, Wilayah Persekutuan Labuan telah dilancarkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) pada 1 Oktober 1990. Labuan sebagai IOFC akan menjadi pelengkap kepada sistem kewangan yang berpusat di Kuala Lumpur. Antara perniagaan dan aktiviti utama di Labuan IOFC adalah:

- (i) Perbankan luar pesisir termasuk bank pelaburan;

- (ii) Insurans luar pesisir dan urusniaga yang berkaitan;
- (iii) Perniagaan amanah;
- (iv) Syarikat pemegang pelaburan;
- (v) Dana, unit amanah dan pengurusan dana;
- (vi) Pemajakan;
- (vii) Perkongsian dana;
- (viii) Syarikat pengurusan;
- (ix) Pembrokeran wang;
- (x) Pasaran wang, Perbendaharaan korporat; dan
- (xi) Pembiayaan secara Islam.

### Pentadbiran Labuan IOFC

Perniagaan dan aktiviti Labuan IOFC ditadbirkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan atau Labuan Offshore Financial services Authority (LOFSA), sebuah agensi penyelaras tunggal yang ditubuhkan pada 15 Februari 1996. Tujuan LOFSA adalah untuk bertindak sebagai sebuah agensi sehatian bagi menyelaras dan menyusun jentera pentadbiran kerajaan dan mengawasi aktiviti dan operasi berkaitan dengan industri kewangan dan pentadbiran luar pesisir di Labuan, dan bertanggung jawab dalam membentuk objektif nasional, polisi dan keutamaan bagi pentadbiran dan pembangunan yang teratur di Labuan. Walau bagaimanapun, hal-hal mengenai percukaian masih ditadbirkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

### Perundangan

Perundangan bagi mentadbir aktiviti-aktiviti perniagaan dan pelaburan di IOFC Labuan ialah seperti berikut:

- (a) Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;
- (b) Akta Syarikat Amanah Labuan 1990;
- (c) Akta Bank Luar Pesisir 1990;
- (d) Akta Insurans Luar Pesisir 1990;

- (e) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990;
- (f) Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996;
- (g) Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996;
- (h) Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan 1997; dan
- (i) Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir (Pindaan) 1998.

### Perniagaan Dana Bersama/Pelaburan

Perniagaan dana bersama/pelaburan adalah aktiviti baru yang digalakkan di Labuan IOFC dan adalah di bawah kawalselia Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998 (LOSIA). LOSIA memperuntukkan rangka pengawalselian penubuhan dan pengurusan dana luar pesisir, termasuk dana Islam dan perkhidmatan pentadbiran dana. Akta tersebut juga memperuntukkan penubuhan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LIFE) yang boleh digunakan untuk penyenaian dana-dana dan lain-lain instrumen luar pesisir. Oleh kerana peluang-peluang pelaburan dirantau Asia Tenggara adalah meluas, Labuan merupakan domisil yang menarik bagi dana asing yang hendak melabur dirantau ini.

Ciri-ciri utama LOSIA adalah seperti berikut:

- (i) Dua jenis dana boleh ditubuhkan di bawah LOSIA iaitu dana persendirian dan dana awam. Dana persendirian didefinisikan sebagai dana yang mempunyai tidak lebih daripada 100 orang pelabur di mana pelaburan pertama setiap pelabur tidak kurang daripada RM100,000 ataupun apa-apa bilangan pelabur di mana pelaburan kali pertama setiap pelabur melebihi RM500,000. Dana awam pula adalah dana yang menawarkan sahamnya untuk dibeli oleh orang awam.
- (ii) Walaupun kedua-dua dana perlu didaftarkan dengan LOFSA mengikut Akta tersebut, penubuhan dana persendirian adalah lebih fleksibel. Keperluan yang minimum di kenakan untuk penubuhan dana persendirian di Labuan. Umpamanya,

dana persendirian tidak perlu memohon kelulusan kepada LOFSA bagi kelulusan prospektus, pengurus dana dan pentadbir dana mereka.

- (iv) LOSIA hanya membenarkan seseorang yang berlesen atau berdaftar dengan LOFSA untuk mengurus atau mentadbir sesebuah dana yang didaftarkan di bawah akta ini. Bagaimanapun, dalam keadaan tertentu LOFSA akan membenarkan pengurus dana di luar Labuan dan berlesen di negara yang diiktirafkan untuk mengurus atau mentadbir sebarang kumpulan wang yang di tubuhkan di Labuan.
- (iv) Bank luar pesisir dan syarikat amanah Labuan adalah dibenarkan untuk menjadi penjaga (custodian) untuk sebarang dana yang dilancarkan di Labuan. LOSIA juga memperuntukkan bahawa hanya syarikat amanah Labuan boleh dilantik sebagai pemegang amanah dana. Bagaimanapun, LOSIA membenarkan pemegang amanah atau penjaga (costodian) yang dibenarkan di bawah undang-undang di negara yang diiktiraf menjalankan fungsi yang sama di Labuan.
- (v) Dana awam dikehendaki menyimpan rekod-rekod perakaunan yang sah dan menyediakan penyata kewangan tahunan. Dokumen ini mesti disimpan di Labuan dan tersedia untuk diperiksa oleh LOFSA, pelabur-pelabur atau orang awam.
- (vi) Dana awam tidak boleh ditawarkan kepada orang ramai melainkan prospektusnya dicetak dan difailkan dengan Lembaga. Keperluan ini adalah untuk memastikan seseorang pelabur mempunyai maklumat yang cukup mengenai dana itu.
- (vii) Akta ini juga memperuntukkan seseorang pelabur itu boleh membatalkan kontrak langganan atau menuntut ganti rugi daripada pengusaha dana jika dana itu tidak mematuhi peruntukan LOSIA. Ianya juga adalah satu kesalahan di bawah LOSIA untuk mengeluarkan sebarang prospektus yang tidak benar.
- (viii) Dana awam yang menjalankan perniagaan di luar Labuan perlu memfailkan dengan LOFSA suatu perakuan pematuhan

daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi penyelian dan pengawasan perniagaannya di dalam negara atau bidang kuasa yang diiktiraf itu. Sijil itu mesti menyatakan bahawa dana itu menjalankan perniagaan yang sah di sisi undang-undang.

- (ix) LOSIA memperuntukkan penubuhan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan atau Labuan International Financial Exchange (LIFE). Tujuan penubuhan LIFE adalah untuk menyediakan kemudahan penyenaiaan dana yang dilancarkan di Labuan atau di luar negara.

### Sistem Cukai

Syarikat luar pesisir mesti diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 bagi menjalankan aktiviti perniagaan luar pesisir dari atau di Labuan untuk menikmati kadar cukai istimewa yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (LOBATA). LOBATA memperuntukkan pengenaan, penaksiran dan pemungutan cukai ke atas aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh syarikat luar pesisir dari atau di Labuan berkuat kuasa dari tahun taksiran 1991. Syarikat luar pesisir juga termasuk syarikat amanah luar pesisir yang diwujudkan di Labuan.

#### (a) Syarikat Luar Pesisir

Sesebuah syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir (termasuk perbankan, insurans, operasi petroleum, pengurusan, penyewaan dan pemajakan kapal), bagi tempoh asas dalam satu tahun taksiran akan dikenakan cukai pada kadar 3% ke atas keuntungan bersih atau pada kadar tetap sebanyak RM20,000 mengikut pilihan syarikat bagi tahun taksiran tersebut. Bayaran ini perlu dibuat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti luar pesisir bukan perdagangan (yang termasuk aktiviti yang berkaitan dengan pemegang pelaburan dalam sekuriti, stok, saham, pinjaman, simpanan dan hartanah tak alih oleh sesebuah syarikat luar pesisir bagi

pihaknya sendiri), bagi tempoh asas dalam satu tahun taksiran tidak akan dikenakan cukai pada tahun taksiran tersebut.

**(b) Syarikat-syarikat Lain Selain Dari Syarikat Luar Pesisir/Individu Pemastautin dan Bukan Pemastautin**

Syarikat-syarikat yang beroperasi di Labuan, yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, tidak diiktiraf sebagai syarikat luar pesisir dan tidak boleh menikmati layanan cukai istimewa di bawah LOBATA. Syarikat-syarikat ini terus tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Insentif-insentif cukai di bawah LOBATA juga tidak boleh dinikmati oleh syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti perindustrian dan/atau perkilangan tetapi mereka boleh memohon insentif-insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Individu-individu pemastautin dan bukan pemastautin akan dicukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

**(c) Layanan Cukai Istimewa Di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Setem 1949**

Layanan cukai istimewa yang ditawarkan ialah:

**(i) Layanan ke Atas Dividen**

Dividen yang diterima oleh sesebuah syarikat luar pesisir dan syarikat pemastautin Malaysia dikecualikan dari cukai pendapatan dan tiada pulangan balik atau larasan diberikan untuk tujuan potongan cukai bagi dividen tersebut. Dividen daripada pendapatan aktiviti perniagaan luar pesisir atau daripada pendapatan yang dikecualikan yang dibayar oleh syarikat luar pesisir adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan kepada penerimanya. Dividen seperti ini akan dibayar tanpa sebarang potongan cukai.

**(ii) Layanan Cukai ke Atas Pengagihan oleh Syarikat Amanah Luar Pesisir**

Pengagihan yang dibuat oleh syarikat amanah luar pesisir adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan ke atas penerimanya.

**(iii) Layanan Cukai ke atas Royalti**

Royalti yang dibayar oleh syarikat luar pesisir kepada individu yang bukan pemastautin atau syarikat luar pesisir yang lain adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan dan dengan itu dikecualikan daripada cukai pegangan.

**(iv) Layanan Cukai ke atas Faedah**

Faedah yang dibayar oleh sesebuah syarikat luar pesisir kepada individu bukan pemastautin atau syarikat luar pesisir yang lain adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, di mana faedah itu dibayar kepada bank, syarikat kewangan atau perniagaan insurans yang dijalankan oleh individu bukan pemastautin di Malaysia, faedah tersebut dikenakan cukai pendapatan sebagai sebahagian daripada pendapatan perniagaan. Faedah yang dibayar oleh syarikat luar pesisir kepada seseorang pemastautin, selain daripada individu yang menjalankan perbankan, syarikat kewangan atau perniagaan insurans di Malaysia adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan.

**(v) Layanan Cukai ke atas Bayaran Teknikal atau Pengurusan**

Bayaran teknikal atau pengurusan yang dibayar oleh sesebuah syarikat luar pesisir kepada individu bukan pemastautin atau syarikat luar pesisir lain tidak tertakluk kepada cukai pendapatan.

(vi) **Pengecualian daripada Duti Setem**

Semua surat cara yang dibuat berkaitan dengan aktiviti perniagaan luar pesisir oleh syarikat luar pesisir adalah tidak tertakluk kepada duti setem di bawah Akta Setem 1949.

(vii) **Pengurangan Cukai bagi Perkhidmatan Ikhtisas**

Pendapatan yang diperolehi daripada perkhidmatan ikhtisas yang layak yang diberikan kepada syarikat luar pesisir di Labuan adalah dikecualikan daripada cukai bagi satu jumlah bersamaan 65% daripada pendapatan berkanun daripada sumber tersebut. Galakan ini adalah bagi tahun taksiran 1997 hingga tahun taksiran 2000.

(viii) **Pengurangan Cukai bagi Perniagaan yang Berkaitan atau Penyewaan Aset yang Layak**

Pendapatan yang diperolehi di Labuan daripada perniagaan yang berkaitan dengan aset yang layak atau penyewaan aset yang layak adalah dikecualikan daripada cukai bagi satu jumlah bersamaan 50% ke atas pendapatan larasan daripada sumber tersebut. Galakan ini berkuatkuasa bagi projek pembinaan yang layak yang beroperasi sebelum 1 Oktober 1996.

(ix) **Pengecualian Cukai atas Penggajian**

Pendapatan yang diperolehi oleh individu bukan warganegara daripada pekerjaannya dalam bidang pengurusan di syarikat luar pesisir di Labuan adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan sehingga satu jumlah bersamaan 50% daripada pendapatan kasar tersebut. Galakan ini adalah bagi tahun taksiran 1997 hingga tahun taksiran 2000.

## VIII. AKTA KEMAJUAN PETROLEUM 1974

Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah berkuat kuasa pada 1 Oktober 1974. Akta ini adalah bertujuan mengawal industri petroleum dan petrokimia. Petroliam Nasional Berhad atau PETRONAS diberi kuasa mengawal semua kegiatan hulu sektor petroleum. Peraturan Petroleum 1974 yang telah dipinda pada 14 Januari 1991, bertujuan memberi kuasa kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi mengawal semua kegiatan di dalam sektor hiliran industri petroleum.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diberi kuasa mengeluarkan lesen untuk tujuan memasarkan dan mengedarkan petroleum dan keluaran petrokimia. MITI diberi kuasa mengeluarkan lesen untuk tujuan pemprosesan dan penapisan petroleum serta mengilang keluaran petrokimia.

Di samping itu, Akta (Cukai Pendapatan) Petroleum 1967 telah dipinda pada tahun 1976 untuk menyelaraskan struktur cukai supaya sejajar dengan kontrak perkongsian pengeluaran yang telah ditandatangani di antara PETRONAS dengan beberapa syarikat minyak. Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1998 cukai pendapatan syarikat bagi industri petroleum telah dikurangkan daripada 40% kepada 38%, manakala duti eksport bagi minyak mentah dan kondensat dikurangkan daripada 20% kepada 10% mulai 1 Januari 1998.

## IX. AKTA BEKALAN GAS 1993

Akta Bekalan Gas 1993 telah diwartakan pada 4 Februari 1993 untuk menjaga kepentingan para pengguna gas yang dibekal melalui saluran paip dan dari tangki simpanan atau selinder yang khusus digunakan, bagi retikulasi gas. Gas telah dibekalkan kepada pusat komersial dan industri serta kawasan kediaman.

Akta Bekalan Gas 1993 dikuatkuasakan serentak dengan pewartaan Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997 pada 17 Julai 1997. Peraturan-

Peraturan tersebut mengandungi prosidur bagi pengeluaran lesen bekalan, instalasi paip gas, pemeriksaan, ujian dan penyelenggaraan instalasi gas serta pensijilan dan pendaftaran orang yang kompeten bagi melaksanakan kerja-kerja berkenaan dengan cara yang menjamin keselamatan awam. Kedua-dua Akta dan Peraturan adalah di bawah kawalselia Ketua Pengarah Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas.

Dengan pewartaan Akta Bekalan Gas 1993, seksyen yang berkaitan dengan proses retikulasi gas di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah dipinda untuk mengelakkan pertindihan di antara kedua-dua Akta tersebut. Ini adalah untuk memastikan bahawa segala aktiviti retikulasi gas serta aktiviti transmisi dan bekalan yang berkaitan akan dilaksanakan berpandukan kepada peraturan-peraturan Bekalan Gas 1997.

## X. SURUHANJAYA SEKURITI

Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada 1 Mac 1993 dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993. Dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, maka fungsi Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti, 1983 dan Panel Pengambilalihan dan Percantuman yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965 kini telah dipertanggungjawabkan kepada SC.

Keanggotaan SC terdiri daripada sembilan anggota yang dilantik oleh Menteri Kewangan seperti berikut:

- (a) Seorang Pengerusi, iaitu Pengerusi Eksekutif
- (b) Empat orang mewakili Kerajaan termasuk Timbalan Ketua Eksekutif; dan
- (c) Empat orang anggota lain dari sektor swasta.

Seorang anggota SC boleh memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

## Fungsi Suruhanjaya Sekuriti

Fungsi SC seperti termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993, adalah seperti berikut:

- (a) Untuk menasihati Menteri Kewangan dalam semua hal berhubung dengan perindustrian sekuriti dan perindustrian niaga-hadapan;
- (b) Untuk mengawal selia segala perkara berhubung dengan sekuriti dan kontrak niaga-hadapan;
- (c) Untuk memastikan bahawa peruntukan undang-undang sekuriti dipatuhi;
- (d) Untuk mengawal selia pengambilalihan dan percantuman syarikat-syarikat;
- (e) Untuk mengawal selia segala perkara berhubung dengan skim amanah saham;
- (f) Untuk bertanggungjawab di dalam mengawasi dan menyelia aktiviti-aktiviti mana-mana bursa, rumah penjelasan dan depository pusat;
- (g) Untuk mengambil segala langkah yang munasabah untuk mengekalkan keyakinan para pelabur di dalam pasaran sekuriti dan niaga-hadapan dengan memastikan wujudnya perlindungan yang sewajarnya bagi para pelabur;
- (h) Untuk meningkatkan dan menggalakkan kelakuan yang baik di kalangan anggota bursa, rumah-rumah penjelasan, pusat depository dan semua orang yang berlesen;
- (i) Untuk menggalakkan dan meningkatkan pengawalseliaan sendiri oleh pertubuhan-pertubuhan professional atau badan-badan pasaran di dalam industri sekuriti dan niaga-hadapan untuk memberi pertimbangan dan membuat cadangan-cadangan pembaharuan undang-undang yang berhubung dengan sekuriti dan kontrak niaga-hadapan;
- (j) Untuk menggalak dan meningkatkan pembangunan pasaran sekuriti dan niaga-hadapan di Malaysia termasuk penyelidikan dan latihan yang berhubungkait;
- (k) Untuk menggalak dan meningkatkan kawalseliaan sendiri oleh badan-badan pasaran dan profesional di dalam industri sekuriti dan niaga-hadapan;

- (l) untuk melesenkan dan mengawasi semua orang yang berlesen seperti yang termaktub dalam apa-apa undang-undang sekuriti; dan
- (m) Untuk melesenkan dan mengawasi semua orang yang berlesen sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang sekuriti.

Selain daripada itu, SC juga adalah pengawalselia tunggal bagi pasaran sekuriti hutang persendirian dan merupakan pihak berkuasa yang mendaftarkan prospektus bagi semua sekuriti selain saham dan debentur kelab rekreasi yang tidak disenarai.

### Akta dan Garispanduan Yang Terpakai

SC bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasa Akta-Akta/Kod seperti berikut:

- (a) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;
- (b) Akta Perindustrian Sekuriti 1983;
- (c) Akta Perindustrian Niaga-Hadapan 1993; dan
- (d) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Di antara garispanduan-garispanduan yang diterbitkan oleh SC, di dalam menjalankan fungsinya, adalah seperti berikut:

- (a) Dasar dan Garis Panduan bagi Terbitan/ Tawaran Sekuriti;
- (b) Akta perindustrian Sekuriti 1983;
- (c) Garis Panduan Tawaran Awam Sekuriti Syarikat-Syarikat Projek Infrastruktur;
- (d) Garis Panduan Tawaran Awam Sekuriti bagi Syarikat-Syarikat yang Berpusat di Luar Negara dengan Penyenaraian dan Sebutharga di Bursa Saham Kuala Lumpur;
- (e) Garis Panduan mengenai Nilai Aset yang Dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti;
- (f) Garis Panduan mengenai Tawaran Sekuriti Hutang Persendirian;

- (g) Garis Panduan bagi Permohonan Lesen Pengurus Dana di bawah Akta perindustrian Sekuriti 1983;
- (h) Peraturan –peraturan Suruhanjaya Sekuriti (Pendaftaran Simpanan bagi Debentur) 2000;
- (i) Garis Panduan mengenai Penubuhan Syarikat-Syarikat Pengurusan Dana Asing;
- (j) Garis Panduan Terbitan Waran Panggilan;
- (k) Garis Panduan Pinjam Meminjam Sekuriti di Malaysia;
- (l) Garis Panduan bagi Permohonan Lesen-Lesen di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
- (m) Garis Panduan Tawaran Awam Sekuriti bagi Syarikat-Syarikat yang Berpusat di Luar Negara dengan Penyenaraian dan Sebutharga di Bursa Saham Kuala Lumpur;
- (n) Garis Panduan mengenai Keperluan Laporan bagi Pengurus Kumpulan Wang;
- (o) Garis Panduan bagi Permohonan Lesen Pengurus Kumpulan Wang dan Wakil Pengurus Kumpulan Wang di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983;
- (p) Garis Panduan bagi permohonan Lesen bagi Pengurus Kumpulan Wang Niaga-Hadapan dan wakil Pengurus Kumpulan Wang Niaga-Hadapan di bawah Akta Perindustrian Niaga-hadapan 1993;
- (q) Garis Panduan mengenai Keperluan Laporan bagi Pengurus Kumpulan Wang;
- (r) Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia; dan
- (s) Akuan Berkanun oleh Seseorang Permohonan Lesen-Lesen di bawah Akta Perindustrian Niaga-hadapan 1993/Akta Perindustrian Sekuriti 1983;

### Permohonan Untuk Cadangan Korporat

Setiap individu adalah dikehendaki untuk mendapatkan kelulusan SC, seperti yang

dikehendaki di dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, sebelum menjalankan mana-mana permohonan berikut:

- (a) Menyediakan, menawarkan bagi langganan atau pembelian atau menerbitkan pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti di Malaysia.
- (b) Menyediakan, menawarkan bagi langganan atau pembelian atau menerbitkan pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti di Luar Malaysia, sesuatu sekuriti syarikat awam atau menyenaraikan sekuriti tersebut di bursa di luar Malaysia.
- (c) Mengeluarkan terbitan bonus sekuriti untuk sesuatu syarikat awam selain daripada mempermodakan keuntungan sebelum diasingkan.
- (d) Dengan cara terbitan sekuriti melaksanakan:
  - (i) Suatu kompromi atau perkiraan samada atau tidak bagi maksud atau berkaitan dengan suatu skim kompromi atau perkiraan bagi penyatuan mana-mana dua perbadanan atau lebih atau bagi penyusunan semula mana-mana perbadanan;
  - (ii) sebuah syer pekerja atau skim opsyen pekerja; atau
  - (iii) suatu pemerolehan sekuriti atau aset.
- (e) Memohon bagi penyenaraian sesuatu perbadanan, atau bagi sebutharga sekuriti, di pasaran saham sesuatu bursa saham.
- (f) Membahagikan aset sesuatu syarikat awam kepada anggota-anggotanya selain daripada pembahagian wang tunai atau pembahagian aset kepada anggota-anggota syarikat awam semasa penggulangannya; atau
- (g) Melaksanakan suatu penyusunan semula yang melibatkan pemerolehan atau pelupusan aset (sama ada dengan cara terbitan sekuriti atau tidak) yang mengakibatkan suatu perubahan yang ketara dalam haluan perniagaan atau dasar sesuatu syarikat awam yang di senaraikan.

Dalam memberi pertimbangan terhadap cadangan-cadangan yang disebutkan di atas, SC akan mengambil kira mana-mana perkara berikut:

- (a) Sama ada atau tidak terdapat penzahiran yang secukupnya mengenai sesuatu maklumat yang semunasabahnya dijangka boleh didapati dalam prospektus oleh pelabur dan penasihat professional mereka bagi maksud membuat penilaian berdasarkan maklumat tentang:
- (b) Sama ada pertanyaan (jika ada) tentang perbadanan tersebut, pegawainya, pengunderait dan penasihatnya akan memberi pengesahan tentang ketetapan dan kelengkapan maklumat yang dizahirkan;
- (c) Sama ada orang-orang yang memerlukan perlindungan melalui proses kelulusan dan penzahiran menurut Bahagian IV Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993 dan Bahagian IV Akta Syarikat, 1965;
- (d) Jenis perniagaan yang dijalankan oleh perbadanan tersebut;
- (e) Rekod perniagaan tersebut, sifat kepakaran dan risiko yang berkaitan dengannya;
- (f) Tujuan pengumpulan dana;
- (g) Kesesuaian membenarkan cadangan tersebut atau membenarkan dagangan sekuriti di pasaran saham sebuah bursa saham atau di mana-mana pasaran saham di luar Malaysia;
- (h) Kepentingan awam; atau
- (i) Sama ada operasi pasaran, termasuk yang berkaitan dengan harga, mengadakan mekanisma yang lengkap untuk menangani risiko dan merit cadangan tersebut.

SC bertindak sebagai agensi setempat bagi permohonan-permohonan untuk cadangan-cadangan bagi lain-lain pihak berkuasa (seperti Jawatankuasa Pelaburan Asing, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Bank Negara Malaysia) di mana kelulusan mereka adalah juga diperlukan, di samping kelulusan daripada SC. Walau bagaimanapun, di mana sesuatu cadangan hanya memerlukan kelulusan



daripada pihak-pihak berkuasa yang lain tanpa memerlukan kelulusan daripada SC, permohonan-permohonan perlulah dibuat terus kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan dan bukannya melalui SC.

### **Rangkakerja Pengawalseliaan Untuk Pengumpulan Data**

Pindaan terhadap rangkakerja pengawalseliaan bagi pengumpulan modal telah di perkenalkan dan telah berkuatkuasa bermula dari 1 Julai 2000 setelah Akta Suruhajaya Sekuriti (Pindaan) 2000 dikuatkuasakan.

Pendaftar Syarikat akan terus mengawalselia semua tawaran awam sekuriti dan debentur oleh kelab-kelab rekreasi tidak tersenarai dibawah Penggal 4 Bahagian IV Akta Syarikat 1965 yang ditadbir oleh Pendaftar Syarikat.

Suruhanjaya sekuriti adalah badan kawalselia tunggal bagi semua penerbitan bon korporat kecuali bagi bon-bon yang diterbitkan oleh kelab-kelab rekreasi tidak tersenarai. Pihak Suruhanjaya adalah bertanggungjawab ke atas pengawalseliaan pemegang-pemegang amanah, surat ikatan amanah, tanggungjawab peminjam-peminjam dan peminjam-peminjam berhubung dengan terbitan debentur, yang dianggap sebagai sebahagian yang penting kepada pengawalseliaan pasaran bon korporat.

SCA menetapkan bila prospektus dikehendaki untuk didaftarkan dan perkara yang mesti terkandung di dalamnya.

Penggal 3 Bahagian IV SCA menyenaraikan peruntukan-peruntukan yang mengawalselia keperluan bagi prospektus-prospektus berhubung dengan mana-mana terbitan, tawaran untuk langganan atau pembelian atau pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti. Jenis pengumpulan dana lain termasuk seperti debentur, debentur gadai-janji (mortgage debenture) dan nota tidak bercagar. Pengumpulan dana-dana ini juga ditadbir oleh keperluan prospektus yang terkandung di dalam SCA dan keperluan spesifik yang lain berhubung dengan debentur yang terkandung dalam penggal 4 Bahagian IV SCA, seperti keperluan bagi

pemegang amanah dan surat ikatan amanah, tanggungjawab peminjam dan tanggungjawab penjamin.

### **Tawaran Awam Permulaan Bagi Tujuan Penyenaraian dan Sebut Harga Sekuriti di Bursa Saham**

Polisi am dan asas-asas yang diterima oleh SC terhadap syarikat-syarikat awam yang ingin membuat tawaran awam permulaan untuk tujuan penyenaraian dan sebut harga sekuriti di Bursa Saham Kuala Lumpur adalah seperti yang terkandung dalam "Polisi dan Garispanduan Bagi Terbitan/Tawaran Sekuriti" (Garispanduan Terbitan), yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996 dan menggantikan "Garispanduan Bagi Terbitan Baru Sekuriti dan Penilaian Syarikat-Syarikat Awam" yang telah diterbitkan dahulunya oleh Jawatankuasa Terbitan Modal.

Pindaan yang dibuat kepada Garispanduan Terbitan pada April 1999 melibatkan penyemakan semula kepada kehendak-kehendak penyenaraian pada Papan Kedua dan Papan Utama BSKL dan kehendak-kehendak bagi pengambilalihan akas/penyenaraian melalui syarikat lain (back door listing). Penyemakan semula kepada kehendak-kehendak tersebut adalah untuk memperkukuhkan piawaian penyenaraian bagi memberikan lebih keselesaan kepada pelabur awam dalam peluang pelaburan mereka serta menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan pasaran modal Malaysia yang teratur.

Beberapa pindaan lain juga telah dibuat terhadap Garispanduan Terbitan pada Disember 1999 bagi membantu usaha-usaha progresif ke arah pengawalseliaan berteraskan penzahiran (disclosure-based regulation – DBR). Penyemakan semula itu menandakan permulaan Fasa 2 DBR yang secara amnya tertumpu kepada liberalisasi ke atas kehendak-kehendak penentuan harga sekuriti; penilaian aset-aset; dan penggunaan hasil kutipan. Di bawah Fasa 2 program DBR, Suruhanjaaya Sekutiri akan mengurangkan penilaiannya dalam perkara-perkara ini asalkan kesemua kehendak/garispanduan dipatuhi.

Di dalam meneliti kesesuaian syarikat-syarikat untuk disenaraikan, SC akan mengambil kira beberapa faktor termasuk pematuhan terhadap syarat-syarat kuantitatif dan kualitatif dan juga lain-lain syarat seperti yang terkandung di dalam Garispanduan Terbitan tersebut. Beberapa syarat utama yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

## 1. Modal Berbayar dan Diterbitkan

### (a) Penyenaiaan di Papan Utama

Sesebuah syarikat yang ingin menyenaraikan dan menyebut harga sekuritinya di Papan Utama Bursa Saham hendaklah mempunyai modal minimum yang diterbitkan dan berbayar sebanyak RM60 juta yang terdiri daripada saham biasa yang bernilai tara tidak kurang dari 10 sen sesaham.

### (b) Penyenaiaan di Papan Kedua

Sesebuah syarikat yang ingin menyenaraikan dan menyebut harga sekuritinya di Papan Kedua bursa saham hendaklah mempunyai modal minimum yang diterbitkan dan berbayar sebanyak RM40 juta yang terdiri daripada saham biasa yang bernilai tara tidak kurang dari 10 sen sesaham.

## 2. Prestasi Keuntungan Yang Lepas

### (a) Penyenaiaan di Papan Utama

Syarikat hendaklah mempunyai rekod keuntungan yang bersamaan dengan keuntungan selepas cukai yang tidak kurang daripada RM30 juta untuk tiga hingga lima tahun kewangan dan sekurang-kurang RM8 juta keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan terkini.

### (b) Penyenaiaan di Papan Kedua

Syarikat hendaklah mempunyai rekod keuntungan yang bersamaan dengan keuntungan selepas cukai yang tidak kurang daripada RM12 juta untuk tiga

hingga lima tahun kewangan dan sekurang-kurang RM4 juta keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan terkini.

## 3. Harga

Dalam menentukan harga sekuriti yang akan diterbitkan atau ditawarkan untuk jualan, kedudukan syarikat dan sektor ekonomi hendaklah diambil kira. Harga bagi sekuriti-sekuriti tersebut tidak lagi tertakluk kepada julat perolehan harga (PE) yang digunakan oleh SC sebelum ini dan tidak lagi akan diluluskan atau ditolak oleh SC.

### Kelongsaran Ke atas Kriteria Penyenaiaan bagi Syarikat-Syarikat Bumiputera

Kelongsaran dari mematuhi kehendak-kehendak penyenaiaan dalam permohonan berasaskan penggunaan akaun proforma telah diberikan oleh SC kepada syarikat-syarikat yang dikawal oleh pemegang-pemegang saham Bumiputera yang telah bergabung untuk tujuan penyenaiaan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Perenggan 10.10(1)(e) di dalam Garispanduan Terbitan berkenaan dengan penggunaan akaun proforma bagi tujuan penyenaiaan menyatakan seperti berikut:

“Di mana sesebuah kumpulan syarikat memohon untuk disenaraikan di bursa saham, sekurang-kurangnya satu (1) syarikat (yang merupakan syarikat layak) di dalam kumpulan tersebut hendaklah mematuhi semua syarat-syarat rekod pencapaian untung yang berkaitan. Sekiranya tiada satu syarikat yang layak, penyenaiaan berasaskan kepada kekuatan akaun proforma kumpulan mungkin akan dipertimbangkan sekiranya semua syarikat-syarikat di dalam kumpulan tersebut;

- (a) terlibat di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang sama atau yang saling membantu;
- (b) mempunyai pengarah-pengarah yang sama; dan

- (c) mempunyai pemegang-pemegang saham yang mempunyai pegangan saham kawalan secara kolektif,

untuk jangka masa rekod pencapaian untung yang berkaitan.

Bagi tujuan untuk menentukan pegangan saham kawalan, hanya pemilikan yang sah ataupun berdaftar sahaja akan diterima, dan kawalan adalah dikira apabila lebih daripada 50% hak pengundian telah dimiliki.

Dengan kelonggaran yang diberi, sesebuah gabungan syarikat-syarikat kawalan Bumiputera yang memohon untuk penyenaraian berdasarkan kepada penggunaan akaun proforma kumpulan hanya perlu mematuhi syarat pertama, iaitu berkenaan dengan penglibatan didalam aktiviti-aktiviti yang sama atau yang saling membantu, dan dikecualikan daripada kedua-dua syarat yang lain yang berkenaan dengan pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham yang sama.

Walau bagaimanapun, bagi melayakkan diri untuk kelonggaran tersebut syarikat-syarikat Bumiputera yang dikumpulkan bagi tujuan penyenaraian hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Penyusunan gabungan syarikat-syarikat yang dikumpulkan perlu mempunyai unsur-unsur ketulenan;
- (b) Syarikat yang merupakan penyumbang tunggal terbesar, di atas dasar purata bagi 3 tahun kewangan penuh yang lepas, kepada keuntungan kumpulan proforma tersebut hendaklah diperbadankan dan beroperasi selama tidak kurang daripada 5 tahun kewangan penuh sebelum membuat permohonan kepada SC;
- (c) setiap syarikat yang dikumpulkan hendaklah merupakan syarikat kawalan Bumiputera di bawah kuasa pemegang-pemegang saham Bumiputera yang mempunyai pegangan saham kawalan yang sama selama tidak kurang daripada 3 tahun kewangan penuh sebelum membuat permohonan kepada SC (ataupun untuk sepanjang masa syarikat

diperbadankan sekiranya syarikat telah diperbadankan kurang daripada 3 tahun kewangan); dan

- (d) syarikat yang digunakan sebagai alat bagi tujuan penyenaraian hendaklah setelah ia disenaraikan, merupakan sebuah syarikat yang dikawal Bumiputera.

Tujuan kelonggaran tersebut adalah untuk memberi kemudahan kepada syarikat Bumiputera untuk menembusi pasaran modal.

### Peraturan Mengenai Pengambilalihan dan Percantuman

Pihak-pihak yang terlibat dalam cadangan pengambilalihan dan percantuman hendaklah mematuhi peruntukan berhubung dengan pengambilalihan dan percantuman yang terkandung dalam seksyen 33 hingga 33E Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 (Akta SC) serta Kod Malaysia Mengenai Pengambilalihan dan Percantuman 1998 (Kod). Dalam mentadbir Kod tersebut, SC akan mengambilkira keperluan yang akan memastikan bahawa pemerolehan syer mengundi atau kawalan ke atas syarikat berlaku dalam pasaran yang cekap, persaingan dan termaklum.

Menurut seksyen 33B(2) Akta SC, seorang pengambil yang telah mendapat kawalan dalam sesuatu syarikat hendaklah membuat tawaran pengambilalihan, selain daripada berkenaan syer mengundi syarikat itu yang pada tarikh tawaran dibuat sudah dipegang oleh pengambil itu atau berhak dijalankan oleh pengambil itu. Kawalan, berhubung dengan pemerolehan syer, telah ditakrifkan menurut seksyen 33 Akta SCA, sebagai pemerolehan atau pemegangan, atau hak untuk menggunakan atau mengawal penggunaan, syer mengundi yang melebihi 33% dalam sesuatu syarikat.

Menurut syeksyen 33B(3) Akta SC, seorang pengambil yang telah memperolehi lebih daripada 33% syer pengundi dalam sesebuah syarikat tetapi kurang daripada 50% daripada syer pengundi dalam syarikat tersebut, ia tidak dibenarkan untuk memperolehi apa-apa syer mengundi tambahan dalam syarikat itu, kecuali

pemerolehan tambahan yang mengikut peruntukan-peruntukan Kod dan mana-mana arahan yang di buat di bawah seksyen 33A(4). Dalam perkara ini, seksyen 6(1)(b) Kod memperuntukkan bahawa seseorang pengambil yang memegang lebih daripada 33% tetapi kurang daripada 50% syer mengundi dan pengambil itu memperoleh lebih dari daripada 2% syer mengundi syarikat itu dalam mana-mana tempoh 6 bulan, pengambil itu akan tertakluk kepada peruntukan Kod berhubung tawaran mendatori.

Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi keperluan tawaran mandatori adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya dibawah seksyen 33B(4) Akta SC.

Sekiranya terdapat apa-apa dokumen atau maklumat yang dikehendaki oleh SC yang berhubungan dengan sesuatu pengambilalihan atau percantuman dan didapati dokumen atau maklumat tersebut adalah palsu atau mengelirukan, mana-mana orang yang bertanggungjawab apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya di bawah seksyen 33E(3) Akta SC.

Beberapa halangan adalah dikenakan ke atas pengambil serta mana-mana orang yang telah menjual syer mungundinya kepada seorang pengambil. Di bawah seksyen 7 Kod, seseorang pengambil yang tertakluk kepada keperluan tawaran mandatori tidak boleh melantik mana-mana pengarah kepada lembaga pengarah penerima tawaran atau menggunakan hak mengundi yang disertakan dengan syer mengundi yang telah diambil sebelum pengambil itu menghantar dokumen tawaran kepada pemegang syer penerima tawaran. Sekyen 10 Kod pula, memperuntukkan bahawa seseorang yang berhasrat untuk menjual syer mengundinya kepada seseorang pengambil tidak boleh meletakkan jawatan sebagai pengarah atau menyebabkan seorang pengarah yang lazimnya bertindak mengikut perintah atau arahnya meletakkan jawatan daripada lembaga pengarah syarikat penerima tawaran sehingga tarikh tutup

pertama tawaran pengambilalihan itu atau tarikh tawaran pengambilalihan itu menjadi atau diistiharkan tanpa syarat terhadap penerimaan, berdasarkan yang terkemudian.

## XI. BURSA DERIVATIF MALAYSIA (“MDEX”)

Industri niaga hadapan di Malaysia bermula dengan penubuhan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE), sebuah bursa niaga hadapan komoditi, yang merupakan bursa niaga hadapan yang pertama di Asia Tenggara pada bulan Julai 1980.

Pada 15 Disember 1995, Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) telah ditubuhkan. Penubuhan KLOFFE adalah suatu episod yang bermakna dalam pembangunan pasaran modal Malaysia terutamanya dengan pelancaran kontrak indeks niaga hadapan. Dengan pelancaran kontrak tersebut, Malaysia menjadi negara di Asia yang ketiga selepas Hong Kong dan Jepun yang menawarkan produk derivatif ekuiti yang berasaskan indeks tempatan. Sebagai bursa niaga hadapan dan opsyen, KLOFFE menawarkan mekanisme penemuan harga dan keupayaan pemindahan risiko yang cekap yang sangat berguna kepada pelabur korporat dan individu.

Pada peringkat awal, KLOFFE telah menjadi ahli International Options Market Association (IOMA), International Finance and Commodities Institute (IFCI) dan penandatanganan kepada perjanjian Windsor. Ini mencerminkan komitmen KLOFFE untuk menjadi sebahagian dari industri derivatif antarabangsa. Pada peringkat antarabangsa, KLOFFE telah diberi anugerah “Derivatives Exchange of The Year 1996” oleh majalah World Equity, satu majalah pelabur antarabangsa yang terkenal sebagai menghargai kemajuan KLOFFE pada tahun pertama operasinya.

Pada bulan Mei 1996, Bursa Kewangan Malaysia (MME) telah ditubuhkan yang menawarkan derivatif berasaskan instrument berpendapatan tetap, iaitu kontrak hadapan 3-bulan KLIBOR. Pada bulan Disember 1998, KLCE telah bergabung dengan MME dan menukar nama

kepada Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia (COMDEX) bagi mencerminkan kepelbagaian produknya. Pada bulan Januari 1999, perjanjian Jual Beli telah ditandatangani di antara Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan pemegang saham KLOFFE Capital Sdn Bhd. Ini secara langsung meletakkan KLOFFE sebagai syarikat subsidiari Kumpulan BSKL.

Berikutan dari itu, KLOFFE dan COMDEX Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman untuk menggabungkan kedua-dua bursa tersebut pada bulan Disember 2000. Butir-butir terperinci penggabungan tersebut telah diselesaikan pada bulan Mei 2001 dan bursa yang bergabung tersebut telah dilancarkan sebagai Bursa Derivatif Malaysia Berhad (MDEX) pada 11 June 2001. Penggabungan ini adalah selaras dengan Pelan Induk Pasaran Modal Suruhanjaya Sekuriti yang mengesyorkan penubuhan sebuah bursa yang unggul yang dapat menawarkan pelbagai produk untuk pelabur.

Misi MDEX adalah untuk menjadi mungkin di dalam membangunkan industri derivatif di Malaysia. MDEX akan meneruskan usaha untuk menawarkan instrumen pengurusan risiko yang efektif untuk komuniti pelabur-pelabur komoditi dan kewangan. Sebagai bursa opsyen dan niaga hadapan, MDEX mempunyai reputasi sebagai satu pasaran yang berupaya dan berkebolehan untuk menawarkan khidmat kepada komuniti perdagangan antarabangsa.

### Rangka kawalselia

Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 (FIA) adalah merupakan asas kepada rangka kawalselia industri niaga hadapan. Di bawah FIA, kelulusan Menteri Kewangan adalah perlu sebelum sesebuah bursa niaga hadapan boleh ditubuhkan dan mula beroperasi. Untuk memastikan supaya kepentingan awam terjamin dengan penubuhan bursa niaga hadapan tersebut, Menteri juga diberi kuasa di bawah FIA untuk melantik Pengerusi Eksekutif dan dua orang anggota di dalam Lembaga bursa niaga hadapan tersebut.

FIA juga memperuntukkan supaya penyeliaan dan pengawasan pasaran niaga hadapan di jalankan oleh Suruhanjaya Sekuriti, termasuk

melesenkan perantara-perantara pasaran seperti berikut—

- (a) Broker niaga hadapan dan wakilnya
- (b) Pengurus kumpulan wang niaga hadapan dan wakilnya
- (c) Penasihat dagangan niaga hadapan dan wakilnya

### Keahlian MDEX

Keahlian bursa yang telah bergabung tersebut adalah terbahagi kepada kategori-kategori seperti berikut –

#### (a) Ahli Dagangan

Keahlian untuk Ahli Dagangan adalah dibuka kepada semua syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Syarikat-syarikat ini ditubuhkan khas untuk mengendalikan perniagaan hadapan dan hendaklah dilesenkan sebagai broker niaga hadapan di bawah FIA. Keahlian tersebut, bergantung kepada kelas keahlian, akan membolehkan syarikat berdagang dalam produk-produk yang berkaitan dengan ekuiti, tidak berkaitan dengan ekuiti dan produk-produk komoditi. Syarikat tersebut adalah dibenarkan untuk berdagang untuk akaun persendirian atau bagi pihak pelanggan. Permohonan untuk Ahli Dagangan adalah melalui langganan saham keutamaan kelas “A”, “B” atau “C” yang dikeluarkan oleh bursa dan membawa bersamanya hak dan tanggungjawab Ahli Dagangan.

#### (b) Ahli Lokal

Keahlian Ahli Lokal hanya terbuka kepada individu-individu yang ingin mengurusniaga untuk akaun persendirian sahaja. Mereka tidak boleh mengurusniaga bagi pihak pelanggan. Ahli Lokal tidak perlu dilesenkan di bawah FIA kerana tidak dianggap sebagai perantara pasaran di dalam industri ini. Walaubagaimanapun, mereka dikehendaki menjalani proses pendaftaran dengan MDEX. Ahli Lokal hanya boleh

menggunakan kemudahan urusniaga MDEX dengan tujuan untuk mengurusniaga bagi pihak mereka sendiri dan perlu membuat penyelesaian urusniaganya melalui mana-mana Ahli Pusat Penjelasan.

**(c) Pemegang Permit Dagangan**

Permit Dagangan adalah dikeluarkan kepada individu atau syarikat yang membolehkan mereka berdagang di bursa untuk tempoh yang tertentu. Permit-permit ini boleh diperbaharui apabila sampai tempoh tamat bergantung kepada kelulusan dari bursa. Pemegang Permit Dagangan tidak boleh memindah hakmilik permit tersebut kepada individu atau syarikat lain.

**(d) Ahli Bersekutu**

Ahli Bersekutu adalah syarikat yang diberikan pilihan untuk menjadi Ahli Pusat Penjelasan. Syarikat-syarikat ini tidak mempunyai saham keutamaan. Ahli Bersekutu perlu mencalonkan Ahli Dagangan untuk melaksanakan dagangan bagi pihak mereka.

**(e) Wakil Ahli Dagangan**

Ahli Dagangan memerlukan individu untuk mengurusniaga bagi pihaknya. Individu-individu ini perlu dilesenkan sebagai wakil broker niaga hadapan di bawah FIA. Pada amnya, mereka menjalankan fungsi-fungsi berikut bagi pihak Ahli Dagangan:

- Pelaksanaan dagangan;
- Pengutipan margin dari pelanggan-pelanggan;
- Menyediakan rekod perakaunan; dan
- Menasihati pelanggan-pelanggan berkenaan dengan program dagangan mereka.

## Produk-produk

Pada masa ini, terdapat 4 produk yang didagangkan di bursa tersebut iaitu—

- (a) Kontrak hadapan minyak sawit mentah (CPO)
- (b) Kontrak Niaga Hadapan Indeks Komposit BSKL
- (c) Kontrak Opsyen Indeks Komposit BSKL
- (d) Kontrak hadapan 3-bulan KLIBOR

Kontrak hadapan minyak sawit mentah telah dilancarkan pada bulan Oktober 1980 dan adalah merupakan kontrak komoditi niaga hadapan yang paling berjaya hingga kini. Dari segi instrumen kewangan, kontrak pertama yang telah dilancarkan adalah kontrak Niaga Hadapan Indeks Komposit BSKL yang telah dilancarkan pada bulan Disember 1995. Seterusnya, kontrak hadapan 3-bulan KLIBOR telah dilancarkan pada bulan Mei 1996, diikuti dengan pelancaran kontrak Opsyen Indeks Komposit BSKL pada bulan Disember 2000.

## Mekanisme Dagangan

Kontrak Opsyen dan Niaga Hadapan Indeks Komposit BSKL pada masa ini menggunakan sistem dagangan elektronik yang dikenali sebagai KLOFFE Automated Trading System (“KATS”). KATS adalah satu sistem yang berasaskan sistem dagangan Eurex Deutschland dan telah diubahsuai untuk memenuhi kehendak pasaran di Malaysia.

Kontrak hadapan minyak sawit mentah dan kontrak hadapan 3-bulan KLIBOR masih menggunakan sistem “open-outcry”. Walaubagaimanapun, ini akan berubah apabila semua kontrak niaga hadapan akan didagangkan melalui sistem dagangan elektronik KATS. Sistem “open-outcry” ini memerlukan pedagang-pedagang lantai untuk melaungkan harga bida dan tawaran dengan terang dan lantang di dalam kawasan lantai dagangan yang tertentu. Proses bida dan tawaran harga yang berterusan membolehkan padanan harga. Proses ini kenali sebagai “price discovery mechanism” di dalam pasaran niaga hadapan.

Untuk memudahkan lagi perhubungan di antara pedagang-pedagang di lantai niaga, isyarat tangan digunakan seiringan dengan laungan bida dan tawaran harga. Ini penting terutamanya di waktu-waktu yang sibuk kerana aras kebisingan yang agak tinggi di lantai dagangan.

Semua bida, harga tawaran dan harga dagangan akan di rekodkan oleh system laporan harga MDEX yang dikenali sebagai e-XPRESS dan segala maklumat akan disebarikan dengan segera ke pelusuk dunia melalui Reuters, Bloomberg, Bridge News dsb. Terdapat rancangan untuk meningkatkan ketelusan pasaran dengan memberi maklumat terkini melalui lebuhraya maklumat di dalam Internet.

### Malaysian Derivatives Clearing House

Malaysian Derivatives Clearing House Bhd (MDCH) adalah merupakan pusat penjelasan bagi kontrak derivatif dagangan bursa di Malaysia. Fungsi utamanya ialah untuk memastikan bahawa obligasi kewangan di bawah kontrak niaga hadapan yang dimasuki dalam bursa tersebut akan dilaksanakan tepat pada masanya. Ia memainkan peranan ini dengan bertindak sebagai pihak berlawanan bagi kesemua kontrak yang diniagakan, mengambil risiko kredit Ahli Pusat Penjelasannya dan menguruskan risiko terpusat tersebut.

MDCH telah ditubuhkan pada bulan Disember 1995 untuk menjelaskan kontrak indeks niaga hadapan BSKL, dan seterusnya kontrak hadapan 3-bulan KLIBOR dalam bulan May 1996. Di dalam bulan November 1997, MDCH telah bergabung dengan pusat penjelasan untuk kontrak komoditi niaga hadapan iaitu Malaysian Futures Clearing Corporation Bhd (MFCC). Pada masa ini, MDCH bertindak sebagai pusat penjelasan untuk kontrak-kontrak berikut:

- (a) Indeks opsyen dan Niaga Hadapan
- (b) Niaga Hadapan 3-bulan; dan
- (c) Kontrak Hadapan minyak sawit mentah

Untuk melindungi integriti kewangan pasaran, MDCH telah melaksanakan suatu sistem perlindungan kewangan dan operasi yang boleh

dibandingkan dengan amalan terbaik antarabangsa. Sistem ini direkacipta untuk memberi tahap perlindungan yang tinggi kepada pasaran dengan keupayaan mengesan amalan-amalan yang tidak sihat yang dilakukan oleh ahli-ahlinya pada peringkat yang lebih awal. Perlindungan dari kegagalan pasaran adalah amat penting dan adalah merupakan matlamat utama sistem penjelasan tersebut.

Pelaksanaan kewangan semua kontrak yang didagangkan di MDEX adalah dijamin, pada peringkat awal oleh Ahli-ahli Pusat Penjelasan dan oleh MDCH setelah kontrak itu dipadankan dan diterima untuk penjelasan. Kesemua peserta dagangan di MDEX mesti menjelaskan kontrak mereka melalui Ahli Pusat Penjelasan MDCH untuk memastikan bahawa kontrak yang niagakan disokong oleh pihak kewangan yang kukuh.

Setelah sesuatu kontrak itu diterima untuk penjelasan, MDCH akan menggantikan dirinya sebagai sipembeli kepada sipenjual dan sebaliknya. MDCH kemudian akan mempertanggungjawabkan setiap ahlinya ke atas semua kontrak yang didaftarkan oleh mereka, tidak kira sama ada kedudukan tersebut dibawa untuk akaun ahli lain, untuk akaun pelanggan bukan ahli, atau pun untuk akaun Ahli Pusat Penjelasan sendiri. Secara ringkas, MDCH hanya akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada Ahli Pusat Penjelasan untuk membawa dan menjamin akaun-akaun tersebut bagi memastikan semua obligasi pembayaran dan pelaksanaan di bawah kontrak niaga hadapan tersebut.

## XII. BURSA KOMODITI DAN KEWANGAN MALAYSIA (COMMEX MALAYSIA)

Bursa Komoditi Dan Kewangan Malaysia (COMMEX) ialah sebuah organisasi yang dimiliki oleh ahli-ahli telah ditubuhkan pada 14 Julai 1980 dan telah dikenali dengan nama Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE). Pada tahun 1992 sebuah anak syarikat iaitu Bursa Kewangan Malaysia (MME) yang dimiliki sepenuhnya oleh BKKL telah ditubuhkan bertujuan menawarkan dagangan di dalam pasaran hadapan kewangan. Pada 7 Disember 1998 operasi MME telah

digabungkan dengan operasi COMMEM. COMMEM Malaysia beroperasi di bawah kuasa dan pengawasan Suruhanjaya Sekuriti dan ditadbir di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan dengan demikian menawarkan kepada pelabur-pelabur keselamatan berdagang di Bursa yang teratur dengan prosedur-prosedur yang bertaraf antarabangsa.

COMMEM Malaysia menyediakan dan mengatur kemudahan-kemudahan dan tempat untuk berdagang kontrak-kontrak komoditi dan kewangan bersesuaian dengan peraturan-peraturan perniagaan Bursa. Semua kontrak pasaran hadapan yang dilaksanakan di bursa ini adalah dijamin oleh Pusat Penjelasan.

### Pengurusan COMMEM Malaysia

Kuasa-kuasa pengurusan Bursa ini telah diberikan kepada Lembaga Pengurusan Bursa seperti yang termaktub di bawah Seksyen 5 Akta Perindustrian Niaga Harapan 1993 yang terdiri daripada mereka yang berikut:

- (i) Pengerusi Eksekutif dan dua orang pengarah yang dilantik oleh Menteri Kewangan; dan
- (ii) Enam orang pengarah yang dilantik oleh ahli-ahli.

### Keahlian

Stuktur keahlian COMMEM Malaysia terbahagi kepada dua pasaran hadapan iaitu komoditi dan kewangan. Ahli-ahli COMMEM Malaysia terbahagi kepada dua kumpulan iaitu Ahli Perbadanan Bursa dan Ahli Bursa.

Ahli Perbadanan Bursa (Broker/Bukan Broker) dikategorikan sebagai Ahli Am, Ahli Komoditi dan Ahli Kewangan. Manakala Ahli Bursa pula terdiri daripada individu atau penyewa Individu, Pemegang Permit Niaga Individu dan Ahli Perbadanan Bersekutu.

Ahli Broker COMMEM Malaysia merupakan ahli perbadanan yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah peruntukan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993. Mengikut

Akta tersebut, seseorang pengarah atau pekerja sesuatu perbadanan hendaklah disifatkan ditauliahkan kepada perbadanan itu jika ia, atas sifatnya sebagai pengarah atau pekerja sedemikian, diberikuasa sewajarnya oleh perbadanan itu mesti dilesen oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai wakil Broker Niaga Hadapan.

### Kerusi Keahlian

Kerusi Keahlian COMMEM Malaysia terbahagi kepada tiga kategori iaitu Kerusi Keahlian Komoditi, Kerusi Keahlian Kewangan dan Kerusi Keahlian Individu. Hak untuk berdagang Ahli Bursa adalah terlekap bersama Kerusi Keahlian (minima 1 kerusi ) samada ianya dimiliki sepenuhnya atau disewa oleh Ahli dari Ahli yang lain. Ahli perbadanan pula perlu memiliki sekurang-kurangnya dua Kerusi Keahlian sebelum diberikan hak untuk berdagang.

Kerusi Keahlian boleh dibeli terus dari Bursa atau dari Ahli yang ingin menjualnya di pasaran terbuka tertaluk kepada kelulusan dan Peraturan Perniagaan Bursa.

### Perlindungan Pasaran

COMMEM Malaysia mempunyai beberapa kawalan perlindungan pasaran bertaraf tinggi bagi melindungi ketulusan pasaran seperti berikut

#### (i) Pusat Penjelasan

Untuk memastikan sistem pasaran mempunyai kedudukan kewangan yang sihat, COMMEM dengan kerjasama pusat penjelasannya iaitu Malaysian Derivatives Clearing House (MDCH) telah melaksanakan suatu sistem perlindungan kewangan dan operasi bertaraf antarabangsa. Sistem ini direkacipta untuk memberi tahap perlindungan yang tinggi kepada pasaran dengan keupayaan mengesan amalan-amalan yang tidak sihat yang dilakukan oleh ahli-ahlinya pada peringkat yang lebih awal. Tujuan utama sistem ini ialah untuk melindungi pasaran daripada mengalami kegagalan akibat daripada masalah kewangan yang mungkin dihadapi oleh ahli-ahlinya.



Semua kontrak yang dilaksanakan oleh Bursa ini adalah pada peringkat awal dijamin oleh ahli-ahli Pusat Penjelasan dan ianya akan dijamin oleh Pusat Penjelasan setelah kontrak itu dipadankan dan diterima untuk penjelasan. Semua peserta dagangan mesti menjelaskan kontrak mereka melalui ahli Pusat Penjelasan. Ini adalah untuk memastikan kontrak yang mereka niagakan disokong oleh pihak kewangan yang kukuh.

Setelah sesuatu kontrak itu didaftarkan, MDCH akan menggantikan tempat sipembeli dan sipenjual dan akan mempertanggungjawabkan setiap ahlinya ke atas semua kontrak yang didaftarkan oleh mereka. Secara ringkas MDCH hanya mengiktiraf ahlinya yang mendaftar dan menjamin sesuatu kontrak itu bagi segala pembayaran ke atas kontrak tersebut.

## (ii) **Bahagian Audit, Pematuhan Dan Pengawasan (APP)**

Bahagian APP adalah bertanggungjawab sepenuhnya menjaga dan memastikan ketuluan pasaran hadapan COMMEX Malaysia. Bahagian ini dengan bantuan kakitangannya yang berdedikasi dan cekap menjalankan berbagai tugas mengawasi pasaran dan juga aktiviti dagangan di lantai niaga setiap masa. Bahagian ini juga menjalankan audit ke atas operasi perniagaan ahli-ahlinya dengan berkunjung ke pejabat masing-masing.

Tugas utama Bahagian APP boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

### (a) **Audit Dan Pematuhan**

APP bertanggungjawab mengesan segala salahlaku dan pelanggaran oleh ahli-ahli Bursa terhadap Peraturan-peraturan Perniagaan Bursa serta peruntukan-peruntukan undang di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

Di dalam melaksanakan tugas ini, APP menjalankan pemeriksaan audit tahunan dan audit khas ke atas ahli-ahli COMMEX dan juga membuat penilaian ke atas keberkesanan rekod, sistem dan kawalan dalaman mereka.

### (b) **Pengawasan Kewangan**

APP juga bertanggungjawab mengesan kegagalan ahli-ahlinya memenuhi keperluan kewangan minima yang telah ditetapkan oleh Bursa. Untuk tujuan itu APP membuat penilaian yang kerap ke atas kedudukan kewangan ahli-ahlinya dan juga ke atas dana klien yang diasingkan. Paras amaran awal terhadap kedudukan kewangan ahli juga telah dibentuk bagi memudahkan bahagian ini mengenalpastikan ahli-ahli yang perlu diawasi secara intensif.

### (c) **Pengawasan Pasaran**

Bahagian ini juga bertanggungjawab mengesan keadaan-keadaan yang mungkin boleh menggugat kesempurnaan dan kelancaran perjalanan dagangan di pasaran COMMEX dan mengelakkannya daripada tergendala. APP membuat pengawasan harian terhadap harga-harga yang didagangkan di pasaran hadapan, harga-harga fizikal komoditi di pasaran tunai dan juga harga-harga fizikal komoditi gantian bagi kontrak hadapan dan juga meneliti kedudukan terbuka milik peserta-peserta pasaran.

### (d) **Pengawasan Lantai**

Mengesan amalan-amalan perdagangan yang bertentangan dengan Peraturan-peraturan Perniagaan atau Prosedur-prosedur Lantai adalah juga menjadi sebahagian daripada tanggung-

jawab APP. Tugas ini termasuk memastikan semua pedagang-pedagang lantai memelihara taraf profesionalisme yang tinggi setiap masa, menjalankan audit ke atas ahli-ahli yang melanggar keperluan peraturan Lantai, menyiasat aduan-aduan dari ahli-ahli MDCH dan dari sumber-sumber lain dan menjalankan audit khas apabila diminta oleh Jawatankuasa Pematuhan.

Satu sistem penyeliaan melalui televisyen tertutup (CCTV) telah dipasang untuk membantu di dalam tugas penyeliaan dagangan lantai. Sistem ini dilengkapi dengan kamera dan mikrofon yang dipasang di tempat yang strategik di dalam dewan perniagaan juga peti televisyen, alat perakam video dan alat peninjau yang mampu meninjau suasana lantai dagangan secara lebih dekat yang dipasang di bilik pengawasan.

Selain daripada mengesan salah laku dan pelanggaran terhadap keperluan peraturan dan undang-undang oleh ahli-ahlinya, APP juga mengambil langkah proaktif bagi membantu ahli mematuhi peraturan yang dikenakan melalui perbincangan, kerjasama dan nasihat. Ahli-ahli amat digalakkan berbincang dan mendapatkan pandangan APP terutamanya tentang isu-isu berkanun. APP juga memberi amaran awal kepada ahli-ahli yang berkemungkinan melanggar Peraturan Perniagaan. Disamping itu APP juga sentiasa mengambil inisiatif mengesyorkan kepada pihak Pengurusan supaya Peraturan-peraturan Perniagaan tertentu yang sedia ada dipinda bagi menuju ke arah sebuah pasaran yang efisien.

Selain daripada perkara-perkara yang telah disebutkan, APP juga bertindak sebagai Sekretariat

Jawatankuasa Perselisihan di mana sebarang perselisihan diantara klien dan ahli broker dapat diselesaikan. Rangkakerja untuk menguatkuasakan Peraturan-peraturan telah diasaskan dengan kukuh dan teruji di mana Jawatankuasa Pematuhan mempunyai kuasa-kuasa terhad seperti mengenakan denda ke atas ahli-ahli yang melakukan kesalahan-kesalahan kecil dan juga mengarahkan ahli-ahli Broker yang gagal memenuhi keperluan kewangan minima supaya hanya melaksanakan dagangan untuk tujuan pembubaran kontrak. Semua kesalahan-kesalahan yang dianggap serius yang dikesan oleh APP akan dirujuk kepada Jawatankuasa Perilaku Perniagaan untuk didengar dan tindakan disiplin.

### (iii) Pendaftaran Broker-Broker

Ahli Bursa yang mengendalikan akaun klien-klien pasaran hadapan mestilah berdaftar sebagai Broker Pasaran Hadapan dengan Suruhanjaya Sekuriti seperti yang diperuntukkan dibawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993. Suruhanjaya Sekuriti merupakan sebuah agensi kawalselia negara bebas yang bertanggungjawab mengawal dan menyelia dagangan hadapan komoditi dan kewangan di Malaysia.

Broker pasaran hadapan hendaklah memastikan semua kakitangan yang mengurus klien-klien mereka telah didaftarkan sebagai wakil Broker dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti.

### (iv) Kedudukan Kena Laporan Dan Had Kedudukan Spekulatif

Ahli-ahli dikehendaki melaporkan kepada Bursa apabila akaun miliknya atau mana-mana akaun milik kliennya mempunyai kedudukan yang bersamaan atau melebihi daripada paras kena laporan yang telah ditetapkan untuk tiap-tiap kontrak oleh Bursa.

Kedudukan kena lapor kontrak hadapan Minyak Sawit Mentah telah ditetapkan ada paras 100 atau lebih kontrak terbuka samada belian atau jualan di dalam mana-mana bulan penyerahan. Untuk kontrak 3-bulan KLIBOR pula kedudukan terbuka sebanyak 100 kontrak atau lebih di dalam mana-mana satu (1) bulan penyerahan yang dimiliki atau di bawah kawalan seseorang ahli atau klien, sendirian atau berhubungan dengan orang lain atau dengan sesebuah syarikat pada penutup sesi dagangan sebelah petang hari perniagaan adalah dikira sebagai kedudukan kena lapor.

Had kedudukan spekulatif juga telah ditetapkan untuk semua kontrak yang didagangkan. Untuk kontrak Minyak Sawit Mentah hadnya telah ditetapkan pada kadar 500 kontrak belian bersih atau jualan bersih di dalam satu-satu bulan penyerahan atau di dalam semua bulan penyerahan yang digabungkan. Had kontrak 3 bulan KLIBOR pula telah ditetapkan pada kadar 2000 kontrak bersih daripada jumlah kedudukan terbuka kasar kontrak belian atau jualan bagi semua bulan penyerahan.

Pengecualian dari ikatan had kedudukan ini boleh diberikan oleh Bursa kepada dagangan lindung nilai sebenar. Had-had ini dikuatkuasakan dengan tegas untuk mencegah dari berlakunya manipulasi ke atas harga pasaran atau pasaran dikawal oleh satu pihak demi menjaga ketulusan Bursa.

#### (v) Pengasingan Dana Kilen

Ahli-ahli dimestikan membuka satu akaun yang berasingan untuk keseluruhan klien-klien mereka. Dana klien tidak boleh dikeluarkan dari akaun ini melainkan bagi tujuan deposit dan margin, amaun kena bayar kepada ahli dan amaun dikeluarkan atas arahan klien. Ahli-ahli juga dilarang menggunakan dana kepunyaan seseorang klien untuk menampung bayaran margin atau menampung

bayaran dagangan atau kedudukan terbuka ahli atau klien-klien yang lain.

### Produk COMDEX Malaysia

Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia (COMDEX) adalah merupakan bursa pasaran hadapan pelbagai produk yang pertama di Malaysia yang buat masa ini menawarkan dua kontrak hadapan iaitu kontrak hadapan minyak sawit mentah (MSM) dan kontrak hadapan 3-bulan KLIBOR (KB).

Kontrak MSM telah dilancarkan pada tahun 1980 bagi memenuhi keperluan pengurusan risiko terhadap harga untuk industri minyak dan lemak. Pasaran ini telah mencapai tahap yang membanggakan di dalam beberapa tahun kebelakangan ini di mana harga yang diniagakan di lantai dagangan telah diiktiraf dan digunakan sebagai ukuran untuk menentukan harga minyak sawit dan harga produk-produk yang terbit darinya di seluruh dunia.

Kontrak KB pula telah diilancarkan pada tahun 1996 bagi memenuhi keperluan melindungi nilai dan dagangan institusi-institusi kewangan dan syarikat-syarikat besar yang mempunyai aset berteraskan Ringgit. Pengguna utama kontrak ini adalah bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat besar dan lain-lain pengguna yang terdedah kepada risiko pergerakan kadar faedah.

### XIII. PERATURAN MENGENAI PEROLEHAN ASET, PERCANTUMAN DAN PENGAMBILALIHAN

Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) 1974 telah dirangka bertujuan menyediakan peraturan-peraturan mengenai perolehan aset atau sebarang kepentingan, percantuman dan pengambilalihan syarikat dan perniagaan di Malaysia oleh kepentingan Malaysia dan asing. Garis Panduan ini boleh dianggap sebagai satu cara untuk menyusun semula corak, hak milik dan kawalan sektor korporat selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1970-90. Melalui

Garis Panduan ini, Kerajaan cuba mengurangkan keadaan yang tidak seimbang di dalam pembahagian kekayaan korporat dan menggalakkan bentuk pelaburan swasta yang boleh memberi sumbangan kepada pembangunan negara selaras dengan matlamat DEB. Memandangkan bahawa usaha-usaha penyusunan semula pemilikan ekuiti dalam sektor korporat akan terus dilaksanakan di bawah Dasar Pembangunan Nasional bagi tempoh selepas tahun 1990, Garis Panduan FIC 1974 akan terus digunakan bagi mengawal selia perolehan aset atau sebarang kepentingan, percantuman dan pengambilalihan syarikat-syarikat dan perniagaan bagi mencapai matlamat penyusunan semula tersebut.

### **Syarat-syarat dan Peraturan-peraturan mengenai Perolehan, Percantuman dan Pengambilalihan**

Garis panduan mengenai perolehan aset, percantuman dan pengambilalihan oleh kepentingan Malaysia dan kepentingan asing adalah berasaskan kepada peraturan berikut:

- (a) Dari segi corak hak milik yang ada sekarang, perolehan aset atau sebarang kepentingan, percantuman atau pengambilalihan yang dicadangkan mestilah menghasilkan penyertaan warga negara Malaysia yang seimbang dalam pemilikan dan pengawalan sama ada secara langsung atau tidak.
- (b) Perolehan aset atau sebarang kepentingan, percantuman atau pengambilalihan hendaklah menghasilkan secara langsung atau tidak langsung faedah ekonomi yang berkaitan dengan perkara-perkara seperti sejauh mana penyertaan warga negara Malaysia terutama sekali penyertaan Bumiputera, pemilikan dan pengurusan, pengagihan pendapatan, pertumbuhan ekonomi, guna tenaga, eksport, mutu, pelbagaian barang-barang keluaran dan perkhidmatan, pelbagaian ekonomi, pemprosesan dan peningkatan mutu bahan-bahan mentah tempatan, latihan, kecekapan serta penyelidikan dan pembangunan.

- (c) Perolehan aset atau sebarang kepentingan, percantuman atau pengambilalihan syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan yang dicadangkan hendaklah tidak merugikan dari segi dasar-dasar negara dalam perkara-perkara seperti pertahanan, perlindungan alam sekitar dan pembangunan serantau.
- (d) Mereka yang ingin membuat permintaan yang berkenaan hendaklah bertanggung-jawab untuk membuktikan yang cadangan perolehan aset atau sebarang kepentingan, percantuman atau pengambilalihan syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan tidak bertentangan dengan DEB.

Garis panduan di atas akan dikenakan seperti berikut:

- (a) sebarang cadangan oleh kepentingan asing bagi memperolehi sebarang aset tetap yang besar (substantial fixed assets) di Malaysia;
- (b) sebarang cadangan bagi memperolehi aset atau sebarang kepentingan, percantuman dan pengambilalihan syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan di Malaysia melalui apa cara sekalipun yang boleh menyebabkan pemilikan dan pengawalan berpindah kepada kepentingan-kepentingan asing;
- (c) sebarang cadangan untuk memperolehi kuasa mengundi sebanyak 15% atau lebih oleh sesuatu kepentingan atau kumpulan bersekutu asing atau oleh kepentingan-kepentingan asing yang memiliki sejumlah 30% atau lebih kuasa mengundi daripada sesebuah syarikat atau perniagaan di Malaysia;
- (d) kawalan syarikat-syarikat di Malaysia melalui sebarang jenis perjanjian usaha sama, perjanjian pengurusan, perjanjian bantuan teknik atau perjanjian lain;
- (e) sebarang percantuman atau pengambilalihan mana-mana syarikat atau perniagaan di Malaysia sama ada oleh kepentingan Malaysia atau kepentingan asing; dan

- (f) sebarang cadangan lain terhadap perolehan aset atau kepentingan bernilai lebih daripada RM5 juta sama ada oleh kepentingan Malaysia atau kepentingan asing.

Walau bagaimanapun, garis panduan di atas tidak akan dikenakan kepada projek-projek tertentu yang telah diluluskan oleh Kerajaan yang meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) perolehan-perolehan oleh Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan;
- (b) perolehan-perolehan oleh Menteri Kewangan Diperbadankan, Menteri Besar Diperbadankan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Diperbadankan; dan
- (c) projek-projek penswastan yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri.

#### Jawatankuasa Pelaburan Asing

Bagi tujuan melaksanakan garis panduan ini FIC telah ditubuhkan yang bertanggung jawab ke atas perkara-perkara utama mengenai pelaburan asing. Tugas-tugas FIC ialah:

- (a) menggubal dasar pelaburan asing dalam semua sektor ekonomi untuk memastikan pencapaian matlamat DEB;
- (b) mengawasi perkembangan dan membantu menyelesaikan masalah-masalah mengenai pelaburan swasta asing dan mencadangkan dasar-dasar pelaburan yang sesuai;
- (c) mengawasi dan menasihati Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan pelaburan asing;
- (d) menyelaras dan membuat peraturan ke atas perolehan aset atau sebarang kepentingan, percantuman dan pengambilalihan syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan di Malaysia; dan
- (e) mengawasi, membantu dan menilai bentuk liputan serta gerak laku pelaburan asing di dalam negara dan menyimpan maklumat yang menyeluruh mengenai pelaburan asing.

Ahli-ahli FIC adalah terdiri daripada:

- (a) Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (sebagai Pengerusi);
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan;
- (c) Gabenor Bank Negara Malaysia;
- (d) Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (e) Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti;
- (f) Pengerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia;
- (g) Ketua Pengarah Unit Penyelaras Pelaksanaan;
- (h) Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;
- (i) Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan; dan
- (j) Pendaftar Syarikat.

Maklumat lanjut mengenai garis panduan FIC dan cara-cara untuk mengemukakan cadangan-cadangan kepada FIC boleh didapati daripada:

Setiausaha  
Jawatankuasa Pelaburan Asing  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Blok B5 & B6 Komplek JPM  
62502 PUTRAJAYA.

#### XIV. POLISI KAWALAN PERTUKARAN ASING

Dengan pemulihan kestabilan di pasaran kewangan, langkah-langkah kawalan pertukaran asing terpilih Malaysia yang diperkenalkan sejak 1 September 1998 telah dilonggarkan secara beransur-ansur. Pindaan-pindaan utama yang telah diperkenalkan pada tahun 2000/2001 adalah seperti berikut—

- (a) 10 Julai 2001  
Kemudahan kredit dalam ringgit kepada bukan pemastautin untuk pembelian hartanah di Malaysia

Institusi-institusi kewangan tempatan adalah dibenarkan untuk memberi sehingga 3 kemudahan pembiayaan hartanah secara agregat kepada bukan pemastautin untuk membiayai pembelian atau pembinaan hartanah di Malaysia (kecuali pembelian tanah sahaja), tertakluk kepada garis panduan kredit dalaman institusi kewangan tersebut.

(b) 2 Mei 2001

Pemansuhan Sistem levi

Levi 10% yang dikenakan ke atas keuntungan dari pelaburan portfolio yang direpatriasi oleh bukan pemastautin kurang daripada 12 bulan dari bulan keuntungan tersebut direalisasikan, telah dimansuhkan. Dengan ini, tiada lagi sekatan dikenakan ke atas aliran masuk dan aliran keluar dana pelaburan portfolio dari Malaysia.

(c) 20 Disember 2000

Kemudahan kredit dalam ringgit kepada Bukan Pemastautin

Bank-bank perdagangan dan Bank Islam Malaysia Berhad di Malaysia adalah dibenarkan untuk memberi pembiayaan kemudahan overdraf seharian (intra-day) dalam ringgit tidak melebihi agregat RM200 juta dan had semalaman tidak melebihi agregat RM10 juta kepada syarikat broker saham bukan pemastautin dan bank kustodian global bukan pemastautin. Di samping itu, mereka juga boleh mengikat kontrak swap jangka masa pendek untuk melindungi nilai pembayaran bagi pembelian saham di Bursa Saham Kuala Lumpur tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

(d) 1 Disember 2000

Kemudahan kredit tempatan yang diberi kepada Syarikat yang dikuasai oleh Bukan Pemastautin

Institusi-institusi perbankan yang dikuasai oleh bukan pemastautin di Malaysia adalah

dibenarkan untuk memberi kemudahan kredit sehingga maksimum 50% dari jumlah kemudahan kredit sebuah Syarikat yang dikuasai oleh Bukan Pemastautin (NRCC).

Dasar kawalan pertukaran asing di Malaysia dikenakan dengan cara seragam kepada transaksi-transaksi dengan semua negara kecuali Israel, Serbia dan Montenegro. Secara amnya, dasar kawalan pertukaran asing adalah bertujuan untuk memantau pembayaran dan penerimaan dana serta menggalakkan penggunaan sumber kewangan negara bagi tujuan-tujuan yang produktif di Malaysia. Bagi tujuan pemantauan dan pengumpulan perangkaan imbangan pembayaran, pemastautin dikehendaki mengisi borang perangkaan, Borang P atau Borang R, masing-masing untuk setiap pembayaran atau penerimaan yang melebihi RM10,000 dalam ringgit atau mata wang asing kepada atau daripada bukan pemastautin.

Di bawah adalah beberapa peraturan kawalan pertukaran asing yang utama:

### I. Transaksi Akaun Semasa

(a) **Pembayaran untuk Import Barangan dan Perkhidmatan**

Pembayaran kepada bukan pemastautin untuk import barangan dan perkhidmatan adalah dibenarkan dan mestilah dibuat dalam mata wang asing.

(b) **Perolehan Eksport**

Semua perolehan eksport mesti dibawa balik ke Malaysia mengikut jadual pembayaran seperti yang tercatat dalam kontrak jualan, di mana ianya tidak boleh melebihi enam bulan dari tarikh eksport.

Perolehan eksport mestilah diterima dalam mata wang asing dan mesti dijual untuk ringgit atau disimpan dalam akaun mata wang asing yang dibenarkan dengan bank-bank perdagangan dalam negeri, sehingga had keseluruhan semalaman di antara AS\$1 juta dan AS\$10 juta.

Pengeksport pemastautin dikehendaki mengemukakan laporan suku tahunan kepada Bank Negara Malaysia yang menyenaraikan butir penghantaran di mana nilai eksport bagi setiap penghantaran melebihi RM100,000 f.ob., di mana pembayaran penuh atau tidak sepenuhnya akan diterima, dalam masa 21 hari selepas akhir suku tahun yang dilaporkan.

**(c) Import dan Eksport Mata Wang oleh Pengembara**

Pengembara pemastautin dan bukan pemastautin tidak perlu mengisytihar dalam Borang Perisytiharan Pengembara sekiranya amaun mata wang termasuk cek kembara yang dibawa adalah dalam had yang dibenarkan. Untuk bukan pemastautin, pengisytiharan telah dimasukkan ke dalam Kad Pendaratan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen.

Pengisytiharan dalam Borang Perisytiharan Pengembara tidak lagi diperlukan dalam keadaan-keadaan berikut:

- ↑ Pengembara pemastautin dan bukan pemastautin yang membawa sebarang amaun mata wang asing termasuk cek kembara ke dalam negara.
- ↑ Pengembara pemastautin dan bukan pemastautin yang membawa ringgit tidak melebihi RM1,000.
- ↑ Pengembara pemastautin yang membawa keluar mata wang asing termasuk cek kembara, tidak melebihi jumlah bersamaan RM10,000.
- ↑ Pengembara bukan pemastautin adalah bebas untuk membawa masuk mata wang asing, termasuk cek kembara, tanpa mengira jumlahnya. Mereka tidak perlu membuat sebarang pengisytiharan di Borang Perisytiharan Pengembara sekiranya jumlah mata wang asing, termasuk cek kembara, yang dibawa masuk tidak melebihi jumlah bersamaan AS\$2,500.

Bagimanapun, untuk pemastautin, kebenaran secara bertulis daripada Pengawal Pertukaran Wang Asing (Pengawal) diperlukan terlebih dahulu sekiranya jumlah yang di bawa melebihi had yang dibenarkan. Bagi pengembara bukan pemastautin, mereka hanya perlu memperolehi kebenaran sekiranya jumlah yang dibawa keluar melebihi jumlah yang dibawa masuk, jika jumlah yang dibawa keluar melebihi jumlah bersamaan AS\$2,500.

## II. Transaksi Akaun Modal

### (a) Pelaburan Langsung Asing

Pelabur-pelabur langsung asing adalah bebas untuk menghantar pulang pelaburan mereka, termasuk modal, keuntungan, dividen dan faedah.

### (b) Pelaburan Luar Negara oleh Pemastautin

Pemastautin, selain daripada bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar yang diluluskan, adalah dikehendaki mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal bagi menghantar dana yang melebihi RM10,000 untuk tujuan pelaburan di luar negara.

Bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar yang diluluskan boleh membuat pelaburan di luar negara selagi mereka mematuhi Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989 dan had bersih terbuka kedudukan mata wang asing. Penghantaran wang untuk pelaburan luar negara mestilah dibuat dalam mata wang asing.

### (c) Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing daripada Bukan Pemastautin

Pemastautin adalah dibenarkan memperolehi kemudahan kredit dalam mata wang asing sehingga jumlah agregat bersamaan RM5 juta daripada bank

perdagangan, bank saudagar dan bukan pemastautin. Jumlah pinjaman yang melebihi had tersebut perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal. Sekiranya jumlah agregat melebihi bersamaan RM1 juta, pemastautin mesti memberi maklumat mengenai kemudahan kredit yang diperolehinya kepada Pengawal.

Tiada sekatan dikenakan untuk pembayaran balik kemudahan kredit yang diperolehi daripada bukan pemastautin asalkan kemudahan kredit tersebut diperolehi selaras dengan peraturan kawalan pertukaran asing yang berkaitan.

**(d) Kemudahan Kredit dalam Ringgit daripada Bukan Pemastautin**

Pemastautin tidak dibenarkan memperoleh kemudahan kredit dalam ringgit daripada bukan pemastautin tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal.

**(e) Kemudahan Kredit kepada Bukan Pemastautin**

**Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing**

Bank-bank perdagangan adalah bebas untuk memberi kemudahan kredit dalam mata wang asing kepada bukan pemastautin bagi sebarang tujuan. Bagaimanapun, kemudahan kredit untuk pembiayaan membeli atau membangun hartanah di Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang sama untuk kemudahan kredit ringgit seperti yang dinyatakan di bawah.

**Kemudahan Kredit dalam Ringgit**

Institusi-institusi kewangan pemastautin adalah dibenarkan memberi kemudahan kredit kepada bukan pemastautin untuk membiayai pembelian atau pembinaan

hartanah di Malaysia (kecuali pembelian tanah sahaja), tertakluk kepada garis panduan kredit dalaman institusi-institusi kewangan tersebut. Syarikat-syarikat pemastautin adalah dibenarkan untuk memberi kemudahan kredit kepada kakitangannya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan untuk membiayai pembelian atau pembinaan hartanah di Malaysia (kecuali perolehan tanah sahaja). Bukan pemastautin hanya dibenarkan untuk memperoleh, pada bila-bila masa, tidak melebihi 3 kemudahan kredit dalam ringgit untuk pembiayaan pembelian hartanah di Malaysia. Semua pembelian hartanah oleh bukan pemastautin tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC).

Bank-bank perdagangan dan Bank Islam Malaysia Berhad adalah dibenarkan untuk memberi kemudahan pembiayaan "intra-day" dalam ringgit tidak melebihi jumlah agregat RM200 juta dan had semalaman tidak melebihi jumlah agregat RM10 juta kepada syarikat broker saham bukan pemastautin dan bank kustodian global bukan pemastautin. Kemudahan ini adalah hanya untuk membiayai jurang pendanaan untuk pembelian sekuriti di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang diakibatkan oleh kesilapan teknikal yang tidak dijangka atau tidak dapat dielakkan atau kelewatan zon masa.

Di samping itu, institusi-institusi perbankan adalah dibenarkan untuk memberi kemudahan kredit dalam ringgit sehingga jumlah agregat RM200,000 kepada seorang bukan pemastautin bagi sebarang tujuan selain daripada untuk membiayai pembelian atau pembangunan hartanah di Malaysia dan pembelian sebuah kenderaan untuk kegunaan sendiri. Kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal adalah perlu bagi pemberian kemudahan kredit yang melebihi had yang dibenarkan.



Syarikat-syarikat broker saham pemastautin adalah dibenarkan untuk memberi kemudahan pembiayaan margin kepada pelanggan-pelanggan bukan pemastautin untuk membeli saham-saham yang disenaraikan di BSKL, dengan syarat mereka mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh BSKL.

### Swap/Kontrak Tukaran Kehadapan dalam Ringgit

Peniaga mata wang asing yang dibenarkan adalah bebas untuk mengikat kontrak swap jangka masa pendek dengan broker saham bukan pemastautin dan bank kustodian global bukan pemastautin untuk melindungi nilai pembayaran bagi pembelian saham di BSKL. Peniaga mata wang asing yang dibenarkan adalah juga bebas untuk mengikat kontrak jualan ringgit tukaran hadapan sehalu dengan bukan pemastautin untuk tujuan yang sama. Kebenaran tersebut adalah tertakluk kepada syarat kontrak sedemikian mestilah berdasarkan komitmen yang sah untuk membeli saham dan bukan berdasarkan pembelian yang dijangka akan dibuat. Tempoh kontrak yang dibenarkan adalah sehingga tiga hari perniagaan di mana pilihan untuk memanjangkan jangka masa kontrak adalah tidak dibenarkan.

#### (f) Pelaburan Portfolio

Bukan pemastautin adalah bebas menghantar pulang modal dan keuntungan pelaburan portfolio mereka pada bila-bila masa dengan pemansuhan sistem levi pada 2 Mei 2001.

### III. Kemudahan Kredit dalam Ringgit kepada Syarikat yang dikuasai oleh Bukan Pemastautin

Pemastautin adalah dibenarkan memberi kemudahan kredit dalam ringgit kepada Syarikat yang dikuasai oleh Bukan Pemastautin (NRCC) yang beroperasi di Malaysia sehingga had agregat RM10 juta

bagi setiap kumpulan syarikat dan sebarang jumlah kemudahan kredit pembiayaan perdagangan berjangka pendek yang tidak melebihi 12 bulan. NRCC perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal bagi mendapatkan pinjaman tempatan yang jumlah agregatnya melebihi RM10 juta dan perlu mematuhi nisbah 3:1 di antara pinjaman dalam negara dan dana modal yang layak.

Daripada jumlah kemudahan kredit yang diberi kepada NRCC oleh institusi perbankan pemastautin di Malaysia, institusi perbankan yang dikuasai oleh bukan pemastautin hanya boleh memberi kemudahan kredit sehingga had maksima 50%, dengan bakinya diperolehi daripada institusi perbankan yang dikuasai pemastautin.

### IV. Terbitan Sekuriti Hutang Swasta dalam Ringgit

Pada 24 April 2000, kebenaran am telah diberi kepada NRCC untuk memperolehi kredit tempatan melalui terbitan Sekuriti Hutang Swasta dalam ringgit tanpa mengira amaun seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Kawalan Pertukaran Asing Sekuriti Hutang Swasta. Bagaimanapun, NRCC tersebut perlu mematuhi peraturan 50:50 dan nisbah 3:1. NRCC adalah dikecualikan daripada peraturan 50:50 sekiranya Sekuriti Hutang Swasta tersebut adalah diterbitkan melalui sistem tender kompetitif. Perolehan daripada Sekuriti Hutang Swasta tersebut mestilah digunakan untuk tujuan produktif. Amaun yang diterbitkan adalah dikira sebagai sebahagian daripada jumlah keseluruhan kemudahan kredit tempatan NRCC tersebut.

### V. Akaun Mata Wang Asing Pemastautin

Pengeksport pemastautin adalah dibenarkan membuka akaun mata wang asing dengan bank perdagangan di Malaysia untuk menyimpan perolehan eksport dalam mata wang asing di antara AS\$1 juta dan AS\$10 juta, bergantung kepada jumlah penerimaan perolehan eksport mereka:

Jumlah Had Semalaman	Jumlah Penerimaan Perolehan Eksport Bulanan
AS\$10 juta	Melebihi RM20 juta
AS\$ 5 juta	Melebihi RM10 juta, sehingga RM20 juta
AS\$ 3 juta	Di antara RM 5 juta dan RM10 juta
AS\$ 1 juta	Kurang daripada RM5 juta

Syarikat pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit tempatan adalah dibenarkan untuk membuka akaun mata wang asing bagi menyimpan penerimaan mata wang asing, selain daripada perolehan eksport, sehingga had agregat semalaman:

- AS\$0.5 juta dengan bank-bank perdagangan di Malaysia; dan
- AS\$0.5 juta dengan bank-bank luar pesisir di Labuan.

Syarikat pemastautin yang tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan adalah dibenarkan membuka akaun mata wang asing dengan bank-bank perdagangan di Malaysia bagi menyimpan penerimaan dalam mata wang asing, selain daripada perolehan eksport, tanpa sebarang had semalaman dikenakan oleh Bank Negara Malaysia.

Pemastautin individu juga dibenarkan membuka akaun mata wang asing semata-mata bagi tujuan pekerjaan dan melanjutkan pelajaran di luar negara. Jumlah agregat had semalaman akaun-akaun matawang asing tersebut adalah AS\$100,000 jika dibuka dengan bank-bank perdagangan di Malaysia, AS\$100,000 dengan bank-bank luar pesisir di Labuan dan AS\$50,000 dengan bank-bank luar negara.

## VI. Akaun Mata Wang Asing Bukan Pemastautin

Bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar yang diluluskan adalah dibenarkan untuk membuka akaun mata wang asing untuk bukan pemastautin.

Tiada sekatan dikenakan ke atas kemasukan dan pengeluaran dana melalui akaun mata wang asing kepunyaan bukan pemastautin.

## VII. Akaun Luaran Bukan Pemastautin

Institusi perbankan adalah bebas untuk membuka akaun dalam ringgit yang dikenali sebagai Akaun Luaran bagi bukan pemastautin.

Bukan pemastautin adalah dibenarkan untuk menggunakan dana dalam akaun ringgit untuk tujuan berikut:

- Pembelian mata wang asing;
- Pembelian aset ringgit;
- Pembayaran untuk pembelian barang-barang dan perkhidmatan yang digunakan di Malaysia oleh pemegang Akaun Luaran tersebut;
- Pembayaran untuk perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia;
- Pembayaran untuk jaminan bukan kewangan, iaitu bayaran di bawah jaminan yang dipanggil ke atas pemegang Akaun Luaran;
- Pemberian pinjaman dan pendahuluan kepada pekerja di Malaysia, mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan;
- Pembayaran balik kemudahan kredit yang telah diberikan mengikut syarat-syarat ECM Notis, ECM 6 atau pembayaran balik kemudahan kredit yang telah diberi mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan;
- Pengeluaran wang tunai tanpa had; dan
- Pembayaran untuk sebarang tujuan kepada pemastautin kecuali tujuan-tujuan berikut—
  - Pembayaran untuk import barangan dan perkhidmatan;

- Pemberian kemudahan kredit kepada pemastautin yang tidak mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan;
- Pembayaran untuk jaminan kewangan; dan
- Pembayaran bagi pihak ketiga.

Sumber dana bagi akaun ringgit tersebut boleh berasal daripada sumber-sumber berikut:

- Penjualan mata wang asing;
- Penjualan aset ringgit;
- Semua pendapatan dari Malaysia termasuk gaji, upah, sewa, komisen, faedah, untung atau dividen;
- Dana dari kemudahan kredit yang diperolehi mengikut syarat-syarat di bawah ECM Notice, ECM 6;
- Dana dari pembayaran balik kemudahan kredit yang diberi mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan;
- Deposit wang tunai yang tidak melebihi RM10,000 sehari; dan
- Pemindahan dana dari Akaun Luaran yang dipegang oleh pemegang akaun yang sama.

Dana ringgit dalam Akaun Luaran mempunyai konvertibiliti penuh dan boleh diguna untuk tujuan-tujuan seperti yang dibenarkan di atas.

Tiada sekatan dikenakan ke atas operasi Akaun Luaran bukan pemastautin yang bekerja di Malaysia (termasuk pasangan, anak dan ibubapa bukan pemastautin tersebut yang sedang menetap di Malaysia), bukan pemastautin yang belajar di Malaysia (termasuk pasangan, anak dan ibubapa bukan pemastautin tersebut yang sedang menetap di Malaysia), bank-bank pusat, kedutaan, konsulat, suruhanjaya tinggi, organisasi-organisasi supranasional atau antarabangsa yang diakui oleh Kerajaan Malaysia.

## VII. Taraf Istimewa Yang Diberikan kepada Syarikat-Syarikat Terpilih

### (a) Entiti-entiti luar pesisir di Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan

Entiti-entiti yang ditubuhkan di Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan (Labuan IOFC) adalah diisytiharkan sebagai bukan pemastautin, bagi tujuan kawalan pertukaran asing, selepas mereka diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan/atau Akta Bank Luar Pesisir 1990 atau Akta Insurans Luar Pesisir 1990 mengikut keadaan masing-masing. Entiti-entiti luar pesisir di Labuan IOFC adalah bebas untuk mengurus niaga dalam mata wang asing dengan bukan pemastautin.

Bank-bank Luar Pesisir Berlesen di Labuan adalah dibenarkan menerima pembayaran dalam ringgit daripada pemastautin hasil daripada yuran, komisen, dividen, atau faedah daripada deposit.

Mulai 30 September 2000, Bank-bank Luar Pesisir Berlesen di Labuan adalah dibenarkan melabur dalam aset/instrumen ringgit di Malaysia bagi pihak mereka sendiri tertakluk kepada syarat pelaburan mestilah dilakukan secara langsung melalui institusi-institusi perbankan atau broker dalam negara. Pelaburan tidak boleh dibiayai daripada pinjaman ringgit.

Semua entiti luar pesisir adalah bebas untuk menyelenggarakan akaun ringgit dengan bank-bank dalam negeri bagi memudahkan pembayaran perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia.

Entiti-entiti Insurans Luar Pesisir di Labuan adalah dibenar menyelenggarakan akaun ringgit dengan bank-bank dalam negeri. Mereka boleh mengguna akaun ringgit mereka untuk pembayaran perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia, termasuk penerimaan premium insurans dan pembayaran tuntutan-tuntutan dari perniagaan insurans dan penginsurans semula perniagaan insurans tempatan.

**(b) Syarikat Koridor Raya Multimedia**

Syarikat-syarikat yang beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSC) dan diperbadankan sebagai entiti sah secara berasingan, adalah dikecualikan daripada peraturan kawalan pertukaran asing apabila mereka diberi taraf MSC oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia. Pengecualian ini adalah hanya untuk transaksi yang dilakukan bagi urusan syarikat MSC itu sendiri. Bagaimanapun, kebenaran terlebih dahulu perlu diperolehi sebelum syarikat ini berurusan dengan negara Israel dan Republik Persekutuan Yugoslavia (Serbia dan Montenegro). Di samping itu, syarikat MSC juga dikehendaki mengemukakan borang/laporan/penyata statistik.

**(c) Ibu Pejabat Operasi yang diluluskan**

Ibu Pejabat Operasi yang diluluskan (OHQ) adalah dibenarkan membuka akaun mata wang asing dengan bank-bank perdagangan di Malaysia bagi menyimpan perolehan eksport sehingga jumlah agregat had semalaman AS\$10 juta, tanpa mengambil kira jumlah perolehan eksport mereka.

OHQ adalah juga dibenarkan membuka akaun mata wang asing dengan bank-bank perdagangan di Malaysia, bank-bank luar pesisir di Labuan atau bank-bank luar negeri untuk tujuan menyimpan penerimaan dalam mata wang asing, selain daripada perolehan eksport, tanpa sebarang sekatan ke atas had semalaman.

OHQ adalah dibenarkan untuk memperolehi kemudahan kredit dalam ringgit tidak melebihi RM10 juta, tertakluk kepada syarat dana ringgit tersebut digunakan di Malaysia.

OHQ dibenarkan untuk memperolehi sebarang jumlah kemudahan kredit dalam mata wang asing daripada bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar di Malaysia, dan daripada mana-mana bukan pemastautin dengan syarat OHQ tidak

meminjamkan semula, atau memperolehi dana itu bagi pihak pemastautin. Kemudahan kredit ini boleh pinjamkan kepada syarikat yang berkaitan dengan mereka di luar negara atau dilaburkan ke luar negara sekiranya jumlah agregat kemudahan kredit tempatan OHQ dalam ringgit tidak melebihi RM10 juta.

**(d) Pusat-Pusat Perolehan Antarabangsa yang diluluskan**

Pusat-pusat Perolehan Antarabangsa yang diluluskan (IPC) adalah dibenarkan menyimpan sebarang jumlah perolehan eksport dalam akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank-bank perdagangan dalam negeri bagi aktiviti-aktiviti IPC yang telah diluluskan. IPC juga adalah dibenarkan mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank-bank perdagangan dalam negeri untuk tujuan menghindarkan risiko pertukaran asing berdasarkan jumlah jangkaan perdagangannya.

## XV. PERJANJIAN MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI

Perjanjian mengelakkan cukai dua kali adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya cukai dua kali ke atas pendapatan antarabangsa seperti keuntungan perniagaan, dividen, faedah dan royalti yang diperolehi di sesebuah negara dan dikirimkan ke negara lain. Dengan itu, ia menghapuskan "halangan cukai" ke atas perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Perjanjian ini juga memperuntukkan pertukaran maklumat mengenai pendapatan yang berkaitan untuk mencegah pengelakan cukai pendapatan.

Di bawah perjanjian mengelakkan cukai dua kali, keuntungan perniagaan adalah dikenakan cukai di negara di mana perusahaan itu ditempatkan. Jika perusahaan itu dijalankan melalui organisasi perniagaan tetap yang terletak di satu lagi negara yang menandatangani perjanjian tersebut, maka cukai adalah dikenakan di negara yang satu lagi itu. Jumlahnya

bergantung kepada banyaknya keuntungan yang diperolehi oleh atau yang dibahagikan kepada organisasi perniagaan tetap dalam negara di mana ianya terletak.

Dalam kebanyakan perjanjian mengelakkan cukai dua kali, keuntungan daripada pengangkutan laut dan udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa adalah dikenakan cukai di negara di mana pengurusan dan pengawalan syarikat itu dijalankan.

Dalam kebanyakan perjanjian mengelakkan cukai dua kali yang ditandatangani oleh Malaysia, negara pejanji bersetuju dengan pemberian kredit ke atas cukai yang dikecualikan oleh Malaysia secara timbal balas. Dalam kes pembayaran dividen oleh syarikat-syarikat yang dikecualikan daripada cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, penerima adalah juga dikecualikan dari cukai pendapatan Malaysia ke atas dividen tersebut. Jika penerima dikenakan juga cukai ke atas pendapatan dividen di negara pejanji, maka negara pejanji itu akan memberi kredit seolah-olah cukai Malaysia telah dibayar.

Sehingga sekarang sebanyak 55 buah negara telahpun menandatangani perjanjian mengelakkan cukai dua kali dengan Malaysia iaitu:

	Negara	Tarikh Ditandatangani
1.	Sweden	21.11.1970
2.	Denmark	04.12.1970
3.	Norway	23.12.1970
4.	United Kingdom	30.03.1973
	United Kingdom (Perjanjian Baru)	10.12.1996
5.	Belgium	24.10.1973
	Belgium (Protokol)	21.11.1995
6.	Switzerland	30.12.1974
7.	France	24.04.1975
	France (Protokol)	31.01.1991
8.	Republik Persekutuan Jerman	08.04.1977
9.	Poland	16.09.1977
10.	Romania	26.11.1982
11.	Itali	28.01.1984

	Negara	Tarikh Ditandatangani
12.	Finland	28.03.1984
13.	Russia	31.07.1987
14.	Netherlands	07.03.1988
	Netherlands (Protokol)	04.12.1996
15.	Hungary	24.05.1989
16.	Austria	20.09.1989
17.	Albania	24.01.1994
18.	Malta	03.10.1995
19.	Republik Czech	08.03.1996
20.	Ireland	28.11.1998
21.	Singapura	26.12.1968
	Singapura (Perjanjian Tambahan)	06.07.1973
22.	Jepun	30.01.1970
	Jepun (Perjanjian Baru)	19.02.1999
23.	Sri Lanka	16.09.1972
	Sri Lanka (Perjanjian Baru)	16.09.1997
24.	India	25.10.1976
	India (Perjanjian Baru)	14.05.2001
25.	Thailand	29.03.1982
	Thailand (Protokol)	10.02.1995
26.	Korea Selatan	20.04.1982
27.	Filipina	27.04.1982
28.	Pakistan	29.05.1982
29.	Bangladesh	19.04.1983
30.	China	23.11.1985
31.	Indonesia	12.09.1991
32.	Iran	11.11.1992
33.	Sudan	07.10.1993
34.	Turkey	27.09.1994
35.	Jordan	01.10.1994
36.	Mongolia	27.07.1995
37.	Vietnam	07.09.1995
38.	Emiriyah Arab Bersatu	28.11.1995
39.	Kuwait	06.04.1997
40.	Egypt	14.04.1997
41.	Uzbekistan	06.10.1997
42.	Republik Kyrgyz	19.11.2000
43.	Myanmar	09.03.1998
44.	Bahrain	14.06.1999
45.	New Zealand	19.03.1976
	New Zealand (Protokol)	14.07.1994
46.	Australia	20.08.1980
47.	Papua New Guinea	20.05.1993
48.	Fiji	19.12.1995
49.	Canada	16.05.1976

	Negara	Tarikh Ditandatangani
50.	Mauritius	23.08.1992
51.	Zimbabwe	28.04.1994
52.	Namibia	28.07.1997
<b>PERJANJIAN TERHAD</b> (Berhubung Dengan Cukai Ke atas Pendapatan Bagi Perniagaan Pengangkutan Udara dan Laut)		
53.	Saudi Arabia	18.07.1993
54.	U.S.A	17.04.1989
55.	Republik Argentina	03.10.1997

## XVI. PERJANJIAN JAMINAN PELABURAN

Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) adalah bertujuan melindungi kepentingan pelabur-pelabur daripada risiko bukan perdagangan seperti pengambilan milik dan pemilikan negara dan bagi membenarkan pengirim dan pemindahan modal. Bagi negara yang sedang membangun seperti Malaysia adalah diharapkan IGA akan membantu mempercepatkan kegiatan perindustrian dengan menggalakkan kemasukan modal asing. Pada umumnya IGA yang menghalang tindakan yang sewenang-wenangnya oleh negara penerima, akan menambahkan keyakinan pelabur-pelabur asing.

### Liputan

IGA biasanya meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) Suatu jaminan bahawa tidak berlakunya pengambilan milik atau pemilikan negara kecuali bagi maksud yang sah atau untuk tujuan awam dan di bawah proses undang-undang dan dengan bayaran pampasan yang segera dan mencukupi.
- (b) Suatu kebenaran bagi mengirim atau memindahkan keuntungan atau modal di atas pelaburan dalam mana-mana mata wang yang boleh digunakan dengan mudah.

### Penerima Faedah

Di bawah kebanyakan IGA, penerima-penerima faedah adalah:

- (a) Rakyat atau warga negara mengikut undang-undang setiap negara yang mengikat perjanjian; dan
- (b) Syarikat-syarikat yang ditubuhkan di mana-mana negara yang mengikat perjanjian di mana sebahagian besarnya dipunyai oleh, dan pengurusan serta pengawalannya terletak di tangan rakyat setiap negara yang mengikat perjanjian itu.

### Timbang Tara

Di bawah IGA, dua bentuk pertikaian mungkin wujud. Pertama, pertikaian mengenai tafsiran atau pemakaian perjanjian itu sendiri dan kedua, pertikaian berhubung dengan pelaburan di negara-negara yang mengikat perjanjian:

- (a) Dalam kebanyakan IGA yang telah ditandatangani oleh Malaysia, adalah diperuntukkan bahawa pertikaian mengenai tafsiran atau pemakaian perjanjian itu hendaklah diselesaikan secara perundingan melalui saluran diplomatik. Ini adalah bertujuan untuk mencapai satu penyelesaian secara baik. Sekiranya pertikaian itu gagal diselesaikan dengan cara sedemikian, maka ia akan dikemukakan kepada satu lembaga timbang tara atau lembaga pengadilan untuk penyelesaian. Sekiranya langkah-langkah di atas gagal menyelesaikan pertikaian, ia akan dirujuk kepada Mahkamah Pengadilan Antarabangsa.
- (b) Pertikaian berhubung dengan pelaburan di antara rakyat atau syarikat (pelabur) dengan negara penerima hendaklah terlebih dahulu diselesaikan dengan menggunakan kemudahan pentadbiran dan pengadilan tempatan. Sekiranya cara di atas gagal, maka perkara ini hendaklah dikemukakan untuk penyelesaian atau timbang tara kepada Pusat Penyelesaian Pertikaian Pelaburan Antarabangsa (ICSID) yang ditubuhkan di bawah naungan Bank Antarabangsa bagi Pemulihan dan Pembangunan (IBRD) atau Tribunal Timbang Tara Adhoc Antarabangsa yang ditubuhkan di bawah kaedah-kaedah Timbangtara Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Perdagangan Antarabangsa (UNCITRAL).

## Status Perjanjian Jaminan Pelaburan

Malaysia telah menandatangani IGA dengan negara-negara berikut:

	Negara	Tarikh Perjanjian Ditandatangani
1.	Amerika Syarikat	21.4.1959 (dipinda pada 24.6.1965)
2.	Republik Persekutuan Jerman*	22.12.1960 (dipinda pada 5.11.1965)
3.	Belanda	15.6.1971
4.	Kanada	1.10.1971
5.	Perancis	24.4.1975
6.	Switzerland	1.3.1978
7.	Sweden	3.3.1979
8.	Belgo-Luxembourg	22.11.1979
9.	United Kingdom	21.5.1981
10.	Sri Lanka	16.4.1982
11.	Romania	26.11.1982 (dipinda pada 25.6.96)
12.	Norway	6.11.1984
13.	Austria	12.4.1985
14.	Finland	15.4.1985
15.	Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)	30.9.1987
16.	Kuwait	21.11.1987
17.	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)	15.12.1987
18.	Itali	4.1.1988
19.	Republik Korea	11.4.1988
20.	Republik Rakyat China	21.11.1988
21.	Emiriyah Arab Bersatu	11.10.1991
22.	Denmark	6.1.1992
23.	Republik Sosialis Vietnam	21.1.1992
24.	Papua New Guinea	27.10.1992
25.	Republik Chile	11.11.1992
26.	Republik Demokratik Rakyat Lao	8.12.1992
27.	Taiwan	18.2.1993
28.	Republik Hungary	19.2.1993
29.	Republik Poland	21.4.1993

\* Negara Jerman sejak 3 Oktober 1990

	Negara	Tarikh Perjanjian Ditandatangani
30.	Republik Indonesia	22.1.1994
31.	Republik Albania	24.1.1994
32.	Republik Zimbabwe	28.4.1994
33.	Turkmenistan	30.5.1994
34.	Republik Namibia	12.8.1994
35.	Kerajaan Cambodia	17.8.1994
36.	Republik Argentina	6.9.1994
37.	Jordan	2.10.1994
38.	Republik Bangladesh	12.10.1994
39.	Republik Croatia	16.12.1994
40.	Bosnia Herzegovena	16.12.1994
41.	Sepanyol	4.4.1995
42.	Pakistan	7.7.1995
43.	Republik Kyrgyz	20.7.1995
44.	Mongolia	27.7.1995
45.	Republik India	3.8.1995
46.	Republik Uruguay	9.8.1995
47.	Republik Peru	13.10.1995
48.	Republik Kazakhstan	27.5.1996
49.	Republik Malawi	5.9.1996
50.	Republik Czech	9.9.1996
51.	Republik Guinea	7.11.1996
52.	Republik Ghana	11.11.1996
53.	Republik Arab Mesir	14.4.1997
54.	Republik Botswana	31.7.1997
55.	Republik Cuba	26.9.1997
56.	Republik Uzbekistan	6.10.1997
57.	Macedonia	11.11.1997
58.	Republik Demokratik Rakyat Korea	4.2.1997
59.	Republik Yemen	11.2.1998
60.	Republik Turki	25.2.1998
61.	Republik Lebanon	26.2.1998
62.	Burkina Faso	23.4.1998
63.	Republik Sudan	14.5.1998
64.	Republik Djibouti	3.8.1998
65.	Republik Ethiopia	22.10.1998
66.	Senegal	11.2.1999
67.	Negara Bahrain	15.6.1999
68.	Algeria	27.01.2000
69.	Arab Saudi	25.10.2000